

Handwritten scribbles or marks at the bottom of the page.

65

LINTASAN  
POLITIK  
MALAYSIA

16-40



A-004

135132

Penerbit:

Pustaka Abad  
(Nama asal Abad Entaperais)  
1-C, Jalan Raja Abdullah,  
Kuala Lumpur – 03-05  
Cetakan Pertama 1978  
Cetakan Kedua 1979

© Amaluddin B. Darus

M  
320.9595  
AMA

Dicetak oleh  
Dany Press Sdn. Bhd.  
Tel: 566418/568562

APB  
**132135**

## KATA PENERBIT

Buku ini menemui anda sebagai cetakan kedua tanpa sebarang perubahan isi kandungannya, kecuali sedikit pembetulan. Bagaimanapun harganya terpaksa dinaikkan, oleh kerana kenaikan bilangan cetak yang diluar kuasa kami.

Sesungguhnya kami merasa sangat dukacita terpaksa menaikkan harga buku-buku yang baru atau yang diulang cetak menurut kadar perbelanjaan yang dihadapi pada waktunya, semoga hal ini dapat difahami oleh pembaca.

November 1979

Pustaka Aba

## Kandungan

Bahagian	Halaman
0 Pengantar	5
1. Semenanjung Tanah Melayu	7
2. Perubahan yang Tidak Berubah	25
3. Maka Kita Pun Mula Berbalah	41
4. Mabuk Main Politik	66
5. Malaysia Dan Singapura	104
6. Mengenal Perjuangan	120
7. Selepas 13 Mei 1969	156
8. Penutup	174

## PENGANTAR

Dengan nama Allah, Pemurah, Penyayang. SEGALA pujian bagi Allah, Tuhan semesta alam. Shalawat dan salam kepada RasulNya, Muhammad s.a.w. Bahagia dan Sejahtera adalah dijanjikan kepada Manusia di Bumi ini, yang rela menerima dan menyerah diri kepada Allah subhanahu wata'ala.

Sebagai seorang warganegara Malaysia yang telah menghabiskan sebahagian umurnya untuk perjuangan politik di negara ini, maka segala yang telah dialami pada masa yang lalu adalah sentiasa menjadi kenangan dan kadang-kadang satu-satu kejadian itu terlintas juga di dalam ingatan apabila ada sesuatu perkara baru yang timbul.

Buku ini yang diberi judul *Lintasan Politik Malaysia* adalah sebahagian dari kenangan yang terlintas di dalam ingatan saya, yang mana pada hemat saya ada juga baiknya saya tulis sekalipun saya akui adalah terlalu jauh dari lengkap.

Sekalipun karangan ini diakui terlalu jauh dari lengkap dan sempurna, namun sebagai satu sumbangan, diharap buku ini dapatlah juga dijadikan tambahan kepada jumlah buku-buku mengenai perkembangan politik di negara Malaysia.

Di samping menceritakan sebahagian dari kisah-kisah suka duka politik negara kita, saya juga memberi pandangan-pandangan dan pendapat saya secara bebas, untuk difikirkan oleh masyarakat Manusia Malaysia sekarang dan juga oleh generasi Malaysia akan datang.

Dari apa yang telah dialami oleh Manusia, memang patut sekali dikaji semula, tentang buruk dan baiknya segala yang telah berlaku itu. Biasanya Manusia yang berakal ialah Manusia yang selalu mencari di mana kesilapan dan kelemahan dirinya.

Demikianlah juga satu bangsa atau satu umat perlu sekali mengulangkaji dan mencari sesuatu yang baik untuk ditauladani dan sesuatu yang buruk itu dapat pula diperbaiki. Sesungguhnya untuk maksud inilah buku ini ditulis.

Amaluddin Darus

## **BAHAGIAN PERTAMA**

### **SEMENANJUNG TANAH MELAYU**

APABILA orang-orang barat menyerbu ke daerah bumi sebelah sini, dimulai oleh Portugis, yang dikatakan oleh orang-orang Melaka, Bengali putih, kemudian diikuti oleh Belanda, Sepanyol, Inggeris, mereka dapati daerah kepulauan ini adalah daerah Melayu. Lalu merekapun mengakui kenyataan itu, dan kerana itu, pada peta-peta yang mereka lukis daerah ini disebut sebagai Gugusan Pulau-pulau Melayu.

Kerana yang demikian itu adalah satu hakikat yang tidak dapat dinafikan, maka ianya telah diakui untuk sekian lama di dalam kata-kata dan di dalam tulisan. Demikianlah juga Semenanjung Tanah Melayu, telah diakui akan kewujudannya dan kerana itu maka dikatakan dan telah dituliskan sebagai Semenanjung Tanah Melayu.

Kedatangan bangsa-bangsa barat ke daerah ini, dan kemudian diikuti oleh Inggeris dengan bertapak di Singapura, Pulau Pinang dan Melaka adalah pembuka jalan kepada penguasaan Inggeris ke seluruh Semenanjung Tanah Melayu, ke-



cuali Pattani dan Setul di Utara Semenanjung. Pattani telah dijadikan tawar menawar politik di mana pada tahun 1910, Inggeris menandatangani perjanjian dengan Siam yang mengakui kedaulatan Siam ke atas daerah Utara Semenanjung, sebagai pertukaran peralihan kekuasaan Inggeris ke atas Perlis, Kedah, Kelantan dan Trengganu daripada Siam.

Sumber-sumber alam yang tumbuh subur di daerah ini, seperti lada, cengkik dan sebagainya telah mendorong Inggeris mencengkam Semenanjung dan mendorong pemindahan orang-orang China ke Semenanjung ini tanpa menimbangkan akibat yang bakal berlaku kemudian kelak.

Setelah didapati kejayaan percobaan menanam getah di kawasan negeri Perak, dari benih yang dibawa dari Brazil, maka bagi maksud pengangkutan hasil-hasil bijih dan getah inilah keretaapi telah diperkenalkan di Perak, Semenanjung Tanah Melayu. Dan oleh sebab-sebab keperluan inilah juga orang-orang India Selatan telah digalakkan masuk Semenanjung ini bagi maksud menjadi buruh di ladang-ladang getah, juga untuk membina jalan dan pengendalian keretaapi.

Pemerintah Inggeris mengadakan undang-undang menubuhkan tabung membantu dan membela kepentingan orang-orang India Selatan yang berpindah ke mari. Semua yang dilakukan oleh Inggeris terhadap kemasukan orang-orang

asing ke Semenanjung adalah diperhitungkan dari sudut kemajuan menggaruk keuntungan ekonomi, demi menjadikan Inggeris sebagai bangsa yang kaya dan gagah di planet Bumi ini.

Seorang Melayu yang sedar akan kecelakaan yang bakal menimpa generasi akan datang oleh sikap Inggeris itu telah pernah menyuarakan supaya dibawa masuk buruh-buruh dari Jawa sebagai ganti membenarkan masuk orang-orang India dan Cina ke Semenanjung Tanah Melayu ini.

Residen Inggeris di Perak merenung muka Melayu itu, dan memujinya sebagai seorang yang mempunyai 'very good idea'. Justeru kerana fikirannya yang begitu bergeliga, secara diam-diam Inggeris merencanakan supaya orang ini dikirim keluar negeri menjadi kakitangan konsol Inggeris di Jeddah.

Demikianlah ceritanya, Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Zainuddin yang pernah menjadi guru di Malay College Kuala Kangsar, iaitu bapa kepada sahabat saya Tuan Haji Abdul Latif.

Dari segi politik, mungkin inilah seorang rakyat Melayu yang pertama disifatkan sebagai *persona non grata* oleh Inggeris, dan kerana kesedarannya itu, maka Inggeris mengeluarkannya dari negeri Perak, Semenanjung Tanah Melayu, demi menjaga ketenteraman politik dan untuk menjaga kelicinan jarum politik dari sebarang manusia Melayu yang mempunyai 'very good idea'.

Sebahagian Semenanjung Tanah Melayu telah dimajukan dengan pembukaan lombong-lombong bijih dan berjuta-juta ekar tanah untuk ladang-ladang getah Inggeris. Dan bersamaan dengan kemajuan pesat itu, nama Semenanjung Tanah Melayu mulai disebut dengan perkataan Malaya, dan dengan tidak malu-malu Inggeris menulisnya sebagai British Malaya.

Sungguh banyak orang yang membuat kajian mengenai perkembangan politik Malaya, dan banyak pula yang telah menjadikannya sebagai tesis untuk mendapat ijazah dari universiti. Ahli-ahli kaji politik dan masyarakat dari beberapa negara juga tidak kurang jumlahnya yang telah datang ke mari dengan maksud membuat kajian dan penulisan buku.

Setiap kali kajian dibuat oleh para pengkaji, mereka telah mendapat kesimpulan, bahwa orang-orang dalam negara Malaysia ini, bagaimanapun telah disedarkan oleh orang-orang yang berpendidikan agama, melalui majalah-majalah, akhbar-akhbar dan buku-buku.

Memang tidak boleh dinafikan bahwa sejarah kesedaran Melayu di Semenanjung bermula dari usaha-usaha golongan yang mempunyai kesedaran agama, yang pada waktu itu digelar orang sebagai kaum muda.

Inggeris adalah satu bangsa yang belum pernah hilang dendamnya terhadap kekalahan King Richard the Lion Heart oleh Salahuddin Ayubi. Di mana sahaja mereka menemui umat Islam,

menjadi kewajiban dari dendam mereka menghancurkan seluruh kekuatan muslimin baik jasmani atau rohani.

Mereka mengetahui, bahwa umat Islam telah melawan mereka selama 200 tahun dalam sejarah perang salib yang berakhir dengan kekalahan mereka yang memalukan, sejak itu mereka memerangi kaum muslimin dengan senjata baru tanpa menggunakan besi.

Orang-orang Inggeris mendapati penduduk Semenanjung adalah kaum muslimin. Sungguhpun muslimin di sini sedikit, lemah dan terpecah di dalam beberapa negeri kecil, tetapi mereka tetap menjalankan jarum halus bagi menguasai dan memperhambakan bangsa Melayu melalui ketua-ketua mereka dan menghancurkan keyakinan mereka serta menyediakan rancangan jangka panjang untuk menghancurkan seluruh kebangkitan manusia yang beragama Islam di Semenanjung Tanah Melayu ini.

Bahawa apa yang dilakukan oleh Inggeris secara halus semuanya telah dirancang. Bagi muslimin hal ini telahpun diterangkan oleh Allah di dalam Quran yang bermaksud mereka itu orang-orang nasrani tidak pernah redha terhadap muslimin melainkan sehingga muslimin menurut cara hidup mereka.

Kesedaran yang dilahirkan oleh manusia muslimin yang memanggil umat kembali kepada Quran dan sunnah tentulah sesuatu yang tidak digemari oleh penjajah Inggeris. Justeru kerana

itulah Inggeris mempergiatkan perkembangan pelajaran, dan memperkenalkan kebudayaan mereka untuk murid-murid di Semenanjung yang telah dinamakan Malaya. Inggeris telah mengeluarkan buku-buku *Malayan Reader* untuk pelajar-pelajar kecil di Malaya. Sesungguhnya siapa-pun tidak sedar betapa Inggeris telah menyimpan niat akan memalayakan manusia di negeri-negeri Semenanjung ini sejak lama dulu.

Di antara isi buku *Malayan Reader, Book One*, ada cerita tentang masjid, rumah berhala dan gereja. Gambar-gambar masjid dan gereja dan rumah berhala itu dimasukkan di dalamnya.

Masjid dikatakan cantik, tetapi di dalamnya tidak ada kerusi seperti di gereja. Muslim dikatakan bernama muslim kerana mereka pengikut Muhammad. Orang-orang Islam sembahyang seminggu sekali pada hari Jumaat. Orang-orang Islam yang baik sembahyang lima kali sehari.

Demikianlah anak-anak kecil keturunan muslimin telah dididik dan dimasukkan jarum halus, oleh Inggeris supaya tahu akan perbezaan bahwa di gereja ada kerusi dan di masjid hanya duduk di lantai. Orang-orang Kristian sembahyang seminggu sekali pada hari Ahad, seperti orang-orang Islam sembahyang seminggu sekali pada hari Jumaat. Hanya 'a good muslim prays five times a day'.

Pembesar-pembesar dari negeri-negeri kecil di Semenanjung selalu diundang pergi ke London, seolah-olah seperti Allah memperjalankan Mu-

hammad s.a.w. ke Muntaha, dan memperlihatkan sebahagian dari tanda-tanda kebesaran Allah, demikianlah Inggeris membawa pembesar-pembesar Melayu ke London untuk memperlihatkan kebesaran mereka kepada anak-anak jajahan, dan menggalakkan anak-anak tertentu terus belajar di England.

Inggeris telah menyemai benih-benih beracun ini, dan dari semaian ini, anak-anak pilihan di dalam negeri-negeri kecil ini dipindahkan ke Malay College Kuala Kangsar, untuk melahirkan kader-kader dan calon-calon yang baik bagi kesuburan dasar-dasar penguasaan orang-orang Kristian ke atas muslimin menerusi liberalisma.

Kegiatan golongan Islam, yang sentiasa diawasi oleh Inggeris, terus dilaga-lagakan dengan golongan tua yang dapat dipergunakan oleh Inggeris. Dalam keadaan pertentangan golongan muda dan tua, di mana Inggeris memperlindungi golongan tua ini, maka kegiatan Islam hanyalah dapat melahirkan ustaz-ustaz dan sekolah-sekolah Arab.

Kekuasaan Inggeris melahirkan sekolah-sekolah Inggeris dan juga melindungi kegiatan perkembangan sekolah-sekolah agama Kristian yang berbahasa pengantar Inggeris. Di samping itu dari Sultan Idris Training College di Tanjung Malim yang disediakan untuk melatih guru-guru sekolah rendah Melayu telah timbul kegiatan nasional yang tidak dapat dipisahkan dari campur tangan pelarian-pelarian politik dari Indonesia

setelah gagal pemberontakan komunis Indonesia pada tahun 1927.

Dari perkembangan ini, lahirlah kesedaran dan kebangkitan orang-orang Melayu dalam tiga aliran, yaitu aliran agama Islam, aliran nasionalisma, yang tersembunyi di dalamnya unsur-unsur sosialisma, dan aliran liberalisma—sekularisma yang menganggap bahwa persoalan agama itu adalah persoalan peribadi dan agama itu suci maka tidak boleh dicampur dengan politik, yang kotor, persis seperti amalan guru Inggeris mereka.

Perjuangan politik orang-orang Melayu yang dipelopori oleh golongan Islam, ditambah oleh golongan nasional telah sampai kepada kemuncaknya, tetapi seluruh kejayaan itu diambil oleh golongan liberalisma, kader-kader Inggeris dari Malay College Kuala Kangsar atau yang sealiran.

Demikianlah yang telah terjadi. Sementara kebangkitan orang-orang Melayu secara mengingut-ingsut, orang-orang Inggeris mengangkut kekayaan negara ini semau-maunya. Orang-orang Cina yang dulunya mencari makan dan ikut sama dalam kongsi-kongsi gelap mereka seperti yang memang wujud di Negeri Cina, mulai juga menempuh kesedaran.

Kalau dulunya mereka memang benar-benar mencari makan, tetapi oleh tiupan semangat Dr. Sun Yet Sen, kesedaran nasional mereka bermula, dan lelaki mulai memotong tocangnya, dan anak-anak perempuan mulai tidak diikat kakinya lagi.

Orang-orang India mencari makan dan mengi-  
rim balik atau membawa balik wang ke India.  
Orang-orang Cina membeli tanah dan mengum-  
pulkan harta di Asia Tenggara. Sekolah-sekolah  
Cina mulai dibuka dengan bahasa nasional yang  
dianjurkan oleh Sun Yet Sen di negeri Cina,  
dan guru-guru dari Cina didatangkan ke Mala-  
ya. Orang-orang Melayu terus bertengkar sesama  
mereka dan Inggeris asyik memungkah bahan-  
bahan mentah dari Malaya sambil mengawasi  
monopoli kemasukan barang-barang buatan Eng-  
land di pasaran Malaya.

Pecahnya perang Asia Timur Raya menurut  
laungan Jepun, menyebabkan Inggeris mundur  
teratur dari Malaya. Jepun menyerbu melalui  
Singgora, Pattani dan Kota Baharu di utara Se-  
menanjung Tanah Melayu.

Perlawanan Siam yang netral selama tiga hari  
telah dilumpuhkan oleh Jepun dengan janji akan  
menunaikan permintaan Siam supaya Perlis, Ke-  
dah, Kelantan dan Trengganu diserahkan kem-  
bali kepada Siam menjadi sebagian dari negara  
Thailand.

Sepanjang zaman hidup saya, telah saya lalui  
zaman penjajahan Inggeris, penjajahan Jepun,  
penjajahan Siam dan kembali lagi kepada Ingge-  
ris pada tahun 1945.

Inggeris kembali setelah Jepun menyerah ka-  
lah kepada Amerika Syarikat akibat ledakan  
bom atom di Hiroshima dan Nagasaki. Inggeris  
kembali bersama rancangan yang telah disedia-



kan di England sejak tahun 1943, yaitu akan menjadikan Malaya sebuah negara yang bersatu untuk 'Malayan'.

Semasa pemerintahan tentera Inggeris masih berlaku, Inggeris menemui tiap-tiap raja Melayu dengan pistol di pinggang dan meminta supaya ditandatangani penyerahan kuasa secara mutlak kepada mahkota Inggeris.

Akhbar-akhbar telah menyiarkan berita mengenai Malayan Union. Saya terbaca suratka-bar *Straits Echo* yang terbit di Pulau Pinang pada suatu pagi dalam tahun 1946, tanggalnya telah lupa saya. Berita besar yang mengisi muka hadapan dengan huruf-huruf besar masih lagi saya ingat berbunyi: 'MALAYA WILL BE ONE COUNTRY AND ONE DISTINY'.

Saya berkejar menemui seorang kawan saya bernama Hamid. Saya tidak dapat mengingat nama penuhnya dan saya tidak tahu di manakah kawan saya itu berada sekarang. Saya ajukan cadangan saya supaya dipanggil pertemuan kawan-kawan yang rapat untuk membincangkan perkembangan politik yang menggemparkan itu.

Kawan saya setuju akan menyediakan jamuan bubur kacang dan saya mengundang kawan-kawan yang rapat kira-kira beberapa belas orang, kebanyakannya anggota-anggota dari Persatuan Pemuda Islam yang kami tubuhkan secara diam-diam di zaman Jepun dengan markasnya di masjid Kulim.

Kami membincangkan penentangan terhadap

Malayan Union, dan hasil dari perbincangan itu ditubuhkanlah 'Langkahan Pemuda Selatan Kedah', di mana saya adalah pegawai penerangannya. Kami mulai masuk ke kampung-kampung bersyarah memberi penerangan kepada rakyat. Waktu itu pertubuhan tidak ada pendaftaran, bersyarah tidak perlu minta kebenaran dan sebenarnya sehingga saya meninggalkan Kulim pada 20 Julai 1946, keanggotaan kami belum lagi berdaftar sebagai anggota pertubuhan. Bila saya kembali ke Kulim pertama kali dalam tahun 1950 saya dapati semua teman-teman saya telah menjadi ahli UMNO dan kabarnya Langkahan Pemuda Selatan Kedah hanya tinggal sebagai sebuah badan sokan sahaja.

Orang-orang Melayu bangun di mana-mana. Saya dengar di Alor Setar telah ditubuhkan kesatuan Melayu Kedah, dan telah lahir pula SABERKAS yang dimaknakan 'Sayang akan bangsa ertinya korbankan apa segala.'

Saya dengar bapa dari kawan saya bernama Abdullah telah mengirimi telegram ke London membantah rancangan Malayan Union yang dipaksakan itu. Encik Ayob, begitulah nama bapa kawan saya itu telah tidak dapat menahan perasaan marahnya kepada Inggeris.

Di Johor, Datuk Onn bin Ja'afar telah menubuhkan Pergerakan Melayu Semenanjung Johor. Di Kelantan telah ditubuhkan Persekutuan Persestiaan Melayu Kelantan. Demikian juga dengan negeri-negeri lain, masing-masing ada dengan ke-

satuan ataupun persatuannya, termasuk Singapura.

Semua pertubuhan ini telah dibangunkan berdasar negeri-negeri, kecuali Partai Kebangsaan Melayu Malaya atau Malay Nationalist Party telah ditubuhkan pada 17 Oktober 1945 di atas asas nasional yang meliputi seluruh Semenanjung termasuk Singapura.

Projek Malayan Union tetap akan dilaksanakan. Inggeris yang tidak bermalu itu, tidak pernah mengenangkan betapa perjanjiannya melindungi negeri-negeri Melayu telah gagal apabila Inggeris tidak berdaya mempertahankan serangan Jeneral Yamashita dari pasukan diraja Jepun.

Inggeris hanya memikirkan bagaimana harta bendanya akan terus terjamin di Malaya apabila Jepun dikalahkan kelak, dan bagaimana hendak memuaskan hati orang-orang Cina yang ikut membantu Inggeris mencedok kekayaan Malaya, dan orang-orang Cina juga ikut berjuang melawan Jepun, sekalipun mereka itu MPAJA atau Malayan People Anti-Japanese Army adalah komunis.

Rancangan Malayan Union disusun di London dalam tahun 1943, di mana Malaya sedang diduduki oleh tentera Jepun. Rancangan itu tidaklah terlepas dari campurtangan Tan Cheng Lock, yang pada masa kedatangan tentera Jepun telah melarikan diri dari Malaya bersama-sama Inggeris ke India.

Kebulatan fikiran Inggeris dalam mengujudkan Malayan Union adalah lebih memberi arti kepada Inggeris kulit putih itu sendiri. Rancangan jangka panjang mereka ialah mencantumkan semua jajahan Inggeris di Asia Tenggara yang meliputi British North Borneo, Brunai dan Sarawak.

Di dalam Malayan Union semua rakyat British Commonwealth akan mempunyai hak yang sama sebagai Malayan, di mana mereka berhak mengundi dan diundi. Matlamat sebenar dari rancangan Inggeris ialah melahirkan sebuah negara yang akan dikuasai oleh orang-orang kulit putih sebagai perisai bagi mempertahankan kepentingan dan kehidupan negara-negara kulit putih di Australia dan di New Zealand.

Datuk Onn bin Ja'afar telah bekerja keras menyedarkan orang-orang Melayu. Beliau pergi mengelilingi Malaya memberi kesedaran dan membangunkan semangat orang-orang Melayu menentang Malayan Union. Dan akhirnya Kongres Melayu telah diadakan dan ditubuhkanlah UMNO.

Kongres yang diadakan di Kuala Lumpur pada bulan Oktober tahun 1945 untuk menentang Malayan Union, dan kongres yang diadakan di Johor Baharu pada 11 Mei 1946, bertempat di Istana Besar, telah berhasil menyatukan sebahagian besar orang-orang Melayu, tetapi tidak disertai oleh Partai Kebangsaan Melayu Malaya. Datuk Onn telah dipilih sebagai penganjur orang-

orang Melayu bagi memimpin Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu atau PEKEMBAR. Bagaimanapun nama ini hanya pada nama sahaja—adapun nama yang digunakan dari dahulu hingga sekarang ialah UNITED MALAY NATIONAL ORGANIZATION yang ringkasnya UMNO.

Keadaan ini dapat dimengerti apabila difahami apa yang telah diperkatakan berhubung dengan golongan-golongan terpelajar di Malaya di mana telah wujud tiga aliran berfikir yang nyata berbeda. Kekuasaan mengendalikan orang Melayu dipegang oleh kader-kader Inggeris yang menerima Inggeris sampai ke tulang-tulanginya.

Malayan Union diresmikan oleh Inggeris tanpa mengindahkan bantahan orang-orang Melayu. Raja-raja Melayu telah berkumpul di Kuala Lumpur untuk menghadiri upacara menguburkan Melayu itu. Tetapi atas desakan UMNO, tidaklah jadi mereka ikut menghadiri upacara melantik Gabnor Malayan Union pada tanggal 1 April 1946.

Dalam waktu tentangan hebat orang-orang Melayu di bawah pimpinan Datuk Onn itu, Partai Kebangsaan Melayu Malaya yang tidak menggabungkan dirinya di dalam UMNO, telah bergerak bersama badan-badan lain bukan Melayu yang dinamakan Pusat Tenaga Rakyat (Putera), di mana badan ini menerima Malayan Union pada dasarnya, sambil mengemukakan kepada Inggeris satu rangka 'Perlembagaan' bagi Malaya.

Arus tentangan Melayu begitu hebat hingga

Inggeris terpaksa membatalkan Malayan Union dan menggantikan dengan Federation of Malaya.

Bagi mereka yang berjuang di dalam UMNO, itulah saat kegembiraan mereka, kerana UMNO berjaya menumbangkan Malayan Union. Bagi saya yang bebas dari sebarang parti politik tidak dapat menerima kejayaan itu sebagai satu kemenangan.

Saya melihat Federation of Malaya itu adalah juga Malayan Union, yaitu seperti harimau memakai kulit kambing. Pada perasaan dan pada hemat saya pada ketika itu, Inggeris adalah Inggeris, kalau tidak ditendang mukanya, dia akan sentiasa senyum ketawa, dan boleh menukar baju dari baju serigala kepada baju anjing.

Federation of Malaya, menurut pandangan saya adalah penipuan Inggeris terhadap orang-orang Melayu yang masih belum mahir dengan politik. Sesungguhnya politik Inggeris adalah lebih beracun dari politik Belanda.

Saya pernah diberitahu oleh orang-orang Indonesia, yaitu Soekarno pernah berpidato: 'Sejahat-jahat Belanda masih ada yang aku mahu beri terimakasih kepadanya. Pertama kerana pintu Indonesia dijaga kuat dari kemasukan orang-orang asing. Kedua kerana tanah-tanah di Indonesia tidak dibenarkan dibeli oleh orang-orang asing dan ketiga bahasa Melayu tidak dihalangi berkembang sebagai bahasa penyatuan bangsa Indonesia.'

Biarpun saya ikut menentang Malayan Union

dan menyebelahi UMNO pada tahun 1946, namun saya tidaklah pernah menjadi ahli UMNO. Beberapa orang muda dari API atau Angkatan Pemuda Insaf, meminta saya menjadi anggota, tetapi saya keberatan menyatukan diri dengan API, yaitu bahagian Pemuda dari Partai Kebangsaan Melayu Malaya.

Saya tidak bersedia mencampuri parti-parti itu, semata-mata kerana pemikiran saya meyakinkan saya bahwa hidup dan perjuangan itu hanya satu jua, yaitu memperhambakan diri kepada Allah. Sebarang perjuangan yang tidak mahu tunduk kepada ketetapan-ketetapan yang diatur oleh Allah tidak dapatlah saya menyertai dengan meletakkan diri saya sebahagian daripadanya.

Ini tidak bermakna saya tidak mencintai bangsa saya. Pada hakikatnya saya juga seorang nasionalis yang mencintai bangsa dan negara saya. Tetapi kecintaan terhadap bangsa dan negara tidak boleh mengatasi rasa cinta terhadap Allah, yang daripadanya saya datang, keranaNya saya hidup dan kepadanya saya akan kembali.

Nasionalisma saya, andaikata mahu dikatakan nasionalisma tidaklah terbatas sempit oleh keturunan darah. Nasionalisma itu hendaklah didasarkan kepada geografis politik di Bumi Allah ini, kerana semua manusia keturunan Adam adalah asalnya dari diri yang satu. Saya mengasihi mereka semua, kerana mereka adalah saya.

Sepanjang masa penduduk Jepun, saya

tidak dapat belajar, dan saya tidak juga mempelajari bahasa Jepun. Saya tidak senang dengan penjajahan Nasrani Inggeris, maka tentu sekali saya tidak dapat menyenangi penjajahan Jepun yang musyrik itu.

Kebetulan di rumah saya ada dua jilid tafsir Quran Baidhawi. Tafsir inilah yang saya jadikan perhatian siang dan malam bila ada kelapangan. Mengkaji tafsir ini merupakan asas dari perdam-pingan saya dengan Al-Quran, dan mulalah saya meninggalkan kebiasaan membaca Quran dengan berbagai-bagai lagu dan berqasidah, yang mana ini juga satu kebanggaan bagi saya, kerana saya adalah di antara lima orang murid pilihan Haji Yusuf guru Quran di sekolah Quran Kulim kira-kira 40 tahun dahulu.

Segala pujian bagi Allah, dan saya di samping bersyukur kepada Allah, saya merasa terhutang budi kepada nenek saya yang menyemai rasa cinta kepada Allah, RasulNya dan Islam, dan juga kepada dua orang guru saya di sekolah Al-Huda di Pulau Pinang, yang memberi bimbingan dan menggalakkan daya berfikir saya. Mereka itu ialah Ustaz Mansur Rasyidi dan Ustaz Shaleh Bilah.

Setelah Federation of Malaya berjalan, akhirnya Datuk Onn menyedari betapa jerat Inggeris telah membidas, dan kerana kesedaran inilah maka Datuk Onn mengubah apa yang dikatakan olehnya dahulu, yaitu 'Malaya untuk Melayu', kepada 'Malaya untuk Malayan'.



Sungguh sayang sekali orang-orang Melayu yang baru mula membicarakan politik tidak dapat menerima pandangan Datuk Onn yang jauh bagi menentukan masa depan politik negara ini, di sebalik kelicinan politik Inggeris yang ingin menjayakan jua maksud rancangan Malayan Union, melalui topeng nama Federation of Malaya.

Sekalipun pandangan politik Datuk Onn lebih bijaksana dan saya hormati, tetapi seorang muslim tentu mempunyai pandangan yang berbeza daripada seorang liberal nasionalis pada bila-bila masa jua pun.

## **BAHAGIAN KEDUA**

### **PERUBAHAN YANG TIDAK BERUBAH**

PADA tanggal 1 Februari 1948 bertukarlah Malayan Union, menjadi Federation of Malaya. Pertukaran ini dipandang dari sudut orang Melayu ada baik dan ada buruknya. Dipandang dari kacamata Islam semuanya sama sahaja. Sebab pemerintahan Inggeris dan dasar-dasarnya bukanlah Islam. Adapun Islam hanya akan berjaya semata-mata kerana usaha dari orang-orang yang mahu kepada Islam dan berjuang untuk mendapatnya.

Kelahiran Federation of Malaya disambut oleh UMNO sebagai satu kemenangan. Tetapi disambut dengan 'Hartal', oleh PUTERA yang dipelopori oleh Partai Kebangsaan Melayu Malaya dan dengan kerjasama badan yang lebih besar yang dinamakan All Malaya Council of Joint Action (AMCJA).

Perjuangan PUTERA atau Pusat Tenaga Rakyat adalah juga baik, di mana perjuangannya berteras kepada Partai Kebangsaan Melayu yang masing-masing bersetuju menghormati hak-hak orang Melayu selama sepuluh tahun sebelum per-

samaan sebagai Malayan dilaksanakan sepenuhnya.

Sebenarnya, sekalipun cara pemikiran saya berbeda, tetapi tidaklah adil jika saya menyatakan setiap yang dibuat oleh orang lain semuanya tidak baik. Kerana itu saya katakan memang ada juga baiknya, seperti perjuangan UMNO itu juga ada baik dan ada tidak baiknya, dipandang dari kacamata nasionalis dan kacamata Muslim.

Kumpulan PUTERA-AMCJA ini terdiri daripada Partai Kebangsaan Melayu atau Malay Nationalist Party, Dewan Perniagaan Cina Bersekutu, Malayan Indian Congress (MIC), Malayan Democratic Union Singapura, dan beberapa badan lain merupakan anasir-anasir komunis.

Akibat dari wujudnya Federation of Malaya, dijadikan sebab untuk pemberontakan bersenjata oleh kaum komunis Malaya. AMCJA dan PUTERA semuanya berpecah, dan sebahagian dari mereka menyertai pemberontakan.

Partai Kebangsaan Melayu, API, dan juga Hizbul Muslimin, yang ditubuhkan sebagai bahagian agama dari PKM dan lain-lain organisasi massa bagi PKM diharamkan oleh Inggeris dan undang-undang daruratpun diisytiharkan di Malaya.

Atas dorongan Inggeris, MCA atau Malayan Chinese Association yang terdiri dari orang-orang Dewan Perniagaan Cina, telah ditubuhkan pada bulan Februari 1949, dan Tan Cheng Lock menjadi Presidennya. MCA lahir sebagai

badan kebajikan orang-orang Cina, tetapi bagaimanapun Inggeris menggalakkan mereka segera kepada politik, sebagai sebahagian dari rancangan Inggeris untuk melaksanakan terus program politik asalnya—*to build a united Malayan nation*.

Di dalam keadaan yang seperti ini, MCA telah melancarkan loteri kebajikannya, yang menjadikan MCA mendapat wang yang banyak, di mana maksud-maksud politik MCA akan tertolong dengan mudahnya. MCA yang memasuki politik dengan galakan Inggeris sendiri adalah suatu hal yang tidak adil kerana hak berpolitik semestinya hanya untuk rakyat negara ini sahaja. Inggeris sangat mengerti, tetapi demikianlah sifat jahat Inggeris yang telah dilakukannya di mana-mana jua di luar negeri United Kingdom, di luar negara mereka sendiri.

Datuk Onn menyedari bahaya ini, samada dari permainan Inggeris ataupun permainan MCA. Justeru kerana kesedaran betapa licinnya mainan Inggeris dan MCA, maka Datuk Onn menghendaki supaya pintu UMNO dibuka kepada mereka yang benar-benar ingin jadi Malayan. Bermulalah perjuangan Malaya untuk Malayan, oleh sebab di sana memang tidak ada jalan lain lagi daripada memintas politik Inggeris sebelum terjadi sesuatu yang lebih buruk kepada orang-orang Melayu.

Semuanya telah berlalu. Sayang sekali kebanyakan ahli UMNO tidak dapat memandang jauh

ke hadapan, dan rupanya Datuk Onn telah mendahului, hingga tidak dapat diturut oleh pengikut-pengikutnya pada masa itu. Datuk Onn akhirnya terpaksa meninggalkan UMNO, kerana ternyata pendapat-pendapat Datuk Onn ditentang oleh kebanyakan ahli UMNO.

UMNO telah memilih Tengku Abdul Rahman Putra sebagai pemimpin barunya. Ini adalah hasil dari usaha Tun Abdul Razak yang mengenali Tengku sejak di England lagi. Pemergian Datuk Onn dan kedatangan Tengku Abdul Rahman pada umumnya tidaklah berbeda sangat, sebab mereka sama-sama intelek celupan Inggeris yang tetap liberalisma.

Dengan rasa sedih Datuk Onn memberi ucapan akhirnya kepada UMNO yang ditubuhkannya pada tahun 1946 dahulu, tetapi terpaksa ditinggalkannya untuk menubuhkan IMP—Independent of Malaya Party.

Ucapan selamat tinggal Datuk Onn itu antara lain adalah:

'UMNO ini ialah sebuah pertubuhan kebangsaan Melayu, yaitu sebuah pertubuhan orang-orang Melayu. Bolehkah dengan sebenar-benarnya kita katakan UMNO ini pertubuhan kebangsaan orang-orang di Malaya? Saya tahu, saya mengerti, yaitu apakala saya sebutkan demikian itu wakil-wakil sekalian tidak menerima fikiran saya itu tetapi biarlah kita memandang kepada keadaan yang ada di Tanah Melayu ini dengan

menggunakan cermin yang boleh menampakkan barang yang benar ada, dan bukannya cermin yang menampakkan impian-impian barang-barang yang lazat-lazat di masa-masa yang telah sudah.

'Biarlah kita sedar yaitu hal dan keadaan di Tanah Melayu ini telah berubah. Fikiran orang Melayu sendiri telah berubah. Biarlah kita sedar yaitu di Tanah Melayu ini ada orang-orang yang bukannya keturunan orang-orang Melayu, tetapi yang kasih dan sayang kepada Tanah Melayu—barangkali lebih—daripada setengah-setengah orang Melayu sendiri. Biarlah kita sedar yaitu orang-orang Melayu sendiri telah menuntut supaya dijalankan kemerdekaan dengan secara demokrasi dan berkehendak suatu cara pemerintahan yang berdasarkan di atas demokrasi; dan biarlah kita sedar yaitu sesuatu pemerintahan atau sesebuah negara yang berdasarkan di atas demokrasi itu tidak boleh hendak memelihara hak-hak negeri itu bagi kepunyaan satu pihak sahaja rakyatnya.

'Barangsiapa yang telah mengambil berat menyiasat akan hal-hal dan perubahan-perubahan yang berlaku di dalam negeri ini, barangsiapa ada menyiasat hak-hak itu, janganlah seseorang itu berkehendak memperdayakan dirinya dengan berfikir yaitu tujuan UMNO yang kedua itu akan tercapai dengan sebab kuatkuasa satu kaum sahaja ataupun satu pecahan daripada kaum itu melainkan kemerdekaan itu akan tercapai sete-

lah didapatkan persatuan di antara penduduk-penduduk yang ada di Tanah Melayu ini yang sanggup menumpahkan segala taat setianya kepada negeri ini.

'Semalam saya telah berkata yaitu peta yang dipandang oleh kita sekalian ialah peta Tanah Melayu, sekadarkan perbezaan di antara peta yang dinampak oleh kebanyakan orang-orang di Tanah Melayu ini, barangkali ada berlainan sedikit atau seanyaknya daripada peta yang terbentang di hadapan mata saya sendiri oleh kerana saya mempunyai beberapa peluang dapat melihat sesuatu gerak langkah, sesuatu perbuatan atau cadangan yang hendak dijalankan di Tanah Melayu ini: langkah-langkah dan perbuatan yang mendatangkan kebimbangan kepada diri saya sendiri.

'Peluang ini bukannya saya dapati dengan sebab ada kelebihan ilmu saya, ataupun dengan sebab saya ada kelulusan daripada universiti di mana-manapun. Saya ini sekadar murid daripada sekolah atap sahaja. Saya bukan ada mempunyai kepandaian yang terbit daripada ilmu yang seumpama itu melainkan saya dapat peluang itu oleh kerana dapat melihat di tempat-tempat yang tidak dapat dimasuki oleh kebanyakan orang melihat geraklangkah dan cadangan-cadangan yang hendak didatangkan ke atas Tanah Melayu ini.

'Malangnya mulut saya tertutup—malang, saya berkata—mulut saya ini tertutup tidak dapat

menzahirkan kepada umat Melayu di Semenanjung ini apa yang saya ketahui dalam masa menyempurnakan pekerjaan-pekerjaan saya itu. Oleh kerana sekiranya dapat saya menzahirkan, saya percaya tiap-tiap seorang akan bersama-sama dengan saya berdiri menuntut kemerdekaan Malaya itu.

'Inilah sebabnya maka saya telah berfikir dengan sehabis-habisnya yaitu sekiranya Tanah Melayu ini berkehendak menyaingi negeri-negeri yang berjiran seumpama Indonesia di sebelah selatan, Burma di sebelah barat, sekiranya Tanah Melayu ini berkehendak menyaingi yang telah bebas itu, maka hanyalah satu jalan sahaja yang terbuka kepada pandangan saya, yaitu menuntut kemerdekaan itu dengan beramai-ramai, satu kaum dengan satu kaum menyokong dan bekerja sama-sama. Lain jalan tidak ada.

'Saya juga telah berkata semalam, sokong yang diharap, sokong itu membawa rebah, pagar yang diharap, pagar itu memakan padi. Perkataan itu saya tidak akan mengubahnya.

'UMNO sebagai suatu pertubuhan Melayu, semoleknya berjalan selagi ada pertubuhan-pertubuhan yang berkaum-kaum di Tanah Melayu, menjaga di atas faedah-faedah yang menepati kepada kaumnya itu, akan tetapi saya berharap atas perkara yang bersangkutan dengan kebangsaan negeri—bukan makna kebangsaan itu diambil daripada baka—yaitu kepada negeri.

'Sekiranya UMNO ini sebenarnya bertujuan



dan berkehendak mendirikan negara merdeka di dalam Malaya ini, maka saya berharap juga pihak UMNO ini akan memandang kepada pandangan yang luas, pandangan yang dikatakan nasional atau kebangsaan itu dan jangan semata-mata menghadapkan pandangannya itu kepada pandangan yang sempit dengan tidak menghiraukan yaitu ada lain-lain tempurung yang terletak di sebelahnya.

'Dengan ucapan ini maka saya tamatkan pekerjaan saya, dan saya menyerahkan tanggung-an saya yang saya sertakan dengan ucap selamat kepada tiap-tiap seorang wakil, kepada Bahagian-bahagian dan Cawangan-cawangannya.

'Oleh kerana dengan sebab keyakinan hati saya sendiri dengan sebab saya kuat berpegang kepada tujuan yang dikehendaki oleh UMNO itu maka saya percaya dengan gerak langkah yang saya tujukan ini, UMNO dan Parti Kemerdekaan Malaya itu akan bertemu setelah kita mencapai kemerdekaan Malaya itu.'

Demikianlah bahagian-bahagian akhir dari ucapan akhir Datuk Onn kepada perhimpunan UMNO pada tahun 1951, di mana Tengku Abdul Rahman telahpun dipilih menggantikan beliau dan ada bersama di majlis yang bersejarah itu.

Dalam perhatian saya, bagaimanapun Datuk Onn menyedari putarbelit Inggeris, tetapi beliau tetap sangat berharap kepada Inggeris dan sangat percaya kepada penjajah Inggeris itu untuk menolong melatih orang Melayu dan meningkat-

kan ekonomi orang-orang Melayu. Justeru kerana itulah Datuk Onn tidak mengambil kesempatan dengan sokongan Melayu yang banyak kepadanya untuk terus mencapai pemerintahan sendiri dan terus merdeka semasa perjuangan menukar Malayan Union dahulu.

Kerana inilah makanya Datuk Onn tidak berhasrat mengusir Inggeris segera dari negara ini. Sesungguhnya dalam hal ini andaikata Datuk Onn seorang yang mengerti mengenai Islam tentulah beliau tidak rela bertuankan Inggeris sekalipun untuk sehari. Kerana Allah tidak pernah menyuruh mengharap dan memohon pertolongan Inggeris, apatah lagi untuk duduk di bawah penjajahannya.

Hari Ahad, tanggal 26 Ogos, 1951 ialah hari Tengku Abdul Rahman Putra dipilih menjadi Yang Dipertua Agung UMNO.

Datuk Onn telah memberi ucapan akhir di perhimpunan hari itu, seperti yang telah disebutkan di atas tadi. Selesai sahaja ucapan Datuk Onn, beliaupun meninggalkan perhimpunan orang-orang UMNO itu, dan kejadian yang penuh drama itu adalah menjadi sebahagian dari sejarah negara kita ini yang tidak akan dilupakan.

Sebagai Yang Dipertua Agung UMNO yang baru, Tengku Abdul Rahman telah membacakan ucapannya bagi kali pertama di hadapan perwakilan UMNO

Pada saat peralihan yang bersejarah itu Teng-

ku Abdul Rahman telah menyatakan kepada orang-orang Melayu yang menghadiri mesyuarat agung itu dengan irama dan nada yang berbeza dari ucapan Datuk Onn yang baru sebentar telah meninggalkan UMNO buat selama-lamanya.

Antara lain kata Tengku Abdul Rahman: 'Dalam sejarah negeri ini orang-orang Melayu seluruhnya tidak pernah bersatu padu sebagai yang ada di hari ini, dan ini hanya berlaku setelah UMNO terdiri dengan anjuran dan pimpinan Datuk Onn. Sekarang kepada saya telah diserahkan tugasnya yang berat.

'Ini ialah negeri Melayu. Keutamaan-keutamaan mestilah diberi kepada orang-orang Melayu . . . apakah harapan-harapan orang-orang Melayu di masa hadapan sekiranya kita harus beralah setiap kali kaum lain menyampaikan tuntutan yang makin lama makin besar?

'Siam, Ceylon, Indonesia dan Filipina sekarang telah mencapai kemerdekaan masing-masing dan lepas dari cengkaman penjajah. Mengapa kita sebagai satu bangsa tidak boleh merdeka? Ada orang yang mengatakan bahwa kemerdekaan haruslah diserahkan kepada orang-orang Malayan. Tetapi siapakah orang Malayan ini? Orang-orang Melayulah yang menentukan siapa orang Malayan ini kelak. . . .

'Dalam pada itu kita tidak pula melupakan segala jasa dan khidmat yang telah diberi oleh bangsa-bangsa lain. Orang-orang India sepanjang yang saya tahu, tidak mahu menjadi bangsa Ma-

layan. Mereka lebih cinta dan sayang kepada bahasa dan negeri mereka sendiri . . . orang Melayu akan sedia menerima dan mengalu-alukan kaum mana sekalipun yang betul-betul menyerahkan taat setia mereka kepada negara ini . . . .'

Ucapan Tengku Abdul Rahman telah mendapat tepukan gemuruh dari perwakilan UMNO, sekalipun ucapan Tengku itu jauh sekali dari kehebatan pidato Datuk Onn, apatah lagi jika dibandingkan dengan Presiden Soekarno dari Indonesia.

Ucapan Tengku Abdul Rahman adalah ucapan seorang peguam. Sebagai seorang peguam beliau berkata kepada perwakilan UMNO yang begitu sedih oleh sikap Datuk Onn yang berpendirian Malaya untuk Malayan, dengan ketegasan: 'Ini ialah negeri Melayu . . . ' kemudian beliau bertanya, 'Siapakah orang Malayan ini? Orang-orang Melayulah yang akan menentukan siapa orang Malayan ini kelak . . . .'

Orang-orang UMNO yang hadir rupanya tidak memahami apa yang dicakapkan oleh Tengku Abdul Rahman sebagai seorang peguam. Sebenarnya, jika mereka mengerti, ucapan Tengku adalah sama sahaja dengan Malaya untuk Malayan yang oleh Datuk Onn ditegaskan berterus terang.

Orang-orang UMNO juga tidak dapat mengingatkan, bahwa semasa Datuk Onn mencadangkan seorang Melayu perlu memegang jawatan Timbalan Pesuruh Jaya Tinggi Federation of

Malaya, Tengku telah juga mengajukan pendapatnya yang lebih hebat lagi, yaitu seorang keturunan Asia boleh dijadikan Timbalan Pesuruh Jaya Tinggi Federation of Malaya. (Lihat buku *Dato Onn* oleh Anwar Abdullah, muka 71.)

Sejak itu Datuk Onn menjadi sasaran ejekan yang keterlaluan, bukan kerana perjuangannya dan keyakinannya tidak betul, tetapi malangnya Datuk Onn, ialah kerana setelah Datuk Onn menubuhkan IMP, Inggeris meneruskan politik pecah-pecah dan perintah supaya jangan wujud perpaduan yang sungguh-sungguh dan supaya dilambatkan kemajuan seberapa lama yang boleh.

Di ketika perpecahan dan peralihan inilah PAS telah dilahirkan. Sedikit sebanyak dari kisah PAS dilahirkan telah saya tulis di dalam buku *Mengapa Saya Tinggalkan PAS*.

Saya masih ingat lagi betapa Tengku menyekali kelahiran PAS, apabila beliau berkata seperti yang disiarkan di dalam akhbar *Utusan Melayu* pada tahun 1951 di Kuala Kangsar, yaitu 'Mengapa hendak ditubuhkan PAS? Bukankah UMNO juga pertubuhan orang-orang Islam?'

Tengku telah memimpin UMNO dan kemudian kerana sebab-sebab mahu ikut memenangi pilihanraya Municipal Kuala Lumpur pada tahun 1952, mahu tidak mahu, atas dorongan UMNO Kuala Lumpur, menerusi Datuk Yahya bin Abdul Razak, pengerusi UMNO bahagian Kuala Lumpur, maka lahirlah Perikatan UMNO-MCA,

sebagai asas kepada tertubuhnya kelak parti Perikatan.

Kebijaksanaan Inggeris meletakkan perangkapnya menerusi pilihanraya municipal Kuala Lumpur, sebagai menunjukkan kejujurannya hendak memberi peluang kepada rakyat ikut berkuasa secara demokrasi telah menyebabkan terjadi apa-apa yang terjadi.

Sesungguhnya cerita politik Malaya mungkin agak berbeda, andaikata pilihanraya dimulakan terus di peringkat negeri dan kebangsaan. Tetapi dimikianlah, betapa Inggeris mahu melaksanakan kemahuannya, dan rancangan Inggeris itu tetap berjaya, kerana Inggeris memang sangat matang dalam tipudaya politiknya.

Bertolak dari sinilah maka diperluaskan kerjasama UMNO-MCA hingga ke peringkat nasional, dan kemudian disertai pula oleh MIC, yang mana UMNO-MCA dan MIC telah menjadi Parti Perikatan dan bertanding di dalam pilihanraya pilihanraya tahun 1955, 1959, 1964 dan tahun 1969.

Malaya mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, dan kemerdekaan ini dikatakan oleh PAS sebagai kemerdekaan Pak Kaduk, menang sorak kampung tergedai.

Tidak dapat dinafikan, memang Inggeris tidaklah begitu rela hendak memberi kemerdekaan kepada tanah jajahannya, apatah lagi, bagi Malaya yang merupakan sumber memperkayakan saudagar dan negara Inggeris.

Tidaklah dinafikan juga betapa Tengku Abdul Rahman telah berjuang bersungguh-sungguh hendak mencapai kemerdekaan negara kita, dengan cara bekerjasama dengan Inggeris. Tetapi Inggeris adalah penjajah yang tidak akan bersedia menyerahkan kemerdekaan bagi negeri ini, justeru kerana itulah Inggeris tetap mencurigai gerakan kemerdekaan anak jajahnya.

Dalam tahun 1955, Tengku bersama T.H. Tan (sekarang Tan Sri) dan Abdul Aziz Ishak telah pergi ke Bangkok bertemu dan berbincang hal-hal kemerdekaan Malaya dengan Field Marshal Phibol Songkram dan Jeneral Pau Sarianon.

Encik Abdul Aziz Ishak yang telah menulis dalam bukunya berjudul *Riwayat Hidup Tengku Abdul Rahman* ada menyebutkan: 'Gerakgeri kami di Bangkok adalah sentiasa di bawah intipian pegawai-pegawai kedutaan Inggeris. Ke mana sahaja kami pergi ada orang yang mengikut kami. Begitu juga di Malaya. Pegawai-pegawai dari Special Branch yang mempunyai perbelanjaan yang tidak ada batasnya bagi mencegah perkembangan fahaman komunis, tetapi sebenarnya pencegah kemajuan ke arah kemerdekaan negara ini sentiasa mengintip apa yang dibuat oleh pemimpin-pemimpin besar dan kecil UMNO.'

Siapa kata Inggeris mahu menyerahkan kemerdekaan Malaya? Keadaan telah memaksa Inggeris menyerahkan kemerdekaan Malaya, tetapi semuanya telah berlaku setelah persiapan di pihak Inggeris sendiri telah terjamin.

Dasar-dasar liberalnya tetap dipatuhi. Cara hidup yang diasuhnya tetap dijunjung tinggi. Setiap perjanjian dengannya mesti dihormati. Setiap pegawainya mesti dibayar suguhati, dan tenteranya mesti berpangkalan di negara ini.

Semuanya ini mesti terjamin, bagi menjamin semua kepentingan ekonomi yang memeras menghisap darah rakyat tanah jajahannya selama ini.

Sepatah kata bekas perdana menteri Inggeris, Harold MacMillan patut direnungkan: 'Salah satu langkah bagi British untuk mengekalkan kepentingan ekonominya di negara-negara jajahan ialah dengan memberi kemerdekaan tanpa tumpah darah.

Yang demikian inilah oleh Zulkiflee Muhammad, Timbalan Yang Dipertua Agung PAS, mengatakan penyerahan kemerdekaan oleh British itu seperti cerita Abu Nawas menjual rumah. Sekalipun Abu Nawas bersedia menjual rumah, tetapi satu penyangkut baju di dalam rumah itu tidak dijual olehnya. Gunanya ialah supaya bila-bila ia datang boleh disangkutkan bajunya di penyangkut yang tidak dijual itu.

Kita telah merdeka. Tetapi British tidak kerugian apa-apa, sementara kita sendiri tidak mendapat keuntungan apa-apa, seperti yang sepatutnya diperoleh bagi suatu bangsa yang berjuang untuk kemerdekaan bangsa dan negaranya.

Benar sejak kemerdekaan beberapa rancangan Malaya dan beberapa rancangan Malaysia telah



diadakan. Tetapi untuk melaksanakan pelancaran beberapa rancangan itu kita telah terpaksa mengemis meminta pinjaman merata-rata dari dalam dan dari luar negara.

Sementara itu dari tahun ke tahun cukai-cukai dinaikkan dan cukai-cukai baru diadakan. Harga barang-barang keperluan harian melambung tinggi, sedang harga getah yang merupakan sumber pendapatan rakyat di luar bandar merosot terus.

Penyakit-penyakit tenat yang dihidapi oleh rakyat hingga sekarang belum dapat diobati lagi. Sebenarnya penyakit tenat ini juga sedang dirasai oleh negara, kerana sebab-sebab kepincangan ekonomi yang bermula dari kebijaksanaan kita mencapai kemerdekaan dulu.

Oleh kerana penulisan saya ini untuk menilai soal perjuangan dan politik kita, khususnya politik orang-orang Melayu sebagai Bumiputra, maka hal-hal yang mengenai ekonomi akan kita bicarakan kemudian nanti secara khusus, atau secara sambilan sahaja di dalam buku ini.

Jika keadaan mengizinkan saya akan membicarakannya di dalam buku ini. Tetapi sekiranya pembicaraan politik telah menjadi begitu panjang, maka hal-hal yang mengenai perincian dalam perkara ekonomi terpaksa ditulis berasingan di masa yang lain.

## **BAHAGIAN KETIGA**

### **MAKA KITAPUN MULA BERBALAH**

SETELAH kemerdekaan diakui oleh Inggeris sesuai seperti yang dirancangkan oleh mereka, se-kira-kira terjamin kepentingan ekonomi mereka, maka kitapun mula memperhebatkan perbalahan kerana tahun 1959 akan datang, di mana pilihanraya yang pertama setelah merdeka akan diadakan pula.

Perbalahan antara kita yang saya maksudkan ialah di antara UMNO dan PAS di Tanah Melayu atau di Semenanjung Malaysia, seperti yang dikenal setelah penubuhan Malaysia.

Menjelang pilihanraya 1959 itu kenyataan-kenyataan politik pilihanraya mula dikeluarkan oleh ahli-ahli politik. Masing-masing mengatakan sesuatu dengan penuh keyakinan, kerana yang demikian itu adalah kepercayaannya. Bagaimanapun cakap-cakap ahli politik itu kadang-kadang terlajak, kadang-kadang terpesong atau dipesongkan dengan sengaja atau tidak disengajakan.

Parti Perikatan UMNO-MCA dan MIC sedang berkuasa hasil dari pilihanraya 1955. Justeru ke-

rana itu Perikatan berazam akan meneruskan kekuasaan mereka, kerana mereka telah berjasa mendapatkan kemerdekaan dari British, maka jasa mereka hendaklah dikekalkan untuk memberi peluang kepada parti Perikatan mengisi kemerdekaan yang baru tercapai pada tanggal 31 Ogos 1957.

Maka berkatalah Encik Aziz Ishak, sewaktu itu Menteri Pertanian Malaya, di dalam satu majlis perjumpaan hari raya anjuran UMNO Kuala Langat.'

'Parti-parti lawan Perikatan yang mencoba hendak merampas kuasa dari Perikatan yang memerintah hari ini belum mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang cukup di dalam soal pentadbiran. Mereka masih mentah di dalam soal ini. Jika mereka memerintah, ada kemungkinan negeri ini akan porak peranda dan berkeadaan huruhara.'

Selanjutnya Encik Abdul Aziz berkata: 'Tuan-tuan akan dapat menentukan nasib tuan-tuan bila sampai pilihanraya kelak. Pilihanraya negeri akan dimulakan pada 30 Mei. Jika Perikatan kalah di dalam pilihanraya negeri kelak bererti juga Perikatan akan mengalami kekalahan di pilihanraya parlimen.

'Dari itu saya harap kepada tuan-tuan, jika tuan-tuan ingin melihat negeri ini sentiasa berada di dalam keamanan, kemakmuran, yang dapat memberi jaminan kepada anak cucu tuan-tuan di masa hadapan, pilihlah Perikatan. Jasa-jasa Per-

ikatan telahpun tuan-tuan nikmati selama Perikatan memegang tampuk pemerintahan negeri ini.

'Janganlah tuan-tuan harapkan parti-parti baru yang mencoba hendak merampas kuasa dari Perikatan itu boleh memerintah negeri ini. Mereka itu belum lagi ada mempunyai cukup pengetahuan dan pengalaman di dalam soal pentadbiran. Mereka masih mentah lagi.'

Bercakap mengenai negeri-negeri di Tenggara Asia ini, Encik Aziz menerangkan bahwa Malaya adalah negeri yang kelima, yang paling progresif sekali di antara negeri-negeri di Tenggara Asia ini. Negeri kita jugalah yang paling kaya dan terkemuka.

Dan berkata pula Encik Abu Bakar Baginda, naib ketua UMNO Selangor, yang juga berucap di majlis tersebut. Antara lain beliau berkata, 'Komunis yang ada di dalam negeri kita ini bukannya komunis tempatan, tetapi adalah komunis internasional, yang selalu membuat perhubungan-perhubungan sulit dengan komunis Rusia dan Cina. Kedua-dua negeri komunis ini ada memberi bantuan kepada komunis di Malaya, di dalam cita-cita mereka hendak menumbangkan kerajaan Perikatan.

'Banyak di antara ahli-ahli komunis di Malaya ini masuk menyeludup ke dalam pertubuhan-pertubuhan, sekolah-sekolah dan sebagainya, yang coba hendak mempengaruhi rakyat negeri ini. Di dalam hal ini kerajaan Perikatan sedang

giat dengan sesungguhnya mengawasi hal-hal ini'.

Berkenaan dengan rancangan Perikatan Encik Abu Bakar menerangkan, -bahwa beberapa banyak rancangan yang memberi manfaat kepada rakyat telah dijalankan oleh kerajaan Perikatan seperti di Pantai Timur, dan di lain tempat lagi. Dan banyak lagi rancangan-rancangan yang sedang di dalam penyelenggaraan.

'Satu perkara lagi yang saya katakan di sini, yaitu pemilihan calon-calon yang hendak mewakili rakyat di kawasan ini. Pilihlah wakil yang betul-betul hendak memperjuangkan nasib rakyat. Janganlah dipilih orang-orang yang hanya hendak menduduki kerusi empuk, dan semata-mata mengharapkan pembayaran elaun, atau orang-orang yang hanya gila pangkat, kata encik Bakar.

Sementara itu, Encik Hamzah Alang pula menerangkan dua cara perjuangan parti-parti lawan Perikatan.

(a) Ada parti-parti lawan Perikatan yang masuk ke kampung-kampung mengajak orang-orang Melayu supaya membencikan bangsa-bangsa asing yang ada di dalam negeri ini.

(b) Dan ada pula di antara parti-parti lawan itu mengajak bangsa-bangsa asing membencikan Melayu.

Dengan jalan yang begini mereka itu semata-mata hendak menyuruh kita bertempur di antara satu bangsa dengan satu bangsa yang ada di dalam negeri ini. Kerana hendakkan kerusi, me-

reka gemar melihatkan mayat bergelimpangan di pinggir-pinggir jalan. Tetapi Perikatan menentang kuat akan dasat-dasar ini. Perikatan mahu semua bangsa di dalam negeri ini berbaik-baik sangka. Kita mahu turut bekerjasama dengan bangsa-bangsa asing di dalam negeri ini. Jika mereka tidak mahu bekerjasama lagi—subuh esok kita boleh hantar dia balik ke negeri asalnya.

Encik Hamzah menambah kata, 'Kita selalu mendapati PAS memomok-momokkan perjuangan UMNO khasnya dan Perikatan amnya. Saya tidak mempunyai keyakinan samasekali yang PAS boleh memerintah negeri ini dengan aman dan damai, kerana hehdak mentadbirkan sebuah suraupun kelamkabut, bagaimana pula hendak mentadbirkan negeri ini?'

Bercakap mengenai dasar-dasar UMNO di dalam memilih calon-calon yang akan datang ini, Encik Hamzah menerangkan bahwa UMNO berkehendakkan kepada dua syarat: (A) calon-calon hendaklah sekurang-kurangnya tiga tahun aktif di dalam UMNO, (B) calon-calon juga hendaklah kenal akan erti susah orang yang pernah memerah tanaganya menjadi kaum tani, nelayan dan sebagainya. Inilah calon-calon yang kita kehendaki.

Sungguhpun begitu, jika mereka telah kita lantik, dan mereka tidak menunaikan kewajiban-kewajibannya dalam ertikata yang sebenarnya, kita berhak mengusir mereka dalam tempoh 24 jam, atau lebih lekas dari itu dari kerusinya.

Demikian ucapan-ucapan dari tiga tokoh UMNO—Perikatan, yaitu seorang menteri, seorang kemudian menjadi Menteri Besar Selangor dan seorang lagi menjadi ahli Dewan Rakyat setelah memenangi pilihanraya tahun 1959.

Ketiga-ketiga ucapan ini saya ambil dari laporan akhbar *Utusan Melayu* tanggal 15 April 1959. Dan tema serta nada ucapan seperti inilah yang diucapkan kepada rakyat sepanjang kempen pilihanraya 1959, oleh pemimpin-pemimpin UMNO dalam menghadapi rakyat di samping merendahkan perjuangan PAS, yaitu dari setinggi-tinggi pemimpinnya Tengku Abdul Rahman, bahkan sampai kepada Lebai-lebai Malang, Pak-pak Kaduk dan siluncai-siluncainya.

Saya harap ahli-ahli UMNO tidak berkecil hati oleh penggunaan kata-kata Lebai Malang, Pak Kaduk dan Si Luncai, kerana istilah-istilah ini adalah pula begitu lumrah digunakan oleh orang-orang PAS sebagai kiasan terhadap orang-orang UMNO sepanjang syarahan orang-orang PAS. Yang demikian adalah telah berlaku di dalam arena politik kita, yang tetap menjadi kenangan.

Dalam pilihanraya tahun 1955, dari 52 kawasan yang dipertandingkan, PAS telah memenangi satu kerusi di kawasan Kerian di Perak Utara. Pertandingan yang hebat telah berlaku di antara Haji Ahmad dari PAS dengan Haji Sulaiman dari Perikatan. Kehebatan serangan Perikatan di dalam kempen sampai sekarang tidak dilupai oleh penduduk kawasan itu.

Dengan adanya seorang ahli PAS di dalam Majlis Mesyuarat Persekutuan yang belum bernama parlimen, menjadikan Tuan Haji Ahmad bin Husain, pembangkang yang tunggal, dari PAS, berkedudukan sebagai parti pembangkang yang paling dibimbangkan oleh UMNO.

Justeru kerana itu serangan-serangan UMNO terhadap PAS, dan tangkisan-tangkisan UMNO dari serangan-serangan PAS berjalan begitu rupa menjadikan satu perbalahan yang sangat dikesalkan.

Sesungguhnya kerana demam pilihanraya, tergamak orang-orang membuat pidato tanpa memikirkan akibat hubungan dengan khalik di samping hubungan dengan makhluk.

Satu potongan akhbar *Utusan Melayu* tanggal 6 Mei 1959, melaporkan satu ucapan oleh Tuan Haji Ahmad Maliki:

*Bandar Baharu 5 Mei—Tuan Haji Ahmad Maliki, seorang ulama yang terkemuka di utara Tanah Melayu dan juga ahli jawatankuasa agung UMNO Malaya, memberitahu orang ramai sekiranya Persatuan Islam Setanah Melayu memerintah, orang-orang Melayu sedikit demi sedikit akan bertambah kurang. Kerana kerajaan Islam itu nanti akan merejam sampai mati orang-orang Melayu yang berzina, tidak sembahyang dan mengerat tangan kalau mencuri. Ini katanya, PAS mahu mengikut undang-undang Quran dan Hadis.*



*Beliau bercakap dalam rapat umum Perikatan di halaman sekolah umum (perempuan) Bandar Baharu baru-baru ini.*

*Dalam ucapannya Tuan Haji Ahmad Maliki telah bertanya, 'Mahukah kita orang-orang Melayu bertambah kurang, sedangkan orang-orang asing beranak pinak dan bertambah dari sehari ke sehari? Malaya didiami oleh berbagai bangsa dan mereka itu tidak seagama dengan kita. Jadi mereka terlepaslah dari hukuman kerajaan Islam. Orang-orang Melayu juga yang terlibat.*

*'Kerajaan tentulah tidak dapat mengadakan pemerintahan yang berdasarkan Quran dan Hadis kerana ini akan mengurangkan orang Melayu,' tegas Tuan Haji Ahmad lagi.*

*Tuan Haji Ahmad mengingatkan orang ramai, kalau sekiranya hukum-hukum Islam itu dipaksakan kepada orang ramai terutama bangsa asing sudah tentu akan berlaku satu pergaduhan, kekacauan dan keganasan yang tidak diingini oleh Malaya.*

*Mengakhiri ucapannya Tuan Haji Ahmad menarik perhatian orang ramai kepada negeri Mesir. Menurut beliau, Mesir adalah negeri yang banyak orang bijak pandai dan gedung orang-orang alim. 'Tetapi Mesir sendiri tidak dapat menjalankan undang-undang Islam, inikan pula Malaya yang diduduki oleh berbagai-bagai bangsa,' katanya.*

Haji Ahmad Maliki, sebagai seorang ulama,

maka beliau adalah termasuk dalam golongan intelek Islam, tetapi bagaimanapun beliau adalah di bawah kekuasaan intelek jenis Kuala Kangsar yang liberal. Yang demikian beliau terpaksa berucap untuk mereka yang menguasainya, dan tidak menghiraukan Tuhan yang menjadikannya.

Tidak ada satu kekeliruan yang lebih besar daripada kekeliruan yang ditimbulkan oleh golongan intelek Islam yang tertawan ini, hingga terkeluar dari kalangan mereka menyamakan perka-taan 'UMNO' dengan 'AMANU' yang dimaksudkan 'Orang yang beriman'.

Perbalahan kita adalah disebabkan seperti inilah. Satu contoh lagi yang dapat dikemukakan, betapa kerana hendak mempertahankan dasar Perikatan yang dikatakan cintakan perdamaian, lalu seorang ulama sanggup mengatakan sesuatu, sekalipun mungkin dia tidak mengerti apa yang dikatakan olehnya.

Dalam satu ucapan yang lain, Tuan Haji Ahmad bermadah lagi sesuatu yang sangat mengelirukan dan meracuni umat Islam. Akhbar *Utusan Melayu* tanggal 5 Januari 1961 menyiarkan satu berita:

*Butterworth 4 Januari—Agama Islam memberi rahmat bukan sahaja kepada manusia yang beragama Islam, tetapi juga kepada orang-orang kafir yang cintakan kesejahteraan dan perdamaian.*

*Ini telah diterangkan oleh Tuan Kadi Besar*

*Pulau Pinang dan Seberang Perai, ketika beliau meresmikan surau polis di kawasan balai polis bandaran Bukit Mertajam pada 1 Januari yang lalu.*

*Surau itu telah didirikan dengan derma anggota-anggota polis semua bangsa di daerah itu yang berjumlah sebanyak \$3,500.00*

*Meneruskan ucapannya Kadi itu berkata, 'Bahwa siapa yang cintakan perdamaian, Tuhan tetap akan menolongnya berkuasa dan memerintah.' Beliau telah menyebut komunis dan Rusia sebagai contoh.*

*Katanya lagi, 'Walau manusia itu beragama Islam sekalipun, tetapi kalau tidak cintakan perdamaian, Tuhan tidak akan mengizinkan dia berkuasa di dunia.'*

Ini merupakan kata-kata contoh untuk menarik perhatian rakyat menyokong Perikatan yang sedang berkuasa, dan mendorong rakyat supaya jangan menyertai PAS, kerana PAS kononnya tidak cintakan perdamaian, sebaliknya Perikatanlah yang mencintai perdamaian.

Dalam memperkatakan perdamaian, untuk kepentingan parti Perikatan dengan tidak mereka sedari, kenyataan yang mengelirukan ajaran Islam itu, telah menggembirakan komunis Rusia yang sifatnya ialah melakukan sabotaj dan menghasut supaya timbul kekacauan ekonomi dan pemberontakan politik untuk menyampaikan cita-cita penaklukan komunis.

Maka berbalahlah kita, apabila orang-orang PAS menjawab dan membidas ucapan-ucapan atau amalan-amalan yang merugikan perjuangan Islam di negara ini.

Demikianlah yang telah terjadi. Keadaan bertambah meruncing lagi apabila hasil pilihanraya 1959 telah memberi kemenangan kepada PAS hingga membolehkan PAS memerintah negeri-negeri Trengganu dan Kelantan.

UMNO merasa terpuak teruk dengan kekalahan itu, dan demokrasi yang mereka laungkan samasekali tidak mempunyai nilai apa-apa, kerana kepentingan kekuasaan lebih menyelubungi jiwa.

Dalam masa berkempen tahun 1959, kerajaan pusat telah memulakan kerja-kerja mempelajari bagaimana akan dibina sebuah jambatan menyeberangi Sungai Kelantan di Pasir Mas.

Kerja-kerja ujigali telah dimulakan, dan papantanda telah dipasang sebagai iklan untuk memberitahu rakyat bahwa kerajaan Perikatan akan membina jambatan di tempat itu.

Kerja-kerja permulaan itu telah diberhentikan apabila sahaja PAS memenangi pilihanraya dan memerintah Kelantan. Dalam hal ini yang paling kuat mendesak supaya rancangan itu dibatalkan ialah orang-orang UMNO dari Kelantan sendiri.

Dalam bulan Jun 1976, saya berkesempatan bercakap-cakap dengan Tuan Haji Hasan bin Haji Muhammad, bekas Setiausaha Kerja UMNO Malaysia. Kami membicarakan mengenai kerugian

perpecahan Melayu dan perbalahan yang sia-sia antara PAS dan UMNO, hingga membawa rakyat di kampung-kampung tidak bertegur-sapa akibat politik yang berbeda.

Beliau mengharapkan saya tidak menulis di dalam akhbar *Mingguan Rakyat*, perkara-perkara yang membawa kepada pecah kembali perpaduan PAS dengan UMNO di dalam Barisan Nasional. Sebenarnya tidaklah tulisan-tulisan saya dibuat untuk memecahkan perpaduan sesiapaupun. Apa yang saya kehendaki ialah perpaduan dan persaudaraan. Cuma seperti yang saya katakan, saya adalah mencintai perpaduan, tetapi saya lebih mencintai kebenaran.

Dalam perbualan kami, Tuan Haji Hasan menyesali betapa beliau juga ikut mendesak supaya projek jambatan di Pasir Mas itu dibatalkan, sekalipun katanya Tun Abdul Razak tidaklah suka berbuat begitu.

Perasaan kepartian telah menjulang begitu rupa, sehingga selain dari hal-hal antara anggota parti, maka seperti yang dinyatakan oleh Tengku dan ditulis oleh Encik Abdul Aziz Ishak mengenai intipan Special Branch di zaman British, yaitu selain dari komunis ialah juga gerakgeri mereka, maka demikianlah dilakukan oleh Perikatan, di samping membelanjakan wang yang tidak ada batasnya bagi mencegah komunis, adalah juga digunakan dengan seluas-luasnya terhadap pejuang Islam dari orang-orang PAS.

Sejak PAS memenangi pilihanraya menurut

saluran demokrasi, sejak itu Trengganu dan Kelantan terpaksa menghadapi konfrontasi dari kerajaan Perikatan di pusat dan dari orang-orang UMNO setempat.

Apabila mendengar pengumuman kemenangan calon-calon PAS di Trengganu, Tun Abdul Razak menyatakan bahwa kekalahan Perikatan itu dirasakan sebagai menelan pil yang pahit.

Di mana-mana terdengar suara-suara orang-orang UMNO mengatakan rakyat Trengganu dan Kelantan bodoh kerana mereka memilih PAS. Saya terpaksa menyatakan di luar dan di dalam Dewan Negara, 'Jangan adakan pilihanraya kalau tidak mahu dan tidak sanggup kalah.' Apakah rakyat yang menggunakan hak mereka mengundi PAS, lalu dikatakan mereka bodoh semata-mata kerana mereka tidak memilih Perikatan? Sangatlah tidak adil perkataan itu dilemparkan kepada rakyat dalam sebuah negara yang mengaku menghormati demokrasi.

Dalam satu ucapan sewaktu membuka persidangan perwakilan Pemuda UMNO di Dewan Klub Kuantong, di Kuala Trengganu pada 4 November, 1960, Tuan Syed (sekarang Tan Sri) Jaafar Albar, Menteri Muda Penerangan dan Siaran Radio memerintah seluruh Pemuda UMNO Kelantan dan Trengganu supaya memberitahu rakyat di kedua buah negeri itu, bahwa kerajaan Persekutuan tidak akan menghantar bantuan walau satu senpun kepada rancangan luar bandar negeri Kelantan dan Trengganu, kalau kedua ke-

rajaan itu tidak sanggup bulat-bulat menerima segala syarat-syarat dan dasar-dasar yang ditetapkan dalam buku merah kerajaan Persekutuan mengenai rancangan luar bandar itu.

Demikian diberitakan oleh akhbar *Utusan Melayu*, pada tanggal 5 November 1960.

Tuan Syed Jaafar Albar mengeluarkan perintah itu di hadapan kira-kira seratus perwakilan Pemuda-pemuda UMNO dari Kelantan dan Trengganu, yang dipengerusikan oleh Wan Abdul Kadir bin Ismail.

Menteri Muda itu telah melepaskan kecaman yang pedih terhadap kerajaan PAS di kedua buah negeri itu sambil menyelar pemimpin-pemimpin PAS yang disifatkan oleh beliau sebagai manusia-manusia yang tergamak mengalatkan agama dan sanggup mengorbankan kepentingan rakyat kerana semata-mata hendak berebut kuasa dan kedudukan.

Beliau berkata, pemimpin-pemimpin PAS tidak layak memerintah negeri. Selama PAS berkuasa apakah satu contoh roh Islam dan jiwa Islam yang paling kecil yang telah dapat dibuktikan kepada umat Islam di kedua buah negeri itu? Tambah beliau.

Katanya lagi, rakyat Kelantan dan Trengganu hanya mendengar bunyi rahmat pembangunan luar bandar berjalan di negeri-negeri lain, tetapi di negeri-negeri sendiri hanya menunggu-nunggu rahmat dari tempat yang memang tidak ada rahmat di dalamnya.

'Bagaimanapun,' kata Menteri Muda itu lagi, 'rakyat Trengganu dan Kelantan adalah shabar dan lemah lembut. Jika keadaan seperti ini berlaku dalam negeri lain, saya percaya rakyat di negeri-negeri itu telah mengangkat tombak, bedil dan bambu runcing.'

Tetapi katanya lagi, walau bagaimana shabar beliau percaya rakyat Trengganu tidak akan selama-lamanya mendiamkan diri.

Orang-orang PAS sebagai manusia biasa, apabila membaca akhbar *Utusan Melayu*, tentu tidak mendiamkan diri mereka. Serangan itu bukan sahaja merendahkan dan menghinakan, malah telah sampai ke peringkat menghasut rakyat memberontak dengan secara tidak langsung.

Tan Sri Syed Jaafar Albar yang bergelar singa UMNO tentulah garang cakupnya. Tetapi Tengku Abdul Rahman pula sebagai Perdana Menteri bercakap lain pula nadanya.

*Berita Harian* memberitakan ucapan Tengku dekat Kuala Kangsar dalam bulan Januari 1961 dengan tajuk: 'Jangan Campur Undang-undang Tuhan dengan Negara.'

*Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Tengku Abdul Rahman telah mengingatkan rakyat negeri ini supaya jangan mencampurkan undang-undang Tuhan dengan undang-undang negeri.*

*Rakyat negeri ini yang mahu hidup dalam negeri ini hendaklah menaruh perasaan cinta dan*



*bertanggungjawab kepada negeri ini serta menjauhkan daripada membuat huruhara, kata Tengku.*

*'Saya harap rakyat negeri ini terutama orang-orang Islam jangan mencampurkan undang-undang Tuhan dengan undang-undang manusia atau undang-undang negara kerana undang-undang Tuhan berbeza dari undang-undang manusia.*

*'Undang-undang negara menjalankan dasar untuk mengamankan dan memakmurkan rakyat, tetapi undang-undang Tuhan membalas pahala dan syurga kepada hambaNya yang berbuat baik dan membalas dosa kepada hambaNya yang membuat salah.*

*'Kalau kita menggunakan undang-undang Tuhan dalam negara kita yang baru hendak maju ini tak dapat tidak negara kita akan kacau bilau dan permusuhan di antara rakyat negeri ini akan berlaku, kata Tengku.*

Ucapan dari Ketua UMNO dan Perikatan, dan juga Perdana Menteri yang berbunyi begitu tentulah tidak menyenangkan perasaan orang-orang Islam yang berilmu.

Pada tanggal 7 November, 1961, akhbar-akhbar menyiarkan berita: Kerajaan Kelantan Nak Tangkap Orang-orang yang Buka Klas Dewasa.

*Utusan Melayu* melaporkan, Menteri Muda Pembangunan Luar bandar, Tuan Haji Khalid bin Awang Osman, menyatakan dalam satu si-

dang akhbar, bahwa beliau mendapat tahu kerajaan Kelantan akan menangkap barangsiapa jua yang membuka Klas Dewasa.

'Saya cabar kerajaan Kelantan menutup klas-klas itu,' tegasnya.

Tentu satu hal yang ganjil didengar betapa Menteri Pusat bisa berbicara seperti yang disiarkan oleh akhbar serta mencabar negara bahagian yang tidak berkuasa di atas polis. Bagaimanapun ganjil bunyinya, keganjilan ini sebenarnya telah terjadi.

Berhubung dengan cabaran ini Menteri Besar Kelantan telah mencabar kembali. *Berita Harian* telah menyiarkan pada tanggal 40 November, 1961:

*Menteri Besar Kelantan, Datuk Haji Ishak Lotfi bin Omar hari ini telah mencabar Menteri Muda Pembangunan Luar Bandar, Tuan Haji Khalid bin Awang Osman supaya membuktikan tuduhan-tuduhannya bahwa Kerajaan PAS Kelantan hendak menutup klas-klas dewasa dalam negerinya.*

*Tuan Haji Khalid telah menyatakan di sini hari Ithnin lalu bahwa ia telah diberitahu tentang penyokong-penyokong PAS telah masuk ke kampung-kampung memberitahu rakyat bahwa Kerajaan Negeri akan menutup segala klas-klas dewasa yang dibuka oleh Kementeriannya.*

*Beliau telah mencabar Kerajaan Negeri supaya menjalankan tindakan itu.*

*M.B. Kelantan, Datuk Haji Ishak Lotfi dalam sebuah kenyataannya hari ini berkata: 'Sungguh mengherankan membaca sebuah kenyataan seperti itu yang dikatakan datang dari Menteri Muda Pembangunan Luar Bandar.*

*'Saya bukan heran dengan cabarannya itu tetapi kerana beliau itu berani menyatakan sesuatu yang tidak benar samasekali.*

*'Saya cabar Menteri Muda yang berkenaan supaya membuktikan tuduhan-tuduhannya itu.*

*'Kami sedang berusaha untuk memperbaiki perhubungan antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.*

*'Tetapi setelah kami bersusah payah, datang pula kenyataan yang tidak adil dan tidak berasas dari seorang Menteri Perikatan.'*

*Datuk Haji Ishak berkata bahwa Kerajaan Negeri akan terus menerus berusaha untuk menjalinkan perhubungan baik antara kedua kerajaan walaupun telah timbul "suasana yang mendukacitakan ini."*

Tanggal 22 Januari, 1961, akhbar *Utusan Zaman* menyiarkan berita ucapan saya dengan tajuk 'Perkara Tuduhan Ahmak: Senator PAS Sifatkan Albar seorang Pendakwah Palsu.'

*Kuala Trengganu 21 Januari—Tuan Syed Jaafar Albar, Menteri Muda Penerangan dan Siaran Radio telah dituduh oleh seorang Senator PAS Kelantan sebagai seorang Pendakwah palsu.*

*Encik Amaluddin Darus, Senator PAS itu membuat tuduhan ini dalam rapat pemuda-pemuda PAS Trengganu yang diadakan di pejabat Perhubungan PAS di sini malam tadi.*

*Tuduhan ini dibuat oleh Senator itu berdasarkan kenyataan Menteri Muda itu dalam akhbar baru-baru ini yang menuduh kerajaan PAS Kelantan sebagai 'ahmak' kerana mahu menuntut suguhati dari Kerajaan Persekutuan sebagai ganti-rugi pemulauannya kepada cukai pajakgadai.*

*Beliau juga menafikan berita-berita suara UMNO Malaya Malaya Merdeka yang menyatakan kerajaan PAS akan memelihara babi. Siaran itu hanya untuk mengelirukan dan memburuk-burukkan kerajaan PAS saja, katanya.*

*Encik Amaluddin telah menerangkan kedudukan yang sebenarnya tentang hal yang tersebut, yang katanya bahwa pada mulanya jabatan haiwan telah mengesyurkan supaya kerajaan mengadakan kawalan yang rapi terhadap usaha-usaha menternak babi di kalangan orang-orang Cina dan Siam dalam negeri Kelantan, untuk mengelakkan pergaduhan yang selalu berlaku antara penternak-penternak itu.*

*Menurut Encik Amaluddin pergaduhan itu menyebabkan kerugian yang banyak di kalangan pemelihara babi itu.*

*Menurut beliau lagi syur jabatan haiwan itu pun tidak dapat dijalankan oleh kerana bidasan-bidasan yang dibuat oleh ahli-ahli Perikatan itu.*

*Oleh kerana kebanyakan orang-orang China*

*yang memelihara babi itu ahli-ahli Perikatan sendiri, kata Senator itu lagi, maka orang-orang Perikatanlah yang rugi disebabkan oleh telatah orang-orang Perikatan sendiri.*

Demikian berita *Utusan Zaman*, yang menyedut sedikit dari ucapan saya di Kuala Trengganu.

Apabila berita ini dibaca oleh Menteri Muda Penerangan, beliau yang berada di Melaka ketika itu telah melompat dan menyerang lagi.

*Utusan Melayu menyiarkan berita dari Melaka: Menteri Muda Penerangan dan Siaran Radio, Jaafar Albar telah mengulangi tuduhannya bahwa pemimpin-pemimpin PAS di Kelantan ahmak dan menyatakan bahwa ulasan yang dibuat oleh Alamuddin Darus itu semata-mata bohong dan mencoba mengabui mata rakyat di negeri itu.*

*Beliau menegaskan lagi PAS adalah parti politik yang menggunakan ayat-ayat Al-Quran dan Islam itu sebagai alat untuk kepentingan manusia.*

*Dalam ucapannya yang panjang lebar di mesyuarat agung UMNO cawangan Duyung petang kelmarin, Tuan Syed Jaafar menerangkan bahwa dasar atau polisi Perikatan adalah polisi yang sesuai sekali dengan keadaan Tanah Melayu sekarang. Buktinya semua dunia luar memuji pemerintahan Perikatan dan menganggap pentadbiran*

*negeri adalah terbaik antara negeri-negeri Tenggara Asia.*

*Katanya, dia telah menyeru ahli-ahli UMNO terutama Pergerakan Pemuda supaya jangan terpengaruh dengan dakyah parti lawan terutama PAS yang menggunakan sentimen agama untuk mencari pengaruh di kampung-kampung.*

Sementara itu Awang Sulung dalam ruangan 'Ada-ada Sahaja' di *Utusan Melayu* pada 23 Januari 1961 menulis: 'Coba Tanya Dol Kero-pok . . . .

*Menteri Muda Albar kata PAS Kelantan 'ahmak'.*

*Senator Amaluddin (PAS) pula berkata Albar 'Pendakyah palsu'.*

*Mana satu yang betul?*

*Si Gabus yang kehilangan Matnya tentu bilang Albar betul. Dan Si Damak boleh jadi kata Senator Amaluddin betul.*

*Awang Sulung fikir, baik kita tanya Dol Kero-pok atau Wak Tempeh . . . .*

Demikianlah kisah-kisah yang berlaku, di samping mainan orang-orang suratkabar, potong sana dan kerat sini, sambil mencuit dan mencubit kadang-kadang.

Saya sengaja membawa kembali berita-berita akhbar mengenai hantam menghantam antara orang-orang UMNO dan PAS. Sekalipun sedikit sahaja, maksudnya hanyalah sebagai gambaran betapa sengitnya orang Melayu berjotos dengan

orang Melayu, atau orang Islam bertentangan dengan orang Islam.

Di luar sentiasa hebat, dan di parlimen juga tidak kurang hebatnya. Tetapi di dalam buku ini, saya tidak mahu membawa perkar-perkara yang telah terjadi itu terlalu banyak sangat, oleh kerana banyak lagi hal-hal lain yang akan dibicarakan.

Untuk memperkatakan perbahasan di parlimen, ada lebih baik didapati dari buku rekod perjalanan mesyuarat yang tercatat lengkap, daripada berpandukan berita-berita potongan dari akhbar-akhbar yang tidak sempurna.

Sementara percakaran yang tidak kunjung tamat antara UMNO dengan PAS, Partai Komunis Malaya terus menyusun kembali organisasinya di samping menggembelengkan usaha mereka dengan licin dan teratur.

Tentu sekali hal ini disedari oleh setiap ahli politik. Dan Tengku Abdul Rahman, Perdana Menteri, juga merasainya. Maka berkatalah Tengku seperti yang disiarkan oleh akhbar *Utusan Melayu* pada 5 April 1961:

*Tengku Perdana Menteri memberitahu para wartawan di residensi malam tadi bahwa dia tidak mahu tekanan dari kuasa-kuasa asing membahayakan keamanan di Persekutuan Tanah Melayu.*

*Tengku berkata bahwa tekanan komunis internasional dan pergolakan yang berlaku di ne-*

*gara-negara lain di kawasan Asia Tenggara secara tidak langsung akan memberi kesan kepada negeri ini.*

*Walau bagaimanapun rakyat Malaya akan memilih demokrasi dari komunisma.*

*Malaya telah mengalami peperangan melawan komunis dan mengetahui bahwa demokrasi memberi kehidupan yang lebih bahagia dari komunisma. Orang-orang Melayu tidak sekali-kali akan memilih komunisma, kata Tengku lagi.*

*Perdana Menteri kemudian menerangkan bahwa beliau akan membebaskan Chin Peng, Setiausaha agung Parti Komunis Malaya tidak akan dibunuh sekiranya dia ditangkap.*

*Tengku yakin bahwa Chin Peng adalah seorang yang jujur dan memegang janjinya, apabila dia berkata di persidangan Baling akan meletakkan senjata setelah Malaya mencapai kemerdekaannya.*

*'Saya percaya Chin Peng tidak akan meletakkan senjatanya kerana desakan dan tekanan dari komunis internasional,' kata Tengku.*

*Seterusnya Tengku berkata bahwa keadaan di Laos telah berbangkit akibat dua golongan pimpinan yang kuat berebut-rebut kuasa. Dan kemudian mengheret kuasa-kuasa besar terlibat dalam perebutan kuasa itu yang menjadikan rakyat Laos yang tidak berdosa serta cintakan keamanan menderita dan terancam.*

*Tengku berkata bahwa pergolakan yang berlaku di negara-negara lain di kawasan Asia Teng-*



*gara memberi kesan kepada Persekutuan Tanah Melayu, dan beliau tidak mahu tekanan-tekanan kuasa-kuasa asing membahayakan keamanan dan keselamatan di Persekutuan Tanah Melayu.*

Demikianlah kenyataan Tengku Abdul Rahman kepada wartawan-wartawan pada tahun 1961 dahulu. Sayang sekali Tengku terlalu percaya kepada Chin Peng dan yakin orang Melayu tidak akan menerima faham komunis. Tengku mengharapkan keamanan dari komunis, tetapi Tengku dan orang-orang UMNO terlalu takut kepada Islam yang kononnya akan membawa huru-hara.

Sekarang tahun 1976, orang ramai mula terpe-  
ranjat rupanya orang-orang Melayupun banyak yang komunis, bukan Chin Peng dan kawan-kawannya seperti Rashid Madin, Musa Ahmad dan Abdullah C.D. sahaja.

Saya tidak pernah percaya cara hidup komunis itu tidak boleh diterima oleh orang-orang Melayu setelah mereka menolak cara hidup Islam. Untuk lebih jelas kepada pembaca, sila baca pendapat-pendapat saya dalam buku *Yakjuj dan Makjuj Bertarung Di Malaysia*.

Kerana keinsafan inilah saya mahu memperjuangkan Islam sebagai pilihan kepada rakyat negara ini. Kalau orang-orang komunis mahu menegakkan negara komunis di negara ini, mengapa pula orang-orang Islam tidak mahu menegakkan negara Islam di negara ini?

Saya percaya liberal demokrasi ala barat, dan sistem liberal ekonominya tidak dapat bertahan, seperti ianya sedang lumpuh di barat sendiri dan telah terbukti hancur lebur di beberapa negara di planet Bumi ini. Di dalam buku saya *Manusia di Langit dan Manusia di Bumi*, seluruh persoalan politik manusia telah saya bentangkan dengan cara yang cukup jelas, dan sekarang nyata sekali Malaysia juga sedang terancam oleh komunis dan fahamannya yang mudah menjalar dan merayap ke dalam fikiran dan hati manusia, tidak kira miskin atau kaya, dan juga tidak kira Melayu atau bukan.

Kemiskinan rakyat di bawah sistem liberal demokrasi dan liberal ekonomi diperjuangkan oleh orang-orang komunis sebagai alat dakwah yang paling subur, di mana anak-anak orang-orang miskin yang telah lama merasai tekanan jiwa mereka tetapi berpeluang menjadi golongan manusia yang terpelajar dapat dikuasai oleh komunis. Kerana itu janganlah heran kalau ada doktor-doktor, peguam-peguam dan lain-lain golongan terpelajar telah terpengaruh oleh komunis. Ini adalah persoalan jiwa manusia, di mana jika dihalusi kebanyakan mereka adalah berasal dari keluarga miskin yang menderita dan menyimpan dendam terhadap kekejaman masyarakat yang melahirkan *the have and the have not*.

## BAHAGIAN KEEMPAT

### MABUK MAIN POLITIK

UMNO dan Perikatannya sedang memerintah. Mereka gembur-gembur kononnya UMNOlah teras pemerintah negara ini. Memang benar kelihatan pada zahirnya. Tetapi bila ada sesuatu yang memberi nilai ekonomi, keuntungannya adalah untuk kapitalis-kapitalis tentunya. Dan kepalsuan gembur gembur UMNO sebagai teras itu tambah nyata bila dikembalikan ingatan kepada persoalan bahasa kebangsaan setelah sepuluh tahun merdeka. Bahwa siapakah sebenarnya teras politik negara ini bukanlah harus ditentukan berdasar perkara-perkara kecil, tetapi ianya hendaklah dijadikan ukuran dari beberapa perkara besar.

UMNO merasa pengaruh PAS senantiasa mengancamnya, dan kerana itu selain dari langkah-langkah konfrontasi politik dan kepungan ekonomi yang dilakukan terhadap Trengganu dan Kelantan, yaitu negeri-negeri yang diperintah oleh PAS, UMNO melancarkan gerakan membeli saham-saham akhbar *Utusan Melayu* bagi membolehkan UMNO menguasai akhbar

yang selama ini menguasai pikiran rakyat Melayu, tetapi tidak menyebelahnya.

Hasil dari kejayaan memasukkan orang-orang UMNO menguasai *Utusan Melayu*, berlakulah mogok pekerja-pekerja *Utusan Melayu*, dan daripadanya berlaku pula pertukaran polisi secara yang menguntungkan UMNO dan Perikatan. Sekalipun *Utusan Melayu* telah dikuasai oleh UMNO dan kemudiannya akhbar *Warta Negara* di Pulau Piang dikuasai pula setelah dirasai memasuki Haji Yusuf Rawa dari PAS ke dalamnya akan merugikan UMNO dan menguntungkan PAS. Namun tidak semua pekerjanya dan wartawan-wartawannya dapat ditutup mulut daripada menceritakan sesuatu yang bermain di dalamnya, dan betapa peranan yang dimainkannya.

UMNO juga berusaha dengan berbagai cara dan membelanjakan wangnya untuk menguasai akhbar *Straits Times*, tetapi tidak berjaya. Kejayaannya setelah beberapa lama kemudian, telah diserahkan *New Straits Times* dan kumpulannya kepada Samad Ismail yang ternyata seorang komunis.

UMNO bekerja kuat untuk melumpuhkan kerajaan-kerajaan PAS di Trengganu dan Kelantan. Mereka berjaya menjatuhkan kerajaan PAS di Trengganu dengan cara mereka, tetapi peluang keemasan itu didapati oleh UMNO oleh sebab-sebab kebetulan telah ada perpecahan dan percakaran di dalam PAS Trengganu sendiri.

Bertolak dari kejayaan ini, maka UMNO bernafsu benar hendak menggulingkan kerajaan PAS di Kelantan. Usaha ini telah dibebankan kepada Datuk Wan Abdul Kadir Ismail yang sengaja dihantar oleh ibu pejabat UMNO dengan tugas-tugas khas.

Hasil dari tugas khas Datuk Wan Abdul Kadir ini, ialah tersebar berita empat orang ahli Dewan Negeri Kelantan menyeberang kepada UMNO. Sebenarnya usaha yang telah dilakukan tidaklah sekadar empat orang sahaja, malah beberapa orang lagi telah dihubungi.

Semuanya berlaku seperti 'Mission Impossible'. Wakil-wakil rakyat dibawa ke Kuala Lumpur, kemudian diatur persediaan, kemudian disiarkan melalui talivisyen, kemudian dibawa balik ke Kelantan kerana Dewan Negeri Kelantan akan bersidang di mana kerajaan PAS akan digulingkan secara sah melalui proses demokrasi. Kemudian orang-orang PAS memainkan peranan sebagai kontra kepada peranan Datuk Wan Abdul Kadir dan orang-orang yang lebih besar daripadanya, kemudian Dewan Negeri bersidang dan kecuali Speaker Dewan Negeri Kelantan Abdullah bin Haji Yusuf, selainnya menyatakan sikap tetap dengan PAS.

Pada hari itu, orang-orang UMNO yang merasa mereka tetap berjaya menguasai Kelantan melalui pintu belakang demokrasi telah merasa begitu kecewa. Malamnya PAS mengadakan rapat umum di Macang kerana kedudukannya dari segi

hubungan jalanraya berada di tengah-tengah. Saya telah memberi pidato kepada puluhan ribu rakyat dengan dimulai memanggil mereka bangun bertakbir tiga kali atas kejayaan PAS mengagalkan tipudaya politik UMNO itu.

Percobaan Tun Abdul Razak melalui Datuk Wan Abdul Kadir dengan kerjasama pegawai-pegawai, semuanya telah berlaku. Kerana kejadian yang menggelikan hati ini, saya telah menulis sebuah buku menceritakan seluruh kejadian drama dan latar belakangnya dengan segala fakta-fakta yang benar seperti yang diceritakan oleh beberapa orang yang terlibat dan oleh yang lain-lain lagi yang telah coba dipikat, juga suasana politik ketika itu.

Buku itu saya beri judul *Demokrasi Tergugat di Kelantan*. Tetapi kerana buku itu mengisahkan fakta-fakta resmi dan langsung mengenai persoalan parti dan politik, maka saya serahkan kepada PAS Kelantan untuk menerbitkannya.

Sebuah jawatankuasa kecil telah mengkaji kandungan buku itu, di mana Datuk Asri, saya sendiri, Datuk Wan Mustapha (peguam) dan beberapa orang lagi telah mengkajinya. Pada pendapat Datuk Wan Mustapha, buku itu perlu diterbitkan, tetapi pendapat penasihat undang-undang PAS itu telah tidak diterima oleh Datuk Asri kerana beliau takut akan tindakan balas politik.

Seluruh isi kandungannya adalah merupakan fakta-fakta sejarah yang perlu saya miliki,

kerana buku itu adalah hasil usaha saya sendiri. Tetapi naskah yang berkenaan itu telah saya serahkan kepada Setiausaha PAS Kelantan dan saya percaya masih tersimpan dengan selamat untuk dikembalikan kepada saya sebagai mengembalikan barang amanah.

Selain daripada buku ini ada sebuah buku lagi yang telah saya tulis berhubung dengan pilihanraya kecil Bacuk Utara. Buku ini juga masih berada pada Setiausaha PAS Kelantan kerana sebab-sebab yang sama. Saya harap naskah itu juga akan dikembalikan kepada saya oleh PAS Kelantan pada suatu masa kelak.

Berhubung dengan pilihanraya kecil Bacuk Utara ini, saya telah menulis sepucuk surat terbuka kepada Tengku Abdul Rahman Putra Al Haj, yang pada masa itu adalah Yang Dipertua Agung UMNO dan juga Perdana Menteri. Menulis surat ini saya lakukan tanpa memberitahu sesiapa, kerana saya bimbang nanti dilarang pula oleh Datuk Asri.

Surat itu telah saya kirim kepada Tengku Abdul Rahman Putra dan kepada semua akhbar. Tetapi kecuali *Mingguan Kota Bharu* tidak ada sebuah akhbarpun yang menyiarkan atau memberitakannya. Isi surat yang tersebut dan jawaban dari Tengku Abdul Rahman menerusi Setiausahanya adalah seperti di bawah ini:

*BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM*  
*(Surat terbuka dari Amaluddin Darus,*  
*hamba Allah)*

*Kepada Yang Amat Berhormat,*  
*Tengku Perdana Menteri,*  
*Persekutuan Malaysia,*  
*Kuala Lumpur.*

*Tengku,*

*Dengan hormat lagi takzim, patik hamba Allah ini memohon kemaafan di samping mengharapkan kesediaan Tengku mengikuti surat yang tidak sepertinya ini.*

*Seperti yang Tengku sedia maklum, bahwa di negeri Kelantan telah berlaku beberapa kali pilihanraya kecil dalam tahun 1967 yang lalu, yang pertama di kawasan Pasir Mas Hulu, oleh kerana kematian Allahyarham sahabat sepermainan golf dengan Tengku, Ab. Samad Gul Ahmad Mianji, yang malang dibunuh oleh orang itu, dan keduanya di kawasan Kelantan Hilir akibat kematian Allahyarham Haji Ahmad bin Abdullah.*

*Di dalam masa kempen pilihanraya kedua-dua kawasan Parlimen itu telah berlaku begitu hebat dan membingungkan bukan sahaja patik tetapi beberapa orang pelawat asing dari luar negeri yang datang hendak menyaksikan bagaimana rupa demokrasi di negeri ini diamalkan. Sungguh-sungguh pada sangkaan patik suasana*



*kempen pilihanraya-pilihanraya itu tersangatlah hebat dan tak ada tandingan lagi. Rupa-rupanya perhitungan patik itu masih meleset, sebab suasana pilihanraya kecil di kawasan Bachok Utara lebih hebat lagi daripada yang lain-lain. Sayang, Tengku tak berpeluang datang menyaksikannya sendiri, dan Tunpun tidak datang juga mence-  
markan kaki di kawasan pilihanraya itu di se-  
panjang-panjang masa berkempen dari 7 haribu-  
lan Mac hingga hari mengundi pada 6hb. April  
tahun 1968 baru-baru ini.*

*Oleh kerana Tengku telah tidak datang, maka itulah sebabnya menarik minat patik menulis su-  
rat ini kepada Tengku. Pada hemat patik sung-  
guhpun parti patik telah bertanding hanya de-  
ngan parti Perikatan sahaja, yang kebetulan  
Tengku sendiri sebagai ketuanya, patut juga  
Patik menulis surat ini untuk memaklumkan ke-  
pada Tengku sebagai Perdana Menteri negara  
patik. Sebab sebagai Perdana Menteri bagi negara  
Malaysia, patik percaya Tengku tentu sependa-  
pat dengan patik, bahwa di dalam hidup berne-  
gara yang demokrasi pula, sekalipun kita berpar-  
ti-parti, namun kita adalah satu keluarga, justeru  
kerana itu walau apa dan bagaimana sekalipun  
perbedaan pandangan dan hasrat kita, namun di  
atas segala-galanya itu keadilan adalah suatu  
yang utama sekali.*

*Bahwa kita ini sebagai hamba Allah yang ber-  
agama Islam, adalah diajar supaya tidak menya-  
kiti dan tidak disakiti. Tidak menyusahkan dan*

*disusahkan, tidak menzalimkan dan tidak dizalimkan.*

*Patik percaya jika tidaklah kerana dasar yang parti Tengku berpegang sekarang mengecualikan atau mengeneipkan agama dan norma-norma hukum Islam, atas alasan agama tak bercampur dan tak kena mengena dengan persoalan politik, maka tentulah tidak sampai begitu sekali kuatnya tekanan dan kezaliman yang telah dilakukan oleh orang-orang parti Tengku terhadap orang-orang parti patik. Dari semua kejadian yang telah berlaku di dalam masa kempen pilihanraya itu patik yakin bahwa di sana ada dalang-dalang yang mengatur dan menggalakkan orang-orang parti Tengku bertindak tanpa malu dan silu sedikitpun. Apatah lagi untuk diukur dari hukum-hukum perikemanusiaan dan persaudaraan Islam.*

*Sepanjang masa kempen pilihanraya itu, patik dapati bukan sahaja orang-orang Tengku yang bekerja keras, malah alat-alat negara dari Jabatan Penerangan dan Jabatan Penerangan Luar Bandar semuanya bekerja begitu teratur dan kemas untuk parti Tengku. Bahkan sehingga ada orang-orang dari Jabatan Polis sendiri ikut bergerak dengan tidak malu-malu lagi berkempen mengugut dan menakutkan orang-orang parti patik dan penyokong-penyokong parti patik.*

*Perkara ini bukanlah tidak pernah orang-orang parti patik perkatakan, malah di Dewan Rakyat dan Dewan Negara sendiri sudahpun pernah dikemukakan berhubungan dengan suasana*

*pilihanraya-pilihanraya kecil Pasir Mas Hulu dan Kelantan Hilir. Sekarang ini, apabila patik ulangi lagi, bukanlah patik menuduh dengan maksud jahat, tetapi kerana patik mengharapkan di dalam negara kita ini benar-benar terdapat demokrasi dan keadilan.*

*Orang-orang parti Tengku juga bertindak memungut kad-kad pengenalan sampai beribu-ribu banyaknya di seluruh kawasan pilihanraya Bachok Utara dengan maksud supaya rakyat tidak dapat mengundi, dan kalahlah parti patik.*

*Semua perbuatan ini berlaku terang-terang di kawasan pilihanraya kecil itu. Semuanya bukanlah menjadi satu rahasia kepada rakyat tempatan dan pemerhati-pemerhati yang sampai di sana. Dan sebahagian daripada kisah-kisah ugutan oleh anggota polis serta kisah-kisah pungutan kad pengenalan telahpun orang-orang patik membuat aduan di balai polis dan sebahagian lagi ada yang telah patik maklumkan sendiri kepada pegawai-pegawai polis di dalam dua kali perjumpaan di antara pihak PAS dan parti Tengku, polis dan penyelia pilihanraya Negeri, yang dipengerusikan oleh Pegawai Pengerusi Pilihanraya (Returning Officer) sendiri.*

*Di dalam surat ini patik belum membutirkan satu demi satu kejadian-kejadian yang telah berlaku di sana, tetapi patik percaya segala-gala kejadian itu tidaklah terlindung sangat dari pengetahuan Tengku sebagai ketua parti dan Kerajaan.*

*Sesungguhnya dalam setiap kali pilihanraya*

*kecil di Kelantan, orang-orang parti Tengku terlalu gilakan kemenangan. dan sikap kegilaan itulah agaknya yang membawa kepada hilang segala-galanya apa yang dikatakan gentlemen, demokrasi dan keadilan. Pada hal seperti yang patik ketahui sifat-sifat itu adalah sifat yang selama-lamanya menjadi sifat peribadi Tengku, atau sekurang-kurangnya menjadi cita-cita Tengku.*

*Sepanjang yang patik perhatikan, kira-kira sepuluh hari sebelum mengundi, tidak kurang dari seribu pekerja-pekerja parti Tengku bekerja dengan kuat di seluruh kawasan pilihanraya Bachok Utara itu, dan patik percaya orang-orang parti Tengku seperti biasa tidaklah bekerja melainkan mendapat upah wang dan mata benda. Patik percaya Tengku tentu sependapat dengan patik dalam hal ini. Justeru kerana itu dapatlah kita agakkan jumlah wang yang parti Tengku belanjakan di dalam pilihanraya kecil itu. Jumlahnya tentu banyak sekali. Adapun parti patik yang miskin lagi dzaif ini bergeraklah sekadar yang terdaya merangkak-rangkak sambil mengharapkan pertolongan Tuhan.*

*Begitu hebat orang-orang Tengku bekerja ditambah dengan alat-alat negara yang lain menghadapi parti patik yang kecil ini. Sementara itu tentulah banyak sekali wang telah dibelanjakan untuk menggerakkan jentera pilihanraya parti Tengku, tetapi hasilnya parti Tengku baru dapat mengurangkan hanya 65 undi sahaja daripada undi-undi yang didapati oleh parti patik jika di-*

*bandingkan dengan jumlah yang parti patik dapati dalam pilihanraya pada tahun 1964 dulu.*

*Sesungguhnya jika diperhitungkan sedalam-dalamnya nyatalah penyokong-penyokong parti patik masih setia dan kebal. Dan patik percaya kalaulah tidak ada sebarang tekanan-tekanan seperti yang telah berlaku, tidak syak lagi jumlah undi parti patik di kawasan Bachok Utara tidak merosot sebanyak 65 undi, sebaliknya akan bertambah lagi daripada jumlah tahun 1964.*

*Pada hemat patik, memadailah surat patik ini setakat ini dahulu untuk tatapan Tengku, dan apa yang patik mohonkan ialah semoga kejadian-kejadian yang tidak demokratik itu tidak akan berulang lagi di masa hadapan. Supaya nama Tengku, seorang yang pemurah, baik hati, tenang dan sabar serta sangat dikenali mencintai keadilan yang pada masa ini menjadi Perdana Menteri akan diingati dalam sejarah sebaik-baiknya.*

*Sekianlah sahaja dahulu surat patik, diiringi dengan doa semoga Tengku sentiasa mendapat taufik dan hidayah dari Allah yang menjadikan kita manusia ini semua dan yang kepadanya kita semua akan kembali kelak.*

*Adalah patik dengan hormatnya,  
(Senator Amaluddin Darus, JP)*

*Kota Bharu, Kelantan.  
12 Mei, 1968.*

Demikian surat saya kepada Tengku Perdana Menteri, dan di bawah ini adalah jawaban dari Tengku Abdul Rahman.

*17hb Mei, 1968.*

*Y.B. Senator Amaluddin Darus,  
Kota Bharu,  
Kelantan.*

*Tuan,*

*Adalah saya diarah mengaku terima surat tuan bertarikh 12hb. Mei, 1968 yang beralamat kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, yang mengandungi di dalamnya beberapa tuduhan-tuduhan terhadap gerak langkah Parti Perikatan yang dikatakan tidak demokratik dalam masa pilihan-pilihan Raya Kecil yang telah diadakan di Negeri Kelantan. Terang dan nyatalah bahwa sungguhpun surat itu beralamat kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, tetapi surat yang tersebut bukanlah dihadapkan khususnya kepada beliau kerana surat itu telah di-cyclostylekan dan merupakan satu surat terbuka. Dengan hal yang demikian tentulah surat yang tersebut telah dihantarkan kepada orang-orang lain juga.*

*2. Daripada gaya dan cara surat itu dituliskan*

maka Yang Amat Berhormat berpendapat bahwa surat itu mempunyai maksud dan tujuan yang boleh digunakan kerana muslihat Parti tuan.

3. Setakat yang diketahui oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Parti Perikatan tidaklah pernah menggunakan taktik-taktik yang buruk dan tidak adil untuk mencapainya kejayaan di dalam pilihanraya-pilihanraya. Parti Perikatan sebagai sebuah Parti yang memerintah tidaklah pernah menekan Parti-parti lawan dengan menggunakan jentera propaganda kerajaan atau sebagainya; jika ada orang-orang Parti Perikatan yang mengeluarkan perkataan-perkataan atau melakukan sesuatu yang melebihi, maka kejadian-kejadian itu semata-mata terbit daripada semangat mereka yang kuat bagi membalas perbuatan dan dakyah-dakyah Parti pembangkang dalam pilihanraya-pilihanraya. Mereka tiada dapat izin daripada pemimpin-pemimpin Perikatan untuk berbuat demikian.

4. Sebaliknya, Yang Amat Berhormat berpendapat bahwa Parti Islam Setengah Melayu sentiasalah mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang melampau-lampau, dan pemimpin-pemimpinnya selalulah mengeluarkan perkataan-perkataan yang boleh memesongkan fikiran rakyat jelata dengan memberi kenyataan-kenyataan yang tidak sebenar, samada dalam perkara-perkara agama ataupun politik, asalkan Parti itu dapat berjaya dalam pilihanraya-pilihanraya. Yang Amat Berhormat juga sedar bahwa banyak fit-

*nah-fitnah dan tuduhan-tuduhan yang kotor yang telah dilemparkan oleh pemimpin-pemimpin PAS terhadap dirinya dan Tun Abdul Razak dalam masa dijalankan kempen-kempen, tetapi beliau tidaklah membuat sesuatu untuk membalas balik terhadap pemimpin-pemimpin Parti Islam kerana beliau percaya Tuhan amatlah kaya dan telahpun menunjukkan balasanNya ke atas orang-orang yang melakukan kesalahan-kesalahan itu. Butir-butir yang jelas telahpun dapat disaksikan tentang kemurkaan Allah yang maha kuasa ke atas hambaNya yang telah mempermain-mainkan agama yang maha suci, dengan menurunkan berbagai-bagai rupa bala ke atas Negeri Kelantan. Berbagai-bagai rupa kemalangan dan bencana telah menimpa Negeri Kelantan dari semasa ke semasa dari semenjak Parti Islam memerintah Negeri itu.*

*Sebaliknya Parti Perikatan tidaklah menggunakan agama yang maha suci untuk menjadi alat bagi memenangi pilihanraya-pilihanraya. Bahkan jasa-jasa Parti Perikatan terhadap agama Islam tidaklah payah disebutkan satu demi satu, kerana tiap-tiap seorang dapat menyaksikannya sendiri. Binaan mesjid yang indah, sekolah-sekolah agama dan surau-surau telah didirikan dengan perbelanjaan Kerajaan; guru-guru agama dan muballigh-muballigh telah diadakan berganda-ganda ramainya daripada masa yang lepas. Pendek kata apa yang dilakukan oleh Kerajaan Perikatan untuk membuktikan kemuliaan yang*



*diberi kepada agama Islam, sudahlah termasyhur ke seluruh dunia. Hal ini tidak siapapun yang boleh menafikannya sekalipun ada dakyah Parti Islam Setanah Melayu hendak mempelesongkan pandangan rakyat dengan mengatakan Parti Perikatan menjatuhkan agama Islam dalam Negeri ini.*

*6. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berharap pemimpin-pemimpin Parti Islam Setanah Melayu sedar dan insaf di atas segala kesalahan dan dosa yang mereka lakukan dan segera bertobat sebelum daripada Negeri dan rakyat Kelantan menjadi bertambah-tambah buruk. Beliau berharap mereka lebih memikirkan kesalahan diri sendiri daripada melemparkan tuduhan-tuduhan terhadap orang lain. Beliau juga berharap moga-moga Allah Subhanahu Wata'ala akan membukakan pintu hati pemimpin-pemimpin Parti Islam untuk berjalan di atas lunas-lunas yang diredhai Allah.*

*Sekianlah saya maklumkan.*

*Saya yang menurut perintah,*

*t. t.*

*(Nik Hassan bin Abdul Rahman)*

*Ketua Setiausaha Sulit*

*kepada Perdana Menteri.*

Demikian bunyi surat-surat politik dalam suasana yang genting, di mana pihak UMNO sen-

tiasa memandang PAS sebagai lawannya yang paling mencabar. Saya tidak begitu ghairah hendak mengulas kandungan surat jawapan Tengku seperti yang diarahkan supaya dibuat oleh Setia-usahanya.

Bagaimanapun sejarah politik negara ini, dari sudut PAS dan Perikatan khususnya, nyatalah UMNO sangat memandang berat terhadap pengaruh dan keupayaan PAS dalam menghadapi UMNO/Perikatan.

Saya adalah Pengarah pilihanraya PAS, peringkat nasional bagi tahun-tahun 1964 dan 1969, kerana itu saya sentiasa mengambil tahu betapa pandangan UMNO dan Perikatan khasnya dan parti-partai lain amnya. Saya mampu memberi pandangan dan ulasan, kerana memang di antara tugas saya ialah memberi kursus kepada ahli-ahli PAS. Sungguhpun begitu, di sini biarlah saya perturunkan analisa dari pihak pimpinan UMNO sendiri dalam kursus yang diberi oleh mereka berhubung dengan parti-parti politik di Malaysia, mengenai UMNO sendiri dan parti-parti lawannya terutama PAS.

Satu kertaskerja pihak UMNO yang berjudul *Parti UMNO, Parti Perikatan, mengenal Parti-parti lawan* telah disediakan oleh UMNO terbahagi kepada 107 ceraiian:

## PARTI UMNO

1. Sungguhpun parti UMNO tidak pernah mem-

banggakan satu-satu Ideologinya tetapi perjuangan Politik UMNO dari mulanya berdasarkan DEMOKRATIK Nationalism, yaitu satu Kebangsaan yang berdasarkan Demokrasi. UMNO atau Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu berasal dari usaha mempertahankan hak-hak orang Melayu melalui cara-cara yang sesuai dengan undang-undang zaman penjajah. Keadaan UMNO sekarang berubah kerana UMNO menjadi kuasa besar dalam Kerajaan dan dapat mengubah dan meminda undang-undang. Sekatan kepada kuasa dan tindakan UMNO bukan datang dari undang-undang lagi, tetapi dari parti-parti yang bergabung dengan UMNO menjadi Perikatan.

2. Dari mula sampai sekarang cara bertindak UMNO boleh dikatakan 'Pragmatic'. 'Pragmatism' ialah kepercayaan yaitu semua benda-benda dan fikiran-fikiran boleh merupakan berbilang bentuk; keadaan sesuatu benda atau fikiran tidak tetap tetapi berubah daripada satu masa ke satu masa dan kejadian yang nyata tak dapat dinafikan atau ditolak.

3. Oleh sebab UMNO pragmatic maka tindakan politik UMNO berubah mengikut perubahan masa dan penghargaan nilai. Apa yang diutamakan ialah praktikal atau tidak.

4. Umpamanya ujud UMNO ialah untuk menolak sama sekali taraf kerakyatan kepada penduduk Tanah Melayu yang bukan Melayu. UMNO bertindak mengikut undang-undang, yaitu mengikut kekuatan orang-orang Melayu

yang tidak mampu melawan penjajah—supaya taraf ini tidak diberi kepada orang bukan Melayu. Tindakan UMNO berjaya, kerakyatan tersekat, tetapi selepas ini cara pemikiran dan penghargaan atas kerakyatan telah berubah.

5. Dunia memandang, dan ahli-ahli cerdik pandai pada masa itu memandang bahwa menyekat samasekali penduduk-penduduk sesebuah negara daripada mendapat kerakyatan ialah tidak bijak dan tidak adil. Jika UMNO ingin kepada kemerdekaan, maka mustahaklah orang-orang Melayu bekerjasama dengan orang yang bukan Melayu.

6. 'Pragmatism' UMNO membolehkan UMNO menapis dan mencari jalan supaya orang-orang Melayu dapat bekerjasama dengan orang-orang bukan Melayu.

7. Satu rumusan dibentuk melalui cara musyawarah supaya kerjasama itu tidak mendatangkan kekalahan pada satu pihak.

8. Dengan mengamalkan cara begini maka rasa ketakutan orang-orang Melayu waktu bekerjasama dengan orang-orang bukan Melayu yang lebih kaya dan mungkin lebih banyak bilangannya dari orang-orang Melayu sendiri, dapat dihilangkan. Cara seperti ini sesuai dengan masa dan nilai yang telah berubah sejak UMNO diwujudkan.

9. Hasil dari 'approach' seperti ini ialah kemerdekaan, dan kekuasaan yang dicapai oleh UMNO dengan menjadi Kerajaan.

10. Contoh ini diulang berkali-kali dalam tin-

dakan-tindakan politik UMNO. Cara bertindak bukannya saja mengikut masa tetapi juga mengikut tempat dan keadaan.

11. Tindakan UMNO di Kelantan misalnya berlainan dari tindakan UMNO di Johor. Tindakan dan taktik UMNO di Kota Bharu misalnya berubah dari tindakan dan taktik di Bachok. Kerana sebelum sesuatu perkara atau sesuatu dasar atau kempen dijalankan, telah terlebih dahulu mesti dijalankan pengajian untuk dapat mengambil tindakan yang sesuai.

12. Sungguhpun UMNO berubah mengikut masa, tempat dan keadaan, tetapi haluan politik UMNO tetap, tidak berubah.

13. Tujuan UMNO ialah menjadi kekuasaan dalam Negara, kerana kekuasaan menjadi alat bagi UMNO mencapai cita-citanya, kekuasaan membolehkan UMNO menyalurkan wang untuk pembangunan luar bandar kerana pembangunan di luar bandar membolehkan UMNO mengekalkan kekuasaan itu.

14. Kekuasaan membolehkan UMNO mengubah atau meminda undang-undang ke arah perubahan atau pindaan undang-undang dapat mempertahankan kekuasaan UMNO itu.

15. Pragmatism UMNO sebenarnya mencerminkan falsafah politik yang sehabis moden.

16. Setiap negara di dunia sekarang ini menyelenggarakan pragmatism ini menjadi 'approach' yang dianggap sesuai sekali sehingga Komunis Rusiapun menerima approach ini.

17. Peaceful co-existence atau hidup bersama dalam suasana aman damai yang diamalkan oleh Russia sekarang ialah approach yang pragmatik kepada dunia yang telah berubah dari dunia kapitalis - proletariat Karl Marx dulu, di mana perbedaan antara kaya dan miskin sangat nyata.

18. Selain daripada haluan, politik UMNO tidak ada satu 'formula' yang tetap untuk memperbaiki keadaan masyarakat. Sehingga sekarang 'pragmatism UMNO mendatangkan kejayaan yang penuh. Tetapi pragmatism ada bahayanya dan bahaya ini akan timbul apabila pucuk pimpinan terlangsung jauh daripada rakyat. Di sini susunan parti UMNO mesti diikuti dengan cukup syarat kerana susunan ini dibentuk dengan bentuk demokrasi untuk mendekatkan ahli sehabis rendah kepada pegawai yang sehabis tinggi.

## PARTI PERIKATAN

19. Pada zahirnya Perikatan ialah parti perkauman. Tetapi dari segi amalan, Perikatan membuktikan percantuman kaum yang menasabah sekali dalam masa dan keadaan di Malaysia.

20. Kedudukan kaum di Malaysia tidak ada bandingnya di lain-lain negara dunia ini. Ketiga kaum terbesar di Malaysia berlainan sama sekali antara satu sama lain.

21. Yang lebih berkesan lagi dalam politik ialah kekuatan dua kaum terutama (Melayu dan Cina) hampir sama. Ini menyekat asimilasi atau in-

tegrasi antara kaum. Dalam keadaan ini tiap-tiap kaum mesti diberi nilai dan penghargaan yang penuh. Tetapi kalau nilai atau penghargaan itu melampaui batas, kerjasama antara kaum tidak akan tercapai.

22. Dengan adanya Perikatan maka penghargaan kaum dapat nilai yang wajar dan sesuai, sedang kerjasama dapat juga dicapai.

23. Sistem konsensus yang membelakangkan undi yang banyak tetapi memberi keutamaan kepada kehendak ramai, dapat mengatasi keraguan kalangan-kalangan yang menjadi anggota Perikatan.

24. Selain daripada ini, politik Perikatan juga mengambil dasar pragmatism UMNO. Rupa Perikatan berlainan di satu tempat dari tempat yang lain, di satu masa dari masa yang lain.

25. Begitulah bentuk imej Perikatan sehingga Perikatan dapat menggunakan undi kaum yang kecil dalam satu kawasan untuk merebut kemenangan dari parti-parti lawan.

26. Umpamanya satu kawasan yang mempunyai penghuni-penghuni Melayu sebagai pengundi terbesar, di mana perlawanan biasanya antara UMNO dengan PAS, pengundi-pengundi Cina yang sedikit bilangannya menjadi faktor pemutus, dalam pemilihan calon-calon.

27. Sebaliknya di kawasan pengundi-pengundi Cina, pengundi-pengundi Melayu India yang kecil bilangannya menjadi faktor pemutus.

28. Perikatan juga tidak bermegahkan satu-satu

ideologi. Apa yang dijalankan dalam Perikatan ialah melalui 'programme' (manifesto) atau susunan polisi dan tindakan. Untuk mencapai polisi dan mengambil tindakan langkah yang pertama ialah kuasa. Kelonggaran sikap dan ideologi membolehkan semua pihak, peringkat dan kaum mencari persamaan dalam 'programe' Perikatan. Dalam bahasa Inggeris kita boleh katakan bahwa 'Perikatan is all things to all races.'

29. Sungguhpun Perikatan berasal dari percantuman parti-parti perkauman, tetapi kerjasama dan kejayaan memaksa perkauman yang pelampau ditumpukan.

30. Hasil dari usaha ini ialah dasar dan tindakan yang dapat diterima oleh semua kaum. Dasar dan tindakan yang dapat diterima oleh segala kaum dengan sendirinya bererti bahwa Perikatan telah membelakangkan perkauman, dan Perikatan menjadi satu parti yang benar-benar berbentuk dan berjiwa Malaysia. Politik Perikatan ialah Politik Malaysia, bukannya politik Melayu, Cina atau India.

31. Ketiadaan kuasa dalam Perikatan menjadi sumber kekuatan kepadanya. Kerana dasar tidak dapat diperturunkan dari Perikatan kepada parti-parti yang menjadi anggota-anggotanya, maka semua perkara dapat dibahaskan di peringkat anggota-anggota parti terlebih dahulu. Perbahasan seperti ini akan dapat menjadikan pedoman mencari konsensus. Bila perkara-perkara yang dibahaskan sampai ke peringkat Perikatan,



pendapat dan perasaan anggota parti sudah nyata dan jelas sehingga sedikit sahaja lagi perubahan-perubahan yang perlu didatangkan untuk menyesuaikan pendapat ketiga kaum. Cara seperti ini mengurangkan perselisihan faham dalam Perikatan dan berjaya mengekalkan rupa bentuk Perikatan.

32. Selain dari pragmatism, satu kepercayaan politik Perikatan ialah demokrasi berparlimen. Dasar ini, dan approach cara pragmatik membolehkan Perikatan menerima semua bentuk ideologi yang sesuai.

33. Di dalam perusahaan letrik umpamanya, nationalisation (menjadikan milik negara), yaitu salah satu tindakan sosialis, telah diamalkan. Tetapi private enterprise dan kapitalis juga dibenarkan bahkan digalakkan.

34. Kebebasan rakyat diterima, tetapi tidak sehingga membinasakan keamanan masyarakat. Kebebasan persurat-kabaran misalnya tidak sampai hingga berita-berita yang membangkitkan perasaan perkauman melampau disiarkan. Kebebasan politik tidak sampai kepada peringkat tunjuk-tunjuk perasaan yang boleh mencetuskan huruhara dalam Negara.

35. Pendek kata politik Perikatan ialah politik yang dibentuk mengikut keadaan yang istimewa di Malaysia. Kaum diutamakan setakat perenggan saja. Dasar dibentuk berpandu kepada dan memandang kepada semua faktor termasuk keutamaan kaum, kekayaan Negara, kebolehan po-

litik Negara dan politik parti. Semua faktor sama-sama berhak dan memberi kesan tetapi tidak ada satu-satu faktor yang lebih diutamakan daripada faktor yang lain.

## MENGENAL PARTI LAWAN: PAS

36. Di antara parti-parti lawan cuma satu saja parti yang dasar dan politiknya boleh menandingi Perikatan. PAS memainkan politik yang boleh mengancam kedudukan Perikatan. Ideologi PAS yang ada sedikit sebanyak itu, sungguhpun lebih ketat dari pragmatism Perikatan dan UMNO, tidak menyekat gerak geri PAS kerana PAS tidak bertujuan mencari sokongan dari kaum yang bukan Melayu.

37. Apa yang diamalkan oleh PAS sesuai dengan kehendak orang-orang Melayu.

38. Pemilihan agama sebagai asas parti adalah satu langkah yang bijak dari PAS. Dengan secara tidak langsung sikap perkauman Melayu dapat ditayangkan kepada orang-orang Melayu, tetapi Kerajaan tidak dapat bertindak terhadap PAS kerana memainkan politik perkauman yang berbahaya.

39. Kalau Kerajaan mengambil tindakan kerana dasar agamanya, tindakan seperti itu lebih mengancam keamanan daripada kesanggupan politik perkauman PAS boleh mencetuskan huruhara dalam Negara.

40. PAS cuma menentang UMNO, tetapi kera-

na UMNO menjadi tulang belakang dan badan yang terbesar sekali dalam Perikatan, dengan sendirinya penentangan itu adalah terhadap Perikatan sendiri.

41. UMNO boleh memainkan sentimen perkauman Melayu di dalam kawasan-kawasan Melayu, tetapi di peringkat nasional UMNO tidak dapat berterus terang dengan sentimen perkauman Melayu.

42. Di peringkat kawasan-kawasan tempatanlah UMNO sentiasa menjadi sasaran PAS.

43. Satu lagi kekuatan PAS ialah kedudukannya sebagai parti pembangkang. Tanggungan parti pembangkang adalah jauh lebih ringan dari tanggungan parti pemerintah.

44. Segala dasar dan tindakan Kerajaan ada saja mempunyai kebaikan dan keburukan. Tabiat manusia adalah lebih senang dan lebih suka mencari yang buruk daripada yang baik. Sebagai pembangkang PAS dengan senang dapat menunjuk kepada keburukan akibat dasar dan tindakan Kerajaan itu.

45. Umpamanya mengenai undang-undang Bahasa Kebangsaan.

46. Kerajaan mengadakan tolak angsur dalam perkara ini dengan alasan bahwa ini sahajalah yang dapat menghindarkan huruhara. Huruhara tidak berlaku dengan undang-undang Bahasa Kebangsaan itu diluluskan, tetapi tidak timbulnya huruhara tidak pula dapat ditunjukkan atau

dibuktikan dengan jelas sebagai merupakan hasil tolak angsur.

47. Apa yang nyata ialah rasa tidak puashati orang-orang Melayu terhadap undang-undang Bahasa Kebangsaan itu.

48. Ini digunakan oleh PAS sebagai keterangan bahwa tolak angsur Kerajaan itu tidak berhasil.

49. Kalau Kerajaan tidak bertolak angsur dan katalah huruhara berlaku, keadaan seperti itu boleh pula dimainkan oleh PAS.

50. Jadi nyatalah bahwa kedudukannya sebagai pembangkang mendatangkan faedah dan kekuatan kepada PAS.

51. Kelemahan PAS ialah kedudukannya sebagai Kerajaan di Kelantan.

52. PAS terpaksa menjalankan tanggungjawab Kerajaan dan seperti biasa ada saja perkara yang tidak baik berlaku. Soal menggadaikan tanah, soal rancangan tanah yang gagal, soal kekurangan wang semuanya mengancam kedudukan PAS dan melemahkannya.

53. Malangnya semua perkara atau soal-soal yang timbul di Kelantan itu terdapat juga di negeri-negeri lain yang diperintahkan oleh Perikatan.

54. PAS dapat menampung kelemahannya dengan menunjukkan kepada negeri-negeri yang dikuasai oleh Perikatan dan kepada Kerajaan Pusat.

## PARTI PROGRESIP RAKYAT

55. Selain dari PAS parti pembangkang yang terang-terang bercorak perkauman ialah PPR. Dasar PPR adalah opportunism, satu dasar yang kerap benar dijumpai dalam jiwa orang-orang Ceylon.
56. Kerana bilangan mereka kecil, mereka tidak akan dapat menjadi wakil rakyat kalau didasarkan kepada perkauman Ceylon. Mereka mengerti kekuatan perkauman Cina di tempat-tempat yang penduduk-penduduknya kebanyakan orang-orang Cina. Sungguhpun pada mulanya mereka menyembunyikan sedikit dasar perkauman Cina mereka kerana hendak bertanding di tempat-tempat yang sedikit bilangan penduduk Cinanya, tetapi sekarang usaha seperti itu tidak lagi dilakukan.
57. Satu lagi daya penarik PPR ialah 'sensationalism'.
58. Dengan menggunakan taktik-taktik kotor seperti membeli 'cerita-cerita kejadian' atau 'inside story' dari pegawai-pegawai kerajaan, parti itu dapat mendedahkan beberapa perkara semata-mata memburukkan imej Kerajaan.
59. Golongan manusia yang tidak pernah merasa puas dan senang terhadap apa saja peristiwa atau kejadian, yang dalam bahasa Inggeris disebut 'malcontents' sangat tertarik kepada cara-cara PPR menentang Perikatan.

## PARTI TINDAKAN DEMOKRATIK

60. Parti ini mengambil dan mendapat ilham dari Petir di Singapura. Perkara ini merupakan kekuatan dan kelemahan kepada DAP.
61. Petir di Singapura sebagai pemerintah telah terpaksa mengambil tindakan-tindakan keras dan tegas terhadap kesatuan-kesatuan buruh dan kesatuan-kesatuan sekerja demi kepentingan negara. Kerana itu, gaya dan lagak DAP sebagai juara buruh tidak dapat diterima oleh kaum buruh sendiri.
62. 'Cogan Malaysian Malaysia' yang dulu digunakan oleh Petir tidak dapat menarik sokongan yang banyak kepada DAP. Kerana cogan ini cuma dapat difahami oleh segolongan kecil saja.
63. Kepada orang-orang Melayu cogan itu berti membela orang-orang Melayu.
64. Cuma mereka yang bersifat 'super liberal' dan 'dungu' saja di kalangan orang-orang Melayu yang dapat menerima apa yang disebut 'Malaysian Malaysia' itu.
65. Orang-orang Cina tidak juga begitu tertarik kepada Malaysian Malaysia kecuali mereka yang termasuk dalam golongan cerdik pandai.
66. Orang-orang India menyokong DAP kalau dapat memegang jawatan dan mendapat pablisiti lebih sikit.
67. Kalau DAP sekarang nampak seperti kuat, itu adalah disebabkan taktik dan teknik pablisitinya mengikut cara Petir di Singapura.

Perhubungan DAP dengan orang-orang suratka-bar baik dan cara-cara DAP mengupas persoalan-persoalan politik adalah logik bagi golongan yang berpengalaman.

68. Kerjasama DAP dengan PPR bererti bahwa DAP mengakui kekuatan perkauman dan juga bahwa cogan Malaysian Malaysia mereka tidak dapat melawan sentimen dan perasaan chauvinism Cina.

69. Walaupun DAP, sebagaimana Petir juga, sedar bahwa kekuasaan hanya akan dapat dicapai kalau ada sokongan dari orang-orang Melayu, tetapi DAP tidak bersedia menukar sikap dan dasarnya untuk menarik orang-orang Melayu kerana kalau terlalu banyak orang-orang Melayu dalam DAP dasar parti itu nanti mungkin menimbulkan keraguan kaum-kaum lain terhadap diri DAP sendiri.

70. Akhirnya DAP menjadi satu lagi alat untuk memecah-belahkan kalangan-kalangan yang tidak puashati dengan Perikatan.

## PARTI BURUH

71. Parti ini nampaknya lemah sekarang kerana ditawan oleh golongan pelampau yang lebih banyak semangat dari kebijaksanaan. Parti ini sekarang yang sebenarnya telah menjadi 'open front' kepada parti komunis.

72. Secara bersendirian parti itu tidak mengancam kedudukan Kerajaan Perikatan tetapi tin-

dakan-tindakannya yang bercorak perkauman Cina yang berkiblat ke Cina komunis menyebabkan parti ini menjadi alat kepada parti-parti lain untuk menuntut hak-hak yang berlebihan bagi orang-orang Cina.

73. Rusuhan di Pulau Pinang bulan November dulu misalnya tidak menguntungkan kepada parti Buruh, tetapi menjadi 'talking point' (garis perbincangan) kepada parti-parti chauvinis Cina yang lain.

74. Kerjasama antara Parti Buruh dan Partai Rakyat tidak akan tercapai kerana sentimen perkauman masing-masing. Dari jauh kedua-duanya nampak berhaluan sama, tetapi berdekatan perbedaan 'detail' menghalang kerjasama.

## PARTAI RAKYAT

75. Kekuatan Partai Rakyat sekarang menjadi satu rahasia.

76. Di antara ketua-ketua baru dan lama sekarang telah timbul salah faham. Pihak baru menganggap pihak lama tidak intelektual, dan kerana itu tidak layak memimpin parti yang mempunyai satu ideologi penuh.

77. Dalam kongres parti itu di Perlis baru-baru ini Kasim Ahmad telah berjaya merebut kuasa dari Ahmad Boestamam. Sudah tentu kerusi ketua itu tidak akan diberi oleh Kasim Ahmad dengan mudah balik kepada Boestamam nanti walaupun sudah lulus sebagai peguam.



78. Penyokong-penyokong Partai Rakyat agak banyak juga tetapi mereka itu tidak terkumpul sehingga sanggup mengawal satu-satu kawasan pilihanraya tertentu.

79. Kalau Partai Rakyat bertanding dalam satu-satu pilihanraya akibatnya ialah memecah-belahkan penyokong-penyokongnya sendiri untuk menyokong parti-parti lawan lain, terutama sekali Parti Buruh .

80. Hakikat ini nampaknya disedari oleh Kasim Ahmad kerana mengikut kenyataannya baru-baru ini tujuan Partai Rakyat ialah untuk membuka mata rakyat kepada politik negara.

81. Dengan ini nampaknya Partai Rakyat nanti akan mencoba bergabung semula dengan Parti Buruh untuk pilihanraya, atau menawarkan sokongan kepada mana-mana parti yang menunjukkan simpati kepadanya.

## PARTI GERAKAN RAKYAT MALAYSIA

82. Parti ini mempunyai banyak 'Potential' tetapi parti ini telah menambah bilangan yang menjadi alat memecah-belahkan penyokong-penyokong parti-parti pembangkang.

83. Sikap parti ini seakan-akan DAP dan ia mencari pengaruh nampaknya di tempat-tempat DAP. Ini akan menimbulkan 'kelam kabut' di kalangan orang-orang yang patut menyokong DAP.

84. Buruh dan kesatuan sekerja tertarik kepada

parti ini kerana di antara pengasas-pengasasnya terdapat Dr. Lim Chong Eu yang bukan terkenal sebagai juara buruh, telah menimbulkan keraguan.

85. Cuma sebahagian sahaja buruh yang akan dapat memahami dan menyokong perjuangan parti ini, kerana yang lain sudah ada dalam parti Buruh atau DAP.

86. Jadi, kalau sebelum ini kaum buruh cenderung kepada dua parti, yaitu Parti Buruh dan DAP, sekarang sudah ada tiga parti, yang bertujuan memancing sokongan kaum buruh.

87. Di mana-mana parti baru ini mencoba mencari tempat yang akan rugi bukannya Perikatan tetapi parti-parti pembangkang yang lain.

88. Dan di antara parti-parti pembangkang hanya PAS dan PPR saja yang tidak akan terancam oleh parti baru ini.

89. Dalam politik suatu kuasa besar yang ditakuti oleh parti-parti politik ialah 'undi-undi bebas' (*Floating votes*).

90. Di negara-negara lain ada kalangan penting yang senantiasa mengambil berat atas soal-soal politik tetapi tidak mahu berjuang terus dalam parti-parti politik tertentu.

91. Undi-undi bebas seperti ini boleh membentuk atau menjatuhkan kerajaan.

92. Di negara kita ini tidak ada undi bebas kerana boleh dikatakan semua pengundi berpihak kepada satu-satu parti tertentu dan kalau tidak berpihak mereka langsung tidak mengambil

berat atas soal-soal politik dan kerana itu tidak mengundi.

93. Keadaan seperti ini menyenangkan kepada parti-parti politik dan inilah sebabnya maka peratus (*percentage*) orang-orang yang menjadi ahli dalam parti-parti politik sangat tinggi di negeri ini. Dan banyak ahli bererti banyak pula undi.

### PARTI-PARTI MALAYSIA TIMUR

94. Gerak geri dan dasar parti-parti di Malaysia Timur tidak mempunyai kesan yang bererti kepada parti-parti politik Malaysia Barat. Politik mereka masih bercorak nasional.

### KESIMPULAN

95. Politik dalam negara ini lebih banyak merupakan pertandingan antara Kerajaan dengan parti-parti lawan daripada pertandingan antara parti-parti. Parti Perikatan, dan terutama sekali UMNO yang menjadi Kerajaan, lebih banyak berharap kepada kuasa Kerajaan untuk menarik sokongan daripada mengharapkan kepada ideologi atau semangat penyokong-penyokongnya.

96. Identification atau persamaan antara parti Perikatan dan Kerajaan semakin lama semakin tepat, terutama sekali di kalangan penduduk kawasan-kawasan luar bandar. Ini menjadi satu kekuatan yang tidak ditandingi atau diatasi oleh parti-parti lawan. Golongan intelek saja yang

tahu membedakan kedudukan parti pemerintah dengan kerajaan.

97. Tetapi golongan intelek kecil bilangannya dan kesan fikiran atau pentafsiran mereka itu sedikit saja dalam pilihanraya.

98. Politik parti-parti dalam negara ini lebih bercorak perkauman dari politik ideologi. Oleh kerana perkauman menjadi satu perkara besar, maka parti-parti yang berpura-pura menolak perkauman tetapi pada hakikatnya mencoba mem-permainkan, susah bertindak untuk mendapat sokongan yang tepat.

99. Perikatan, dengan pengakuannya bahwa perkauman masih ada dan berkesan dalam politik, lebih senang berjaya.

100. Pragmatism menjadi amalan UMNO dan Perikatan. Ini membolehkan Perikatan mengambil berbagai rupa tindakan dan mengelakkan diri dari tuduhan bahwa Perikatan tidak berpegang kuat kepada janji-janji ataupun ucapan tokoh-tokoh tertentu.

101. Gerak geri dan tindak tanduk parti-parti lawan merobah atau menukar cara-cara perjuangannya tidak dapat merobah cara pemikiran penyokong-penyokong parti Kerajaan.

102. Apa yang terjadi ialah bahwa penyokong parti lawan mengubah haluan dari satu parti lawan kepada parti lawan lain, yang dengan sendirinya melemahkan parti-parti lawan tersebut.

103. Kadang-kadang disebabkan bosan dan muak penyokong parti-parti lawan kerana per-

beras...entiasa timbul dalam parti-parti  
...menyebabkan mereka melompat ke  
...ajaan kerana parti yang menjadi Kera-  
...leh memberi keuntungan dengan serta

4. Di antara parti-parti lawan yang berbahaya sekali ialah PAS, kerana kelicinannya tersembunyi di sebalik agama bila memainkan politik perkauman.

105. Kerana ikatan UMNO dengan kaum-kaum lain memaksakan sikap bertolak angsur, PAS dapat menambah bilangan penyokong-penyokongnya. Dan di samping itu ada pula banyak ahli-ahli PAS yang fanatik atau sekurang-kurangnya lebih bersemangat dari ahli-ahli UMNO.

106. Ancaman besar kepada Perikatan dalam pilihanraya yang akan datang ialah dari PAS. Kalau UMNO terlalu pragmatik dan ketua-ketuanya menjauhkan diri dari fikiran orang-orang Melayu, akibatnya nanti ialah suara UMNO dalam Perikatan akan kurang walaupun Perikatan akan tetap berkuasa.

107. Ini akan menghalang Perikatan menghasilkan cita-cita orang-orang Melayu, yang dengan sendirinya juga akan mengurangkan lagi kepercayaan orang-orang Melayu kepada UMNO dan Perikatan. Akhirnya Perikatan dan UMNO akan tumbang. Di dalam alam atau ilmu politik tidak ada sesuatu yang boleh kekal.

Demikianlah satu dari kertaskerja UMNO

yang disampaikan dalam kursus-kursus menghadapi pilihanraya 1969 dahulu. Dari 107 ceraiian diperlihatkan oleh kertaskerja UMNO itu, menggambarkan betapa cemasnya pihak UMNO dalam menghadapi PAS khususnya. Justeru kerana itulah 'Pemuda Tahan Lasak' telah ditubuhkan untuk menghadapi pilihanraya tahun 1969.

Dalam kertaskerja Pemuda Tahan Lasak (KH/K/T1L 002/68) berjudul 'Menghadapi pilihanraya 1969' antara lain menyebutkan:

'... Malah selaras dengan kegiatan-kegiatan negara kita menghadapi zaman revolusi pembangunan dan revolusi mental, maka UMNO juga perlu bergerak secara revolusi.

'Gerakan parti secara revolusi, bererti menjalankan gerakan-gerakan dengan mempunyai rancangan-rancangan teratur dan barisan-barisan yang tersusun dalam jangka masa yang tertentu.

'Dalam melancarkan gerakan-gerakan seperti itu, UMNO tidak harus mengenyepikan kerjasama atau bantuan dari pegawai-pegawai dan kakitangan jabatan dan pejabat-pejabat Kerajaan (Pusat/negeri) patut diertatkan dari semasa ke semasa. Kerjasama dan bantuan seperti ini sangat penting'.

Demikianlah sebahagian dari kertaskerja 'Pemuda Tahan Lasak' yang mana dapat diduga sendiri betapa ianya telah dihuraikan oleh pengkur-

sus-pengkursus UMNO, dan betapa pula pelaksanaannya yang tetap menjadi kenangan di dalam sejarah politik Melayu di Malaysia.

Semua ini adalah sebaik-baik pengalaman untuk dimenungkan betapa akibat yang timbul apabila pragmatisme diambil oleh orang-orang Melayu menjadi dasar dan asas cara hidupnya. Bagi, UMNO, Pragmatisme adalah mencerminkan faslalah politik yang paling moden. Dan pragmatisme ini menjadi 'approach' yang dianggap sesuai sekali sehingga komunis Rusiapun menerima approach ini.

Lagi-lagi saya kasihan kerana dalam tempoh itu, UMNO dan Tengku Abdul Rahman, tanpa mereka sedari telah dan sedang ditunggangi oleh A. Samad Ismail alias Zainal nama komunisnya, dan golongan komunis telah mulai mendekati UMNO hingga berjaya menentukan garis-garis politik UMNO dan kerajaan. Pengakuan A. Samad Ismail alias Zainal, yang dia telah berjaya mempengaruhi pemimpin-pemimpin UMNO dan Kerajaan sejak tahun 1964, di mana Tengku Abdul Rahman masih lagi menjadi ketua UMNO dan Perdana Menteri Malaysia adalah membuktikan kebenarannya.

Saya tidak dapat memarahi Tengku Abdul Rahman atau sesiapaupun yang menolak cara hidup Islam, sedang mereka itu percayakan Allah dan mengakui beragama Islam, kerana mereka itu kekurangan pengetahuan. Seluruh kemarahan saya, dan seluruh rasa sedih dan du-

kacita saya ialah kepada golongan berpelajaran Islam baik dalam UMNO apatah lagi dalam PAS yang tidak redha menyerah diri kepada Allah dan berdiri teguh seperti yang diarahkan oleh Allah, yaitu *wastaqim kama umirta*—berdiri teguhlah seperti mana engkau diperintahkan (lihat Al-Quran ayat 15 dari surah *Asy-Syura*).



## **BAHAGIAN KELIMA**

### **MALAYSIA DAN SINGAPURA**

SECARA mendadak sahaja, tiba-tiba Tengku Abdul Rahman Putra, Perdana Menteri Malaysia meledakkan sebutir bom. Bom itu bukanlah bom, tetapi projek baru yang kepada orang-orang Melayu dikatakan 'Melayu Raya'.

Melayu Raya yang dimaksudkan itu bukanlah Indonesia Raya seperti yang diidamkan oleh nasionalis-nasionalis di gugusan Pulau-pulau Melayu. Tengku menggunakan istilah Melayu Raya ini hanya untuk apa yang kemudiannya dikenal sebagai Persekutuan Malaysia.

Projek Malaysia diledakkan seolah-olah seperti sebutir bom oleh Tengku Abdul Rahman pada tanggal 27 Mei 1961. Melayu Raya atau Malaysia ialah satu projek antara Malaya dengan Kerajaan Inggeris, sebagai usaha untuk menggabungkan Federation of Malaya, Singapura, North Borneo (Sabah), Serawak, juga dimaksudkan termasuk Brunai.

Bagi orang-orang yang mengerti perkembangan politik, projek yang dikemukakan oleh Tengku itu, tidaklah memeranjatkan. Oleh sebab me-

mang telah sedia ada rancangan Inggeris ke arah itu. Justeru kerana memang telah ada rancangan yang sedemikianlah, maka matawang yang dipergunakan di semua negeri-negeri jajahan perlindungan Inggeris itu telah disatukan. Dan seperkara lagi ialah di dalam abad kesembilan belas, Lord Brassey, seorang Pengarah North Borneo Company telah mengajukan supaya kerajaan Inggeris menggabungkan semua negeri-negeri Melayu dengan menubuhkan satu jajahan Inggeris yang besar. Rancangan yang dicadangkan ini telah ditentang oleh kebanyakan dari pemegang-pemegang saham dari Syarikat-syarikat Inggeris yang mempunyai kepentingan di daerah ini.

Demikianlah suatu yang begitu lama terpendam akhirnya pada 27 Mei 1961, tiba-tiba dicetuskan oleh Perdana Menteri Federation of Malaya. Sudah tentu kemunculan secara mendadak projek ini mempunyai sebab-sebabnya.

Peperangan di Indochina tidak memperlihatkan tanda-tanda kekalahan pihak komunis, perkembangan dan persiapan Parti Komunis Malaya di bawah pimpinan Ching Peng kian bertambah di kawasan Betong, di utara Semenanjung, pengaruhnya tetap meluas di Malaya dan Singapura. Kedudukan Singapura dari segi politik akan dikaji kembali pada selewat-lewatnya Jun 1963, dan ini bermakna Inggeris harus memerdekakan Singapura.

Indonesia dengan kelengkapan tentera Rusia sedang memperhebatkan kempen mendapat

kembali Iran Barat dari Belanda. Kemungkinan setelah Irian Barat kembali kepada Indonesia, perhatian Indonesia akan ditumpukan kepada Kalimantan Utara. Indonesia dijangka akan bergerak ke arah itu, dan mungkin juga Philipina akan mencoba menguasai North Borneo (Sabah).

Polisi Inggeris ialah bersedia akan memerdekakan tanah-tanah jajahannya, asal saja semua peraturan dibuat yang melindungi kepentingan ekonominya. Untuk memerdekakan Sabah, Serawak dan Brunai sahaja, dibimbangkan pengaruh orang-orang Cina di Serawak yang memang berpengaruh dan ada yang telah komunis. Justeru kerana sebab-sebab inilah Inggeris perlu bekerjasama dengan Federation of Malaya yang ternyata telah begitu jujur menjaga kepentingan-kepentingan ekonomi mereka di Malaya dan setia kepada kebudayaannya, supaya mengambil alih tugas-tugas kerajaan Inggeris di daerah ini sebelum terjadi sesuatu yang merugikan mereka samasekali.

Indonesia pada mulanya tidak menentang projek Malaysia, kerana Malaysia yang dicadangkan itu adalah di antara negeri-negeri jajahan Inggeris dan Indonesia tidak perlu campur tangan, seperti Indonesia telah tidak campur tangan dalam persoalan Timur di Pulau Timur yang diperintah oleh Portugis pada masa itu. Kemudiannya secara tiba-tiba pula Indonesia telah menyerang gagasan Malaysia dan menuduhnya sebagai nekolon atau new colonial atau penjajahan baru, di

mana Indonesia berazam akan mengganyang Malaysia.

Saya memperhatikan perkembangan ini dengan teliti, dan pada pendapat saya tindakan tolong Presiden Soekarno pada masa itu adalah didorong oleh golongan komunis yang merencanakan rampasan kuasa di Indonesia apabila sahaja Indonesia terlibat dengan pertempuran oleh tindakan mengganyang Malaysia di samping perjuangan merebut Irian Barat.

Sikap saya sendiri adalah menyokong pada dasarnya gagasan Malaysia, kerana dalam tahun 1957 atau tahun 1958, saya sendiri telah membawa usul di dalam mesyuarat agung PAS, supaya mendesak kerajaan Persekutuan memengaruhi Inggeris supaya menyerahkan negeri-negeri Kalimantan Utara termasuk Singapura dan digabungkan ke dalam Federation of Malaya. Usul ini telah diterima oleh PAS.

Bagaimanapun sesuatu telah tercatat di dalam sejarah Malaysia, yaitu kerajaan negeri Kelantan yang dikuasai oleh PAS telah mengambil tindakan undang-undang pada tanggal 10 September 1963, menuntut supaya mahkamah mengisytiharkan Malaysia Act sebagai tidak sah. Tindakan kerajaan Kelantan ke mahkamah itu telah difailkan, tetapi bagaimanapun Malaysia dilahirkan juga pada tanggal 16 September 1963.

Tindakan PAS melalui kerajaan negeri Kelantan itu adalah disebabkan oleh banyak perkara. Kelantan adalah sebuah negeri di dalam Negara

Federation of Malaya yang diikat oleh perjanjian. Projek Malaysia dibuat tanpa berunding dengan kerajaan negeri Kelantan. Oleh kerajaan Federation of Malaya, yang melibatkan dirinya dalam perundingan-perundingan lima negara, yaitu Malaya, North Borneo (Sabah), Serawak dan Brunei. Kedudukan Malaya di dalam perundingan itu merupakan satu unit sahaja, sedangkan Malaya sebenarnya adalah terdiri dari 11 unit.

Pada pendapat Kelantan, Malaysia adalah satu bentuk persekutuan yang longgar dibandingkan dengan Federation of Malaya. Ada banyak sekali perkara-perkara mengenai perjanjian dan menjadi undang-undang Malaysia di mana akan diperuntukkan di dalam perlembagaan Malaysia memperlihatkan kelonggaran, yaitu seperti agama, kerakyatan dan lain-lain lagi.

Penulisan buku ini tidaklah dimaksudkan dari segi akedamik dan kerana itu tidak perlu dimasukkan fakta-fakta yang berhubungan dengannya. Malaysia telah wujud melalui suka dan duka. Saya menulis sebagai ahli politik yang menilai kembali sejarah politik, tetapi yang dimaksud dengan menilai kembali adalah menghadapi cabaran masa hadapan dan sama-sekali bukan untuk menggugat apa yang telah terjadi.

Cerita Malaysia sejak dari mulanya telah menjadi sejarah. Malaysia telah berjaya ditubuhkan tanpa Brunei yang oleh beberapa sebab tidak jadi menyertainya. Tiba-tiba secara mendadak

juga Singapura telah dikeluarkan dari Persekutuan Malaysia.

Sidang parlimen diadakan pada tanggal 9 Ogos 1965. Pemberitahuan hanya dibuat dengan telegram, untuk ahli-ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Dan pada persidangan Dewan Rakyat yang bermula pagi itu tanpa ahli-ahli dari Singapura, Tengku Abdul Rahman membentangkan perkara pemisahan Singapura dari Malaysia.

Dewan Rakyat telah membincangkannya dari pagi 9 Ogos hingga kira-kira jam satu pagi 10 Ogos, kemudian disambung oleh Dewan Negara hingga hampir menjelang subuh barulah ditangguhkan, dan luluslah undang-undang memisahkan Singapura dari Malaysia. Saya sendiri telah menentang tetapi dalam undi telah mengambil sikap berkecuali, kerana mengingatkan ahli-ahli PAS di Dewan Rakyat telah menyokong dan memberi undi setuju.

Sungguh-sungguh memeranjatkan betapa hal ini boleh terjadi. Singapura adalah sebuah pulau di hujung Semenanjung Tanah Melayu, Singapura adalah sebahagian dari Gugusan Pulau-pulau Melayu di dalam geografis dan di dalam sejarah bahagian Bumi sebelah sini.

Adapun Inggeris telah menamakannya Singapore adalah sama seperti Inggeris telah menamakan Semenanjung dengan nama Malaya, dan menamakan Laut Campa dengan nama Laut Cina Selatan. Semuanya dibuat oleh Inggeris sesuka hatinya.

Dipandang dari sejarah Singapura adalah hak milik bangsa Melayu, dari segi ilmu alam ia berada di tengah-tengah pulau-pulau Melayu, dipandang dari politik dan ekonomi atau dari sudut manapun jua ia tidak dapat dipisahkan dari alam Melayu di Bumi ini.

Memang sejak dari mula lagi pemimpin-pemimpin UMNO tidak mahukan Singapura bersama Malaya. Malah sebelum tahun 1960 lagi Lee Kuan Yew, David Marshall dan Tun Lim Yew Hock telah menghendaki supaya Singapura dapat bercantum dengan Malaya, tetapi Tengku Abdul Rahman tidak pernah mengindahkannya. Kelahiran Malaysia seperti yang telah diterangkan terdahulu adalah disebabkan perkembangan-perkembangan politik yang berlaku di sekeliling bahagian Bumi Asia Tenggara ini.

UMNO, satu pertubuhan kebangsaan yang dipimpin oleh orang-orang kebangsaan telah begitu takut dengan Singapura, padahal yang dikatakan nasionalis itu adalah mereka yang mengenal bangsanya, tanahairnya dan sejarahnya, di mana mereka memperjuangkan hak-hak mereka dari segi politik ekonomi dan tetap berpandu kepada sejarah mereka sebelum dijajah.

UMNO tidak menghendaki sebahagian dari tanahair bangsa Melayu semata-mata kerana takut akan jumlah penduduk Cina di Singapura yang nanti akan menghilangkan perimbangan penduduk dan pengundi menurut kaum.

Pada hemat saya, ini adalah satu kelemahan

dalam semangat dan berfikir. Adapun jumlah orang-orang Cina yang dibawa masuk oleh Inggeris dan berkembang biak sebagai rakyat British memanglah ramai. Semuanya itu terjadi kerana perjalanan sejarah manusia di daerah ini. Tetapi walau apa dan bagaimana sekalipun Singapura adalah tanahair bangsa Melayu dan sebahagian dari Gugusan Pulau-pulau Melayu, maka ia pada bila-bila masa mesti berada di dalam alam Melayu menurut sejarahnya.

Keramaian keturunan Cina yang ditakuti itulah, apabila Malaysia terpaksa ditubuhkan, lalu ditentukan perwakilan dari Singapura di dalam parlimen Malaysia hanya 17 orang sahaja, yaitu 15 di Dewan Rakyat dan 2 di Dewan Negara.

Sebenarnya orang-orang barat hanya dengan beberapa ratus orang sahaja telah menjajah dan memerintah negara kita dahulu di Gugusan Pulau-pulau Melayu yang sekarang bernama Malaysia, Filipina dan Indonesia. Mereka memerintah dengan kekuatan dan tipudaya mereka disebabkan kelemahan-kelemahan kita yang ujud dari dalam. Dan orang-orang Cinapun, tanpa jumlahnya berjuta-juta juga boleh menguasai Melayu dengan pengaruh kewangan dan lain-lain, sekiranya kelemahan-kelemahan di dalam diri orang-orang Melayu tidak diperbaiki.

Saya tidak merasa gentar menghadapi manusia yang mendatang itu, kerana kita ada memiliki dua kekuatan yang tersembunyi—pertama konsep Islam dan kedua pertolongan Allah. Ke-



dua-dua inilah yang sepatutnya kita gunakan, tetapi malangnya kedua-dua ini tidak kita pergunakan dengan betul.

Orang-orang Cina dan lain-lain adalah hamba-hamba Allah, dan agama Islam adalah kepunyaan Allah, dan Allah menyatakan, bahwa tidak ada siapapun yang boleh memberi petunjuk kepada siapa yang dikasihi, tetapi Allah berkuasa memberi petunjuk kepada siapa yang disukainya.

Kepercayaan kepada Allah, ialah mengerjakan yang disuruh dan menjauhi yang ditegah serta mengharapkan pertolongan Allah dengan segala kesungguhan dan shabar adalah senjata yang paling berkesan untuk orang-orang Melayu yang memang semuanya kalau ditanya akan mengaku beragama Islam.

Sebelum Malaysia wujud saya pernah memberi ceramah kepada orang-orang PAS di Singapura, di mana di dalam ceramah saya telah saya nyatakan, bahwa PAS di Singapura tidak akan berpeluang memerintah Singapura sekalipun PAS memasuki 100 kali pilihanraya di Singapura. Justeru kerana itu, tugas utama bagi PAS Singapura ialah dakwah mengislamkan manusia di Singapura. Saya katakan, sekiranya PAS berjaya mengislamkan Lee Kuan Yew dan membiarkan dia menjadi Perdana Menteri Singapura, adalah lebih baik dari membiarkan Lee Kuan Yew tidak Islam tetapi dia tetap juga Perdana Menteri Singapura.

Apa yang saya ucapkan adalah menurut situasi politik Singapura dan mengislamkan Lee Kuan Yew dan lain-lain hamba Allah di Singapura itu bukanlah suatu perkara yang mustahil. Kewajiban kita ialah menyeru dengan baik, lembut dan bijak. Adapun membuka hati hamba-hamba Allah itu adalah tugas Allah sendiri.

Jika seseorang itu bukan seorang komunis, jika dia ahli politik yang bijak, jika dia seorang yang mengerti di mana bumi dia berada, dan jika dia dengan pengetahuan dan pengalamannya bergaul dengan orang-orang Melayu dapat mengerti akan kebaikan Islam sebagai ideologi yang dapat menjawab segala persoalan mengenai manusia, perkauman, kemiskinan dan lain-lain, maka tidak ada sebab Lee Kuan Yew atau orang-orang sepertinya tidak dapat berfikir untuk menerima Islam.

Manusia boleh menjadi muslim, manusia boleh menjadi Kristian, manusia boleh menjadi sosialis, dan manusia boleh menjadi komunis. Seorang sosialis yang menyatakan dia bukan komunis, itu adalah terbahagi dua. Pertama dia betul belum lagi menerima 100% komunisma, dan kedua memang dia sengaja bersembunyi di sebalik perkataan sosialisma. Saya telah mengemukakan kesimpulan sosialis-komunis ini di dalam buku saya *Manusia di Langit dan Manusia di Bumi* dengan sejelas-jelasnya. Dan setiap orang yang ingin mengetahui pendapat saya mengenai asal mula manusia dan berakhirnya manusia ke-

turunan Adam di planet Bumi ini bacalah buku itu. Suatu hal yang hendaknya dimengerti, sosialisma adalah langkah awal kepada komunisma, kerana manusia ini tidak mempunyai pilihan, kecuali Islam dapat disampaikan kepada manusia oleh muslimin yang cergas dan bijaksana.

Saya yakin orang-orang Cina sebagai manusia boleh menjadi muslimin, kecuali kalau mereka telah benar-benar menjadi sosialis-komunis, maka itu adalah sosialis sampai ke tulang-tulangnya. Saya katakan saya yakin, kerana orang-orang Cina telah lebih dahulu menerima Islam daripada orang-orang Melayu di Gugusan Pulau-pulau Melayu ini. Tetapi semuanya akan berlaku dengan mudah kerana pasti ada pertolongan Allah, sekiranya orang-orang Melayu sebagai muslimin menjadi sebaik-baik contoh kepada manusia di sekelilingnya.

Pemisahan Singapura dari lingkungan politik Malaysia adalah berpunca dari sebab-sebab politik perkauman, perlembagaan, kewangan dan pertentangan tokoh pimpinan Cina antara Lee Kuan Yew dengan Tun Tan Siew Sin yang mengetuai M.C.A.

Pemisahan Singapura adalah satu langkah yang gopoh untuk selamat buat sementara. Singapura yang terpisah sebagai negara berdaulat di tengah alam Melayu adalah sama seperti Israel di tengah-tengah alam Arab, malah lebih hebat lagi.

Sebuah negara pulau kecil yang tidak cukup

tanah untuk didiami dan tidak ada bahan-bahan mentah, pasti akan bergerak liar menguasai negara-negara sekelilingnya untuk kehidupan ekonominya. Perkembangan penduduknya dari tahun ke tahun akan menyebabkan ia terpaksa mencampuri politik negara-negara lain untuk kehidupan politiknya. Sejarah hidup manusia adalah sentiasa mengembang di Bumi ini. Yang demikian adalah sunnatullah.

Singapura yang berasingan sekarang ini tidaklah menjamin akan menyenangkan Malaysia khususnya, samada dari segi politik, ekonomi dan sosial. Perkembangan modal Singapura sedang pesat mengalir ke kepulauan Indonesia dan juga Malaysia dengan identiti yang berbeda-beda, di mana di sebalik ancaman modal itu tidak pula berhenti ancaman perkauman dan komunis yang memang terus bergerak.

Saya sungguh-sungguh tidak mengerti mengapa Tengku mengambil keputusan mengeluarkan Singapura dan mengapa pula Datuk Mohd Asri telah menyokong dan mengarahkan ahli-ahli PAS di parlimen supaya menyokong pemisahan yang tersebut tanpa sebarang perbincangan. Kesilapan besar yang telah terjadi adalah mempunyai akibat yang berlanjutan, dan sangat-sangatlah dikesali.

Seperti yang saya nyatakan, saya telah tidak bersetuju dan kerana itu saya tidak memberi undi setuju di Dewan Negara. Dan untuk itu saya bersedia menerima akibatnya. Berikut dari

kejadian ini, Tan Sri Syed Jaafar Albar yang pada ketika itu menjadi Setiausaha Agung UMNO telahpun meletakkan jawatannya sebagai bantahan atas peristiwa pemisahan Singapura itu. Patut juga disebut seorang ahli Dewan Negara dari parti Perikatan, yaitu Tuan Haji M. Said dari Kuala Kangsar Perak telah tidak hadir dalam mesyuarat Dewan Negara, sebaliknya beliau telah mengirim telegram menyatakan tidak bersetuju. Senator Haji M. Said terpaksa tidak hadir, kerana sekiranya beliau hadir, maka beliau terpaksa pula mengundi bersetuju, jika tidak tentu beliau akan menerima tindakan tatatertib partinya.

Pemisahan Singapura bukanlah satu penyelesaian kepada persoalan-persoalan yang dihadapi oleh Malaysia. Problem demi problem akan terus timbul di negara ini, kecuali satu tindakan dilakukan menurut garis-garis politik Islam. Politik Islam yang dilaksanakan dengan bijaksana oleh muslimin adalah sebaik-baik langkah untuk menyelesaikan keadaan yang rumit di negara ini.

Sebenarnya apabila orang-orang Melayu sebagai teras politik negara dari segi sejarahnya dan masih lagi berada pada taraf ini, maka satu-satunya parti politik yang sepatutnya menjadi 'Leading Party' di Malaysia ialah parti PAS dan bukanlah UMNO.

Kelahiran PAS sejak dari tahun 1951 sebagai sebuah atau satu-satunya parti politik yang mendukung cita-cita Islam dengan Al-Quran dan

sunnah menjadi panduannya adalah satu hakikat yang nyata. Ianya dapat diterima oleh orang ramai.

Tujuan asalnya menuju matlamat menegakkan sebuah negara yang baik, yang menjalankan perintah dan suruhan Allah, di mana negara dan penduduknya akan sentiasa dalam perlindungan dan ampunan Allah. Yang demikian adalah negara seperti yang dimaksudkan oleh Allah di dalam Al-Quran sebagai *Baldatun taiibatun warabbun ghafur*.

Cita-cita ini sejak awal lagi memang menjadi cita-cita muslimin. Cita-cita inilah yang telah mendorong manusia Melayu menyokong PAS dari tahun ke tahun sehingga PAS dikurniakan kemenangan yang cemerlang pada tahun 1959 dengan kejayaannya menguasai negeri-negeri Trengganu dan Kelantan.

Kemenangan PAS di Pantai Timur adalah kemenangan yang menjadi ujian. Kemenangan PAS melalui pilihanraya ala demokrasi di dalam negara demokrasi adalah satu kemenangan yang belum pernah didapati oleh sebarang parti politik Islam di Asia dan di Afrika.

Sesungguhnya kemenangan yang dicapai oleh PAS itu, apabila ia diketahui oleh pejuang-pejuang Islam di Asia Barat, mereka telah benar-benar terperanjat dan ikut bersyukur dengan rahmat Allah kepada muslimin di negara Malaysia.

Mereka di Asia Barat terperanjat kerana me-

reka sedar tidak ada sebuah negara di Asia Barat atau di Afrika yang telah berjaya memberi kemenangan kepada parti politik yang mendukung cita-cita politik Islam, apatah lagi untuk menguasai dan memerintah dua 'state' dalam sebuah negara federasi.

Kemenangan PAS pada tahun 1959 adalah satu peluang keemasan yang telah diperuntukkan oleh Allah kepada PAS, supaya mereka mempergunakan 'base' dari Pantai Timur menuju kemenangan yang dijanjikan Allah kepada siapa yang beriman dan beramal shaleh.

Saya telah mengingatkan teman-teman bahwa sekalipun 1,000 tahun PAS menguasai negeri-negeri Pantai Timur tidak akan membawa kejayaan kepada cita-cita pelaksanaan politik Islam, kecuali PAS telah menguasai Kuala Lumpur. Yang demikian 'base' di Pantai Timur adalah merupakan pangkalan bersiap dan bertolak ke arah menguasai Kuala Lumpur yang bermakna menguasai negara Malaysia.

Bagi saya sendiri kemungkinan PAS menguasai kerajaan Pusat bukanlah satu perkara yang mustahil. Cuma untuk mencapainya hendaklah bersabar dan meluaskan dakwah ke dalam PAS dan keluar supaya dasar dan program politik dan ekonomi serta sosial yang diperjuangkan oleh PAS dapat dimengerti oleh rakyat negara ini secara menyeluruh.

Kesempatan itu memanglah sesuatu yang bisa datang dengan tiba-tiba dan bisa pula pergi

dengan tiba-tiba. Kesempatan yang baik itu jika dipergunakan dengan segala kesedaran dan kesungguhan, tidak syak lagi manusia di Malaysia dapat menerima PAS dan konsep Islam yang sememangnya diberi oleh Allah sebagai sebaik-baik petunjuk dan sebaik-baik peraturan hidup.

Oleh kerana masyarakat Malaysia terdiri dari berbagai-bagai keturunan dan bahasa, maka penyampaian perutusan Islam oleh PAS dalam berbagai bahasa adalah perlu, dan perbuatan-perbuatan contoh, yaitu hidup sederhana di antara rakyat yang sebahagian besarnya miskin adalah sebaik-baik tauladan dan bukti bicara kepada semua manusia di Malaysia untuk memahami kebaikan Islam dan kejujuran pemimpin-pemimpinnya.



## **BAHAGIAN KEENAM**

### **MENGENAL PERJUANGAN**

ORANG-ORANG Melayu adalah tuanpunya negara ini, dan itu bermakna orang-orang Melayu adalah manusia yang mewarisi bumi ini. Tetapi bagaimanapun bumi di daerah ini dan seluruh planet bumi adalah kepunyaan Allah untuk hamba-hambanya yang ditugaskan supaya memakmurkan bumi atau mendevelopkan bumi.

Sejarah bumi daerah ini telah menjadikan bumi ini didiami oleh hamba-hamba Allah yang bukan Melayu, di mana oleh sebab-sebab penjajahan Inggeris telah terjadilah segala apa yang telah terjadi. Dan apa yang ujud di negara ini adalah satu hakikat dari sunnatullah yang tidak pernah berubah-ubah.

Kebangkitan orang-orang Melayu yang dipelopori oleh UMNO mengharapkan supaya orang-orang Melayu tetap menjadi teras politik negara. Memang sepatutnya orang-orang Melayu menjadi teras politik negara ini. Yang demikian adalah sesuatu yang adil. Malangnya UMNO yang terdiri dari dari orang-orang Melayu yang beragama

Islam, berada di bawah pimpinan orang-orang yang liberal.

UMNO yang liberal nasionalis itu, sejak tahun 1964 mulai diserapi oleh golongan kiri yang begitu berpengaruh. Maka UMNO yang liberal nasionalis tanpa ideologi itu mulai mengisi kekosongan ideologinya dengan apa yang dikatakan pragmatisme.

Sementara itu PAS sebagai parti yang mengaku berideologi Islam tidak dapat memisahkan dirinya dari perasaan kemelayuan yang melampau lalu menyebabkan berlaku kecacatan kepada perjuangan Islam itu sendiri. Islam sebagai satu akidah hidup adalah didatangkan kepada manusia untuk mengatur masyarakat dan negara manusia. Di bumi Malaysia ini manusianya telah ditakdirkan oleh Allah, oleh sebab-sebab kelemahan orang-orang Melayu sendiri terjadi seperti yang ada berbagai-bagai macam dan ragamnya.

Perjuangan PAS yang sepatutnya mengambil pimpinan orang-orang Melayu sebagai teras politik negara ini tidak berjaya dilakukan kerana perjuangannya lebih menonjolkan Melayu dari Islam sendiri. Dalam hal ini saya sering menyatakan kepada teman-teman seperjuangan bahwa kemenangan Islam menjamin keturunan Melayu tetapi kemenangan Melayu tidaklah menjamin kejayaan Islam.

Mengingatkan kekecewaan inilah mendorong saya melancarkan gerakan mengadakan kur-

sus kepada orang-orang PAS supaya kesilapan ini tidak terus berlarutan. Kursus-kursus saya itu dinamakan 'perjuangan kita' di mana siri pertama dari kursus itu berjudul 'Mengetahui Perjuangan'.

Di bawah ini adalah ringkasan dari siri pertama kursus yang telah saya sampaikan kepada orang-orang PAS di beberapa negeri. Sekalipun dalam kursus ini saya menyebut PAS tetapi ianya hendaklah difahamkan dengan lebih luas lagi, yaitu umat Islam. Sememangnya demikianlah yang saya maksudkan:

#### **1. Kewajiban kepada setiap umat Islam.**

Adalah menjadi kewajiban di atas setiap diri umat Islam sebagai muslim atau muslimin, semasa mereka hidup di dunia ini, biar di manapun mereka berada di muka bumi Allah ini, melaksanakan segala ajaran Islam, sebagai sifat seorang peribadi, atau secara kumpulan beramai-ramai, apatah lagi sebagai satu bangsa di dalam sebuah negara.

Bila kita membicarakan seorang muslim, mereka biasanya ialah seorang manusia seperti kita ini. Seorang manusia itu, dia datang, dia hidup, dia mati dan dia pergi.

Dari manakah dia datang, mengapakah dia datang, dan mengapa dia hidup di dunia ini, dan ke manakah pula dia akan pergi dan mesti pergi, dan seterusnya bagaimana pula, semuanya itu tidaklah diketahui oleh manusia seperti kita ini,

kecuali kita diberitahu segala sesuatu yang mengenainya.

Adapun yang memberitahu kepada kita segala-gala yang berhubung dengan kita itu ialah Allah. Pemberitahuannya pula melalui rasulNya. Allah jualah yang menunjukkan kepada kita bagaimana semestinya kita mengatur kehidupan di dunia ini sebagai manusia.

Manusia tidak boleh memilih yang lain daripada cara yang ditunjukkan oleh Allah, kerana manusia ini sebenarnya telah dijadikan sematamata supaya manusia memperhambakan diri kepada Allah.

'Dan tidaklah Aku jadikan jin dan manusia, melainkan supaya mereka (menyembah) memperhambakan diri kepadaKu.'— *Az-Zariat 65*.

Demikianlah diterangkan oleh Allah di dalam Al-Quran.

## 2. Manusia diajar oleh Allah apa yang mesti diminta.

Sebagai umat Islam, kita telah diberi kitab bacaan, yang digelar 'yang membedakan di antara yang benar dan yang salah.' Dan kita telah dipimpin oleh Nabi s.a.w., dengan segala contoh dan tauladan.

Kita telah ditunjukkan sebatang jalan yang kukuh untuk hidup di dunia ini. Dan untuk sampai ke akhirat pula telah disuruh meminta supaya ditunjukkan jambatan yang lurus. Dan untuk itulah Allah mengajar kita supaya berdoa

memohon agar supaya kita akan terjamin mendapat:

1. Kebahagiaan di dunia.
2. Kebahagiaan di akhirat, dan
3. Terlindung dari azab neraka.

Allah menjadikan bumi dan langit-langit. Allah yang menjadikan berbagai-bagai makhluk yang kelihatan dan yang tidak kelihatan, Allah yang telah menjadikan jin di dunia ini sebelum dijadikan manusia. Dan Allah jualah yang mengajar dan memberi arahan apa yang patut dibuat oleh manusia, dan apa pula yang tidak patut dilakukan oleh manusia.

Pengajaran daripada Allah itu dinamakan agama. Dan agama itu yang hanya diakui oleh Allah ialah Islam, yang didatangkan melalui Rasulullah ~~Nya~~ supaya menyampaikan dan mendidik manusia untuk mendapat keselamatan di akhirat dengan segala caranya pula.

Alangkah indahnya pengajaran itu, tetapi semuanya itu, apa yang dikatakan kebahagiaan di dunia, dan kebahagiaan di akhirat, serta keselamatan dari siksa api neraka, tidaklah dapat dicapai semudah kita berdoa, memohon dan mengharap-harapkan sahaja.

Kita dijanjikan oleh Allah, semuanya itu akan kita dapati sekiranya kita mengerjakan keseluruhan dari ajaran Islam dengan:

1. Iman yang sungguh-sungguh,
2. Usaha yang sungguh-sungguh,
3. Pengorbanan yang sungguh-sungguh, dan

4. Dengan kejujuran atau keikhlasan yang sungguh-sungguh.

Apabila tiap-tiap sesuatu itu kita mahu melaksanakannya dengan cara bersungguh-sungguh, maka hendaklah kita menguasai segala bidang ilmu pengetahuan, yang semuanya itu adalah penting semasa kita hidup di dunia ini.

Siapa yang mahukan dunia ini, dia hendaklah berilmu, siapa yang mahukan akhirat kelak, hendaklah dia berilmu, dan barangsiapa yang mahu kedua-duanya hendaklah dia berilmu.

Kita adalah satu umat yang dikehendaki mendapat dunia dan akhirat, yaitu mendapat kedua-duanya sekali, sambil mencari perlindungan dari azab neraka yang kuasa pembakarannya dan akibatnya tidaklah sama seperti api di dunia ini.

### 3. Manusia yang tidak dipimpin menjadi anarki.

Kepada umat Islam telahpun diwajibkan, dan telahpun diaturkan berbagai-bagai perkara untuk dikerjakan. Di antaranya ada yang merupakan amalan-amalan yang boleh dikerjakan secara perseorangan atau peribadi, dan ada pula yang hanya boleh dikerjakan secara beramai-ramai.

Kita ambil satu contoh, yaitu sembahyang. Seorang muslim berkewajiban mengerjakan sembahyang yaitu kewajiban atas tiap-tiap diri peribadi. Seorang muslim apabila telah merasa bahwa sembahyang adalah soal peribadinya, maka dia akan mengerjakan kewajiban itu di mana sahaja. Sekiranya dia tidak mahu mengerjakan-

nya di mesjid beramai-ramai, dia memang boleh mengerjakan kewajiban sembahyang lima kali sehari semalam itu sendirian sahaja.

Setiap seorang muslim yang mahu bersembahyang itu, dia diwajibkan pula menutup auratnya. Sekurang-kurangnya dengan melumur tanah liat tubuhnya. Di zaman kita ini, apakah kita sanggup berbuat begitu, menutup aurat dengan kulit kayu atau tanah liat? Tentu tidak. Kerana itu tentulah kita berhajatkan kain untuk menutup aurat samada kain pelikat atau kain untuk dibuat seluar dan sebagainya.

Kain pelikat seperti yang kita dapati, adalah diperbuat di India. Terbuat dari benang. Adapun benang dibuat dari kapas. Kapas didapati dari Mesir dan Rusia dan lain-lain. Kain ditenun dengan kilang. Kilang atau jentera dibuat dari besi. Besi pula dilombong dari dalam bumi. Seluruh perusahaan ini memerlukan modal, pengetahuan, buruh dan sebagainya.

Untuk mendapat sehelai kain untuk seorang yang mahu melaksanakan kewajiban sembahyang, nyatalah kita memerlukan beribu-ribu tenaga manusia yang kita kenal dan yang kita tidak kenal. Mereka itu dari bangsa kita dan yang bukan bangsa kita, dari negara kita dan dari negara-negara lain di dalam dunia ini.

Dari contoh ini sahaja nyatalah kepada kita, bahwa sungguhpun ada kerja-kerja yang dapat kita kerjakan secara sendirian namun pada hakikatnya setiap manusia itu memerlukan manusia

lain, secara langsung atau tidak secara langsung. Yang demikian kita manusia tidak dapat hidup bersendirian, sekalipun kita berfikir kita boleh melaksanakan kewajiban kita secara sendirian.

Oleh kerana manusia memerlukan kepada yang lain, disebabkan hajat-hajat dan keperluan hidupnya yang banyak, maka banyaklah pula persoalan yang timbul dan ditimbulkan oleh hajat dan keperluan itu. Timbul persoalan perusahaan, perlombongan, perdagangan, pertanian, perburuhan, pengangkutan, permodalan, pengetahuan dan kebijaksanaan dan bermacam-macam lagi. Semuanya itu, mesti dikendalikan dan dipimpin dengan undang-undang dan peraturan. Kalau ini semua tidak dipimpin dan dikawal, tidak syak lagi akan berlakulah kekecewaan di dalam susunan masyarakat dan pada masa itu masyarakat manusia ini menjadi anarki, melahirkan anarkis di mana-mana, yaitu masing-masing bermaharajalela, yang kuat menindas si lemah, dan yang kaya menindas si miskin dan sebagainya.

#### 4. Allah menghendaki ada puak atau kumpulan yang memimpin.

Oleh kerana manusia ini sememangnya ramai, dan persoalan mengenai kehidupan mereka bermacam-macam pula, maka Allah telahpun menunjukkan sesuatu yang patut dilakukan oleh mereka, yang bermaksud:

Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak



yang menyeru kepada kebajikan, menyuruh berbuat baik, dan melarang berbuat kejahatan. Dan mereka itulah yang mendapat kemenangan.'—*Al-Imran 104*.

Daripada maksud perintah Allah itu, dapat kita bahagikan kepada empat, yaitu:

1. Hendaklah ada satu puak atau kumpulan di antara umat Islam, biar di manapun manusia hamba Allah yang Islam itu berada di bumi Allah ini.

Adapun tugas puak atau kumpulan itu, ialah menyeru manusia semua kepada kebajikan. 'Kebajikan, adalah perkara-perkara kebaikan yang meliputi.' Adapun menyeru kepada kebajikan itu tidak lain daripada menyeru manusia supaya memperhambakan diri kepada Allah dan berbakti kepada Allah dan tentulah tidak lain pula melainkan menurut ajaran agama Islam.

2. Menyeru atau memerintah manusia, supaya mengerjakan perkara yang mendatangkan kebaikan kepada manusia seorang dan juga ramai.

3. Melarang atau mencegah manusia daripada mengerjakan sesuatu yang jahat yang akan mendatangkan kejahatan dan keburukan kepada seorang atau ramai, dan

4. Mereka itulah puak atau kumpulan yang mendapat kemenangan, yaitu yang berjaya membuat kebaikan yang banyak, yang sudah tentu akan mendapat sanjungan dari manusia yang banyak dan kebaikan yang banyak di sisi Allah.

Kita adalah manusia dari sebuah pertubuhan

yang sejak ditubuhkan pada tahun 1951 dahulu, telah menjalankan tugas menyeru manusia kepada ajaran Islam, untuk melahirkan masyarakat Islam dan menegakkan negara Islam di tanahair kita ini.

Tugas seruan adalah merupakan yang pertama dari perintah Allah. Ini telah dan sedang kita lakukan. Adapun tugas yang kedua dan yang ketiga, yang dimaksudkan menyuruh dan melarang, biasanya hanya dapat dilakukan oleh puak atau kumpulan yang berkuasa. Atau dengan lain perkataan di zaman kita ini, ialah satu jemaah menteri yang memegang dan mengendalikan kekuasaan politik negara.

Justeru kerana itu, selagi kita belum mendapat kekuasaan politik yang dijalankan oleh satu jemaah menteri daripada kita sendiri, selama itulah kita tidak boleh menyempurnakan kehendak-kehendak perintah Allah yang kedua dan yang ketiga itu dengan cara yang berkesan.

Tanpa kekuasaan politik sebagai jemaah menteri, kita hanya boleh menyeru, mengajak dan menegur, yang tidak lebih dari ertikata memberi nasihat sahaja.

Jelaslah kepada kita, bahwa kekuasaan politik itu adalah sesuatu yang sangat perlu diperoleh, dan termasuk di dalam kewajiban umat Islam yang hanya dapat dicapai dan dilaksanakan dengan cara beramai-ramai.

## 5. Apakah pengertian politik itu.

Apakah politik itu?

Ada orang begitu mudah telah memberi erti, bahwa politik itu ialah kuasa. Kerana itu, bagi mereka yang mabuk kuasa, dilakukanlah oleh mereka apa sahaja, seperti penipuan, pembunuhan, pengeliruan, penindihan, bahkan lebih daripada itupun, asal sahaja mereka dapat memegang kekuasaan, atau dapat mengekalkan kekuasaan yang ada di tangan mereka.

Pengertian yan teramat mudah ini, sangatlah mengelirukan daripada kebenaran. Pengertian yang seperti ini sangatlah berbahaya jika dijadikan pegangan atau keyakinan.

Adapun erti politik menurut asalnya daripada bahasa Yunani atau Greek tua, seperti yang dijelaskan oleh mahaguru Aristotle, ahli falsafah bangsa Yunani, ribuan tahun dahulu kepada muridnya ialah: 'Susunan masyarakat, dan pelaksanaan susunan itu.'

Demikian pengertian tentang perkataan politik yang berasal dari bahasa Yunani, oleh mahagurunya yang mengejar tentang politik dan fahamannya.

Di zaman kita ini, menurut pentafsiran ilmu politik moden, bahwa politik itu adalah 'satu seni dan pengetahuan bagaimana cara mentadbirkan pemerintahan dan urusan kenegaraan.'

Pengertian seperti yang dirumuskan oleh ilmu politik moden itu adalah hampir dan sesuai dengan keyakinan kita. Pengertian ini akan men-

jadi sangat tepat dan sesuai sekali dengan keyakinan kita jika diubah susunannya daripada seni dan pengetahuan, menjadi 'satu pengetahuan dan seni.'

Dengan pengertian ini, jelaslah bahwa apa yang dikatakan politik itu yang sekarang telah-pun termasuk di dalam bahasa kita, dan sentiasa menjadi perbincangan kita, adalah sesuatu yang baik, bersih dan sangat dikehendaki bagi mengatur hal ihwal manusia.

Politik pada zatnya adalah bersih dan suci. Tidak kotor seperti pengertian dan pegangan sebahagian orang, kononnya politik itu satu permainan atau perjudian yang kotor.

Politik adalah bersih, dan Islam sendiri menghendaki supaya ada satu puak yang menyuruh dan melarang, yaitu mentadbirkan hal ihwal manusia ini, maka nyata, sekiranya daripada politik itu didapati kotor, sesungguhnya kekotorannya itu bukanlah dari atau kerana politik itu sendiri, tetapi ialah kerana manusia yang memegang atau yang mengendalikan politik itu yang sebenarnya kotor.

Di dalam dada manusia ada tersimpan seketul darah yang beku, yaitu yang dipanggil 'hati'. Jika hati manusia itu baik, maka baiklah manusia itu. Sebaliknya jika hati manusia itu kotor, maka kotor dan jahatlah manusia itu.

## 6. Bagaimana cara kita berpolitik.

Persatuan Islam Setanah Melayu, yang

ringkasnya disebut (PAS), adalah sebuah pertumbuhan yang telah ditubuhkan sebagai alat kepada umat Islam di tanah air kita ini mencapai tujuan kita, yaitu memperhambakan diri kepada Allah dan berbakti kepadaNya.

Kita menubuhkan pertumbuhan politik yang dinamakan PAS ini, kerana kewajipan ini tidak boleh dilakukan secara perseorangan, dan kerana itu mesti diusahakan dan diperjuangkan beramai-ramai.

Kita menjadi ahli PAS dan memperjuangkan cita-cita kita bersama, sebagai muslim dan muslimin, menerusi PAS sebagai alat yang sah dan halal di sisi undang-undang dan perlembagaan negara di mana kita berada.

Haluan politik kita ialah menuju pelaksanaan hukum-hukum Allah di dalam negara kita. Untuk itu kita berjuang, dan bagi menyampaikan kita kepada tujuan itu, kita telah menetapkan undang-undang tubuh parti kita, bahwa hukum dan pegangan kita, ialah Al-Quran, hadis dan ijma ulama yang terang dan nyata.

Di dalam melaksanakan tugas ini, di mana tidak kita dapati sesuatu daripada Quran atau dari hadis, kita gunakan akal dan fikiran dengan bermesyuarat di antara kita. Asal sahaja keputusannya terang dan nyata tidak berlawanan dengan petunjuk Allah dan sunnah RasulNya.

Kepada kita kitab Allah dan sunnah RasulNya adalah sumber pengetahuan kita dalam segala-galanya. Otak serta kebijaksanaan adalah seni,

yaitu satu anugerah Allah kepada manusia yang tidak ternilai harganya.

Dengan menggunakan semua ini, sambil bersabar dan menyerah diri kepada Allah, kita melaksanakan tugas dan kewajiban kita dengan sebaik-baiknya. Dan yang demikian adalah memenuhi pengertian politik, apa yang dikatakan sebagai pengetahuan dan seni bagaimana hendak mentadbirkan urusan pemerintahan dan kenegaraan.

#### 7. Kewajiban dan persoalannya.

Kepada kita ahli-ahli PAS, perjuangan kita ini ialah untuk mencapai kekuasaan politik negara, di mana dengannya akan dapatlah kita menjalankan segala hukum dan perundangan, dan juga peraturan menurut pandangan Islam. Negara ini akan merupakan sebuah negara kebajikan bagi semua penduduknya yang taat dan setia.

Inilah asas seorang muslim berpolitik. Dan inilah cara pemikiran kita mengapa kita berpolitik. Kita berpolitik kerana kewajiban beragama.

Berpolitik kerana agama, ertinya mencari keredzaan Allah. Yang demikian apa sahaja yang kita lakukan, yang menjadi persoalan bukanlah menang atau kalah, tetapi apakah sesuatu itu benar atau salah.

Demikianlah kepercayaan kita. Tetapi sebahagian manusia Umat Islam di dalam tanahair kita ini, perjuangan menegakkan negara Islam seperti yang kita perjuangkan, mereka berpendapat se-

bagai satu kemustahilan dan sebagai impian semata-mata. Mereka berpegang, politik dan agama tidak boleh dicampurkan.

Mereka adalah bebas dalam kepercayaan mereka. Kitapun dapat mengenal siapa mereka, dan mengapa mereka keturunan Islam sampai terjadi berfikiran begitu. Tetapi yang menjadi soalan kepada kita ialah, mereka tidak sekadar mereka, tetapi mereka bekerja pula meyakinkan dan meracuni fikiran umat Islam supaya mengikut cara pemikiran mereka.

Mereka akan berbuat apa sahaja untuk menarik perhatian umat Islam kepada mereka. Kadang-kadang kelihatan mereka itu beragama, satu cara dari apa yang dikatakan beragama kerana politik.

Beragama kerana kepentingan politik, adalah satu kebiasaan yang selalu terjadi kepada manusia di dalam dunia kita ini.

Inilah dia persoalan yang perlu diperhatikan dengan berat. Inilah dia cabaran kepada kita yang meminta perhatian yang bersungguh-sungguh. Kerana cara yang mereka lakukan adalah merupakan racun yang sangat berbahaya sekali.

Pemikiran manusia, apabila telah diracuni, akan menjadikan manusia membelakangkan hukum-hukum Allah, dan hidup mereka hanya untuk mengejar kebendaan semata-mata. Tujuan hidup manusia akan terpesong menurut nafsu yang diarahkan oleh syaitan. Dan akhirnya, apa yang dikatakan akhlak, budi pekerti, moral dan

susila semuanya akan lebur, dan manusia, apabila telah terjadi begitu, sekalipun masih bersifat dan berupa manusia, 'dia bukanlah insan lagi, binatangpun bukan juga, malah pada masa itu seperti yang diumpamakan oleh pengajaran Islam, yaitu lebih jahat dari binatang sendiri'.

Bagi kepentingan perjuangan kita, perlu sekali fikiran manusia diajak kembali kepada fitrah atau nature seperti yang diatur oleh Allah. Usaha ini adalah jua kewajiban yang mesti dihadapi oleh kita dengan bijaksana, tetapi tegas.

#### **8. Rendah diri dan bimbang bukan sifat orang yang beriman.**

Kewajiban kita sebagai umat Islam, menghendaki kita berjuang, kerana itu tidaklah layak bagi kita mendengar alasan-alasan kononnya di dalam negara kita ini bukan semuanya orang-orang Islam. Jumlah umat Islam ini sedikit, yang bukan Islam ramai. Umat Islam lemah dan miskin, orang lain kuat dan kaya. Di dalam perkara pelajaran umat Islam terbelakang, dan di dalam perkara ekonomi umat Islam mundur dan ketinggalan.

Semua alasan-alasan itu tidak boleh melemahkan kita sebagai muslimin, kerana kita berjuang tidaklah seorang diri di dalam negara kita ini. Bilangan kita masih ramai dan kewajiban di atas kita tidaklah mengizinkan kita menerima alasan itu.

Perjuangan Islam ini telah pernah dibuktikan



kejayaannya di dalam sejarah, yaitu dimulai oleh Nabi Muhammad sorang diri sahaja. Kerana itu selagi kita percaya bahwa hidup kita mesti berbakti kepada Allah yang menjadikan kita, maka perjuangan ini hendaklah diteruskan, sekalipun hanya tinggal seorang muslim sahaja lagi di dunia ini.

Perasaan hina diri dan perasaan bimbang, kerana orang lain ramai, mereka kuat dan sebagainya, bukanlah perasaan seorang muslim yang sejati, dan itu bukanlah sifat orang-orang yang beriman.

Allah telah menegaskan larangannya, yang bermaksud:

'Dan janganlah kamu merasa hina, dan janganlah kamu merasa dukacita, kamulah yang paling tinggi, sekiranya kamu orang-orang yang beriman.'—*Al-Imran, 139*.

Daripada keterangan Tuhan ini dapat kita pecahkan kepada empat, iaitu:

1. Janganlah orang Islam merasa hina atau rendah diri menghadapi siapapun sesama manusia di dalam dunia ini.

2. Janganlah orang Islam menaruh perasaan dukacita dan bimbang dalam menghadapi orang lain walau bagaimana sekalipun.

3. Umat Islam adalah umat pertengahan yang dikeluarkan di antara manusia, dan merekalah umat yang paling tinggi di sisi Allah.

4. Dengan syarat, manusia muslim dan muslimin itu beriman.

Iman adalah perkara hati, iman adalah cahaya yang menggerakkan kekuatan umat Islam. Cahaya inilah sesuatu yang telah hilang, kerananya umat Islam kebelakangan ini kehilangan sejarah gemilangnya.

Beriman tidaklah sekadar percaya akan Tuhan itu ada. Kepercayaan kepada Tuhan sebenarnya adalah dimiliki oleh kebanyakan manusia, sekalipun mereka menyembah berhala.

Iman yang dikehendaki, ialah beriman dengan keenam-enam dari apa yang dikatakan rukun iman:

1. Percaya akan Allah.
2. Percaya akan malaikat, yang setia dengan tugasnya.
3. Percaya akan Rasul-rasul, yang menyampaikan petunjuk dari Allah.
4. Percaya akan kitab-kitab dari Allah, yang terakhirnya ialah Al-Quran. Percaya dengan ertikata taat kepada segala apa yang terkandung di dalamnya.
5. Percaya akan Qadha dan Qadar, tetapi manusia hendaklah berikhtiar dan kemudian bersabar.
6. Percaya akan hari pembalasan yang akan berlaku setelah kebangkitan.

Beriman menurut ajaran Islam ialah percaya dengan hati dan beramal dengan ikhlas menurut segala perintah Allah.

'Manusia yang beriman itu benar-benar se-

orang muslim, tetapi manusia yang muslim itu belum tentu seorang yang beriman.'

Apa yang dikehendaki sekarang ini, kita umat Islam hendaklah menjadi muslim yang benar-benar menyerah diri kepada Allah. Dengan itu akan membuktikan kebenaran iman di dalam hati.

Seorang muslim yang beriman, yang beramal, itulah dia seorang yang taqwa. Dan orang yang taqwa adalah seorang manusia yang beriman, kemudian menyerah diri dalam hidupnya kepada Allah, dan mengerjakan apa yang disuruh dan menjauhi apa yang dilarang oleh Allah dan Rasul dengan hatinya yang ikhlas. Yang demikian ertinya dia adalah seorang yang berbakti.

Allah akan memberi kembali kepada kita umat Islam kuasa di muka bumi ini, apabila kita dapat memenuhi syarat-syaratnya.

Umat Islam tidak boleh merasa rendah diri dan berdukacita. Umat Islam hendaklah mengangkat kepalanya di hadapan makhluk Tuhan, dan hanya kepada Allah sahaja seorang muslim mesti menundukkan kepalanya sujud di bumi, di mana tempat kakinya berpijak.

Ini bukanlah kesombongan, tetapi satu pengajaran mengenal diri supaya berjiwa besar. Supaya lahir rasa persamaan di antara sesama manusia. Apabila manusia muslim telah mengenal dirinya, itulah permulaan pembentukan peribadi untuk melayakkan muslim dan muslimin mengambil tanggungjawab sebagai pemimpin

dan memimpin manusia kembali di dalam dunia ini.

Sekiranya tidaklah kerana keyakinan kepada ajaran Tuhan ini yang menjadikan pegangan dan keyakinan kita, sudah tentu kita tidak sanggup menubuhkan parti kita dan berjuang dengan kekuatan sendiri di dalam negara yang kita ketahui bagaimana keadaannya, dan sekuat mana kita di dalam segala lapangan kehidupan, setelah ratusan tahun lamanya kita umat Islam telah dilumpuhkan oleh musuh kita.

#### 9. PAS Parti politik Islam.

Persatuan Islam Setengah Melayu telah ditubuhkan bagi maksud mengisi tujuan hidup manusia muslim, supaya dengan parti kita ini dapatlah kita memperjuangkann cita-cita kita secara halal menurut perlembagaan negara kita.

Oleh kerana kita sebuah parti Islam, maka kita bukanlah sebuah parti kebangsaan dalam ertikata faham kebangsaan atau nasionalisma.

Kita bukanlah parti kebangsaan Melayu. Undang-undang tubuh PAS, fasal (8) darihal ahli PAS, adalah dengan jelasnya menunjukkan, bahwa ahli biasa PAS itu ialah: Seorang warganegara Persekutuan yang beragama Islam: adapun syarat menjadi ahli biasa PAS itu ialah seorang Islam yang berakal baligh, menurut hukum Islam.

Menurut amalan antara bangsa di dunia sekarang, seorang yang bukan warganegara atau rakyat sesebuah negara, tidak boleh mencampuri

politik sesebuah negara yang lain. Yang demikian keahlian parti kita adalah sesuai dengan hukum dan amalan antara bangsa dan juga dengan pandangan politik Islam sendiri.

Oleh kerana kita adalah parti politik Islam, maka seluruh warganegara kita yang beragama Islam, adalah boleh menjadi ahli biasa parti kita tanpa mengira keturunan atau warna kulit.

Dan kerana parti kita berdasarkan kepada Islam, maka seorang warganegara, lelaki atau wanita, yang beragama Islam yang ingin menjadi ahli biasa PAS, hendaklah telah berakal baligh menurut hukum Islam. Seorang manusia yang telah berakal baligh itu, bererti telah mulai memikul tanggungjawab atau kewajiban peribadi seseorang muslim atau muslimat. Kewajibannya sebagai seorang hamba Allah telah mulai diperhitungkan.

Yang demikian PAS bukanlah sebuah parti perkauman, dan tidak juga sebuah parti yang berfahaman sempit, tetapi sebuah parti Islam yang benar-benar ditubuhkan untuk memperjuangkan cita-cita Islam di dalam negara ini.

Ajaran Islam mengakui manusia berbangsa-bangsa di dalam dunia ini. Tetapi faham kebangsaan atau nasionalisma adalah sesuatu yang bukan daripada Islam. Kita tidak diperintah berjuang kerana bangsa atau tanahair, apa yang diperintahkan kepada kita ialah hidup berbakti kepada Allah. Faham fanatik atau taksub kepada kebangsaan itu, adalah sesuatu yang telah dihan-

curkan oleh Islam, sebagai satu cara pemikiran jahiliah.

Bagaimanapun kita sebagai muslim, hendaklah mengetahui tentang manusia itu dari Adam, dan Adam itu dari tanah. Dan perlu jua kita mengetahui tentang hubungan antara manusia yang berasal dari satu, kemudian menjadi berbangsa-bangsa.

Manusia menjadi berbangsa-bangsa adalah melalui peroses yang lama tetapi bagaimanapun juga manusia ini berbagai-bagai bangsa adanya, namun semuanya berbangsa manusia juga.

Kerana itu, apakah yang dikatakan faham kebangsaan itu? Bangsa dan kebangsaan itu adalah pertemuan dari titik persamaan dari ego atau ananiah atau keakuan dari manusia sendiri. Pertemuan itu menyesuaikan dari dalam jangka waktu, dan membentuk masyarakat yang senasib dan setempat, yang kemudian menjadi bangsa dan negara.

Peroses wujud satu bangsa dan kebangsaan yang didewa-dewakan adalah mengambil masa yang lama jua. Ianya adalah pula hasil kekuasaan politik manusia yang menguasai manusia yang dikuasai.

Faham kebangsaan moden telah dibawa ke dalam masyarakat umat Islam adalah dengan sengaja oleh orang barat, agar melemahkan umat Islam. Tetapi ianya telah diterima secara kebetulan oleh anak-anak tanah jajahan sebagai satu senjata melawan penjajahan.

Faham kebangsaan ini pada umumnya adalah menimbulkan kesombongan satu bangsa untuk menindas bangsa yang lain. Sama secara langsung atau secara tidak langsung.

Faham ini tidak mengenal manusia seketurunan, dan tidak mengenal manusia seagama. Politik dari mereka yang berfaham kebangsaan sentiasa bernafsu hendak meninggikan bangsanya, sekalipun kerana ini bangsa lain terkorban dan terhina.

Faham ini juga sebenarnya dipupuk oleh nafsu tamak manusia yang berkuasa. Mereka yang berkuasa inilah yang memainkan peranan besar, terutamanya peranan politik ekonomi, sehingga membawa kepada keinginan menjajah secara langsung atau tidak langsung terhadap bangsa dan negara lain, untuk kepentingan segelintir manusia sahaja, tetapi seluruh ini dilakukan atas nama kemuliaan bangsa atau kebangsaan.

Manusia dengan faham kebangsaan yang diperalat oleh bajingan-bajingan yang jahat di zaman moden ini telah membawa dua kali peperangan dunia, yang mana telah menyebabkan pertumpahan darah sesama cucu Adam di muka bumi ini.

Dua kali perang dunia dengan senjata-senjata moden telah mengorbankan ratusan juta manusia, merosakkan beribu-ribu juta hartabenda, menjadikan ratusan juta anak-anak yatim dan wanita-wanita janda.

Dasar Islam yang kita perjuangkan ialah mem-

bawa rahmat kepada alam ini seluruhnya. Dan Allah telah menegaskan yang bermaksud:

'Dan tidaklah Kami utuskan engkau (Nabi Muhammad) melainkan membawa rahmat kepada seluruh alam.'—*Al-Ambia, 107*.

Justeru kerana itu kita sebagai muslimin, pengikut Nabi Muhammad s.a.w. tidaklah layak berfaham dengan fahaman jahiliah itu, samada jahiliah purbakala atau jahiliah moden. Perjuangan kita hendaklah membawa rahmat dan bukan akan mendatangkan kecelakaan dan laknat kepada manusia di dunia ini.

#### **10. Satu bangsa, satu negara boleh hancur dan berubah-ubah.**

Bangsa Melayu telah hancur, peta negaranya telah berubah, dan sekarang apa yang dikatakan Melayu itu hanyalah satu kaum sahaja di dalam sebuah negara baru Malaysia, yang berbangsa baru, yaitu bangsa Malaysia.

Hal ini telah terjadi di hadapan mata kita dan di dalam zaman kita. Sesungguhnya kejadian yang seperti ini adalah ulangan sejarah yang sering berlaku di dunia ini.

Yang demikian itu termasuk di dalam apa yang dikatakan sunnatullah. Ia terjadi dengan sebab-sebab dan menurut perosesnya yang tersendiri.

Mari kita tinjau ke belakang, melihat sejarah kita sendiri. Kira-kira seribu tahun dahulu, sebuah kerajaan Melayu berbentuk kesatuan telah



pernah wujud, yaitu kerajaan Melayu Sri Wijaya. Di zaman kerajaan Sri Wijaya ini, sempadannya di bahagian utara ialah di Segenting Kra. Dan bangsa yang bersempadan dengan Sri Wijaya ialah bangsa Khmer, atau yang dikenal pada masa ini sebagai bangsa Kemboja.

Kerajaan Melayu Sri Wijaya itu telah lama benar tidak ada lagi. Sempadannya juga telah berubah. Bangsa Khmer atau Kemboja telah jauh dari bangsa Melayu. Sempadan kita bukan lagi di Segenting Kra, tetapi di Sungai Golok, di Canglun dan Padang Besar. Dan bangsa yang bersempadan dengan kita setelah Sri Wijaya, bukan lagi bangsa Khmer atau Kemboja, tetapi bangsa Siam atau Thai.

Bangsa Khmer atau Kemboja telah kehilangan daerah mereka yang luas. Daerah yang luas itu pada hakikatnya adalah daerah bangsa Melayu yang mereka rebut sebelum zaman Sri Wijaya. Pada masa kita ini Kemboja hanyalah sebuah negara yang kecil di dalam Semenanjung Indocina.

Bangsa dan Kerajaan Melayu Campa juga telah hancur dan tenggelam oleh penaklukan bangsa Annam, yang sekarang dikenal sebagai Vietnam. Orang-orang berketurunan Melayu masih ada lagi, tetapi telah tenggelam di dalam bangsa Vietnam di utara dan selatan, dan juga di dalam bangsa Kemboja di negara Kemboja sekarang.

Perhatikan pula negara Mesir. Mesir purbakala terkenal di dunia sebagai sebuah negara besar,

dan bangsa penduduknya ialah bangsa Qibti. Bangsa Qibti ini menguasai daerah utara Afrika. Mereka mempunyai raja-raja yang digelar Firaun. Mereka adalah satu bangsa yang terkenal dan bertamaddun di zamannya. Mereka mempunyai angkatan perang yang berpakaian sama, mereka telah maju dalam berbagai lapangan, dan mereka mempunyai serta menyimpan sejarah yang bertulis.

Sungguhpun begitu, mereka akhirnya dikalahkan oleh bangsa Rom, dan kemudian di Zaman Omar bin Al-Kattab, tentera Islam telah memasuki negara mereka dan membebaskan mereka dari penjajahan bangsa Rom yang sangat mereka benci.

Umat Islam sejak itu mulai bertapak di Mesir, agama Islam berkuku di sana, kebudayaan Islam melebarkan sayap di sana, dan akhirnya sebahagian besar dari bangsa Qibti telah menjadi muslimin. Dan merekapun tenggelam dalam pengenalan bangsa Arab semuanya.

Lagi satu contoh ialah bangsa Turki. Turki ialah satu bangsa dari Asia Tengah, negeri mereka bernama Turkistan. Beratus-ratus tahun dahulu sebahagian dari bangsa Turki berpindah sebagai tentera kepada kerajaan Arab. Akhirnya mereka merupakan gerombolan yang berdiri sendiri, dan menegakkan kerajaan Osmaniah, di tanahair orang lain. Mereka telah mengalahkan Rom Timur, dan merekalah yang menduduki Byzantium atau kemudiannya Konstantinople,

ibu negara Rom Timur, dan memberi nama baru, yaitu Istanbul.

Kita bertanya, ke manakah pergi orang-orang asal yang berbangsa Rom dahulu kala? Adakah semua orang itu telah mati dibunuh atau telah lari? Jawabnya tentulah tidak semuanya telah matidibunuh atau telah lari kerana penaklukan Turki, tetapi mereka telah tenggelam di dalam bangsa Turki yang menaklukkan dan membangunkan kerajaan Turki yang baru itu.

Sementara itu negara asal bangsa Turki dan bangsa Turki sendiri pada masa ini telah dibahagi dua pula oleh bangsa lain. Sebahagian dari bangsa dan tanahair Turki yang asal di dalam negara kesatuan Soviet Rusia, dan sebahagian dari bangsa dan tanahair Turki yang asal berada di dalam kekuasaan Cina komunis. Di bawah Rusia mereka dipecah-pecahkan kepada beberapa republik di dalam KRSS dan di bawah Cina mereka bernama Singkiang. Berpuluh juta ramainya mereka itu telah termasuk dalam pengenalan bangsa Rusia dan pengenalan bangsa Cina.

Sesungguhnya dari beribu-ribu tahun dahulu telah berlaku kejadian-kejadian seperti ini, dan sedang berlaku lagi sekarang, akan berlaku lagi di masa akan datang. Kejadian seperti ini akan terus berlaku dengan berbagai-bagai sebab, kita sebagai muslimin tidak perlu heran dengan hakikat ini, yaitu hakikat dari sunnatullah. Bahwa bangsa yang lemah tetap dikalahkan oleh bangsa yang kuat, bangsa bodoh ditipu oleh bangsa

yang cerdas, dan bangsa yang pengecut tetap kehilangan negara dan kedaulatan mereka.

Dan hendaklah juga kita mengetahui akan hakikat yang sebenar, yaitu segala kekuasaan dan bumi tanahair ini semuanya adalah pinjaman daripada Allah belaka. Bagi mereka yang sanggup memikul amanah dan bertanggungjawab.

#### **11. Mengapa PAS menjerit-jerit soalan Melayu.**

Selalu benar orang bertanya, kalau benar PAS berjuang mengikut dasar Islam, kalau benar PAS memperjuangkan ideologi Islam, dan kalau benar PAS hendak menegakkan sebuah negara Islam, mengapa pula PAS memperjuangkan soalan bangsa Melayu dan keturunan Melayu?

Orang telah melemparkan tuduhan-tuduhan, kononnya kita berhaluan perkauman, berfahaman kebangsaan sempit dan kita juga dituduh sebagai parti yang bertopengkan agama Islam.

'Setiap ahli PAS hendaklah faham akan dasar dan cara perjuangan PAS, dan hendaklah memberi pengertian kepada manusia di dalam negara kita tentang perjuangan kita yang sebenarnya.'

*PAS ialah parti politik Islam,  
yang menubuhkannya ialah manusia,  
yang tahu dirinya hamba Allah,  
mereka beragama Islam,  
manusia itu berbangsa,  
bangsanya bernama Melayu,*

*mereka menubuhkan PAS untuk memperjuangkan nasib kita,  
mereka berjuang untuk menegakkan cita-cita mereka,  
di dalam negeri mereka sendiri,  
tanahair manusia berbangsa Melayu.*

Kerana itu apabila PAS memulakan perjuangannya dengan seruan dan dakwah menuju ke negara Islam di bumi Allah ini, maka seruan dan dakwahnya mestilah ditujukan kepada bangsa Melayu itu sendiri.

Bangsa Melayu menurut sejarah adalah tuannya negeri ini. Bangsa Melayu adalah rakyat negeri ini dengan sendirinya sebelum dan sesudah dibuka pintu kerakyatan, dan kebetulan pula yang dikatakan bangsa Melayu di negara kita ini adalah diketahui beragama Islam.

Politik PAS adalah sesuai seperti yang telah dilakukan oleh Nabi Muhammad s.a.w. sendiri, di bumi Allah tanahairnya, seperti yang dapat kita ikuti dari sejarah.

Apabila beliau diberitahu tentang pangkat dan tugasnya, dan kerasulannya pula bermula, maka seruan dan dakwahnya yang pertama kali ditujukan kepada keluarganya sendiri. Keluarga itupun ialah yang paling hampir sekali, yaitu dimulai dengan isterinya, Khadijah. Kemudian kepada sepupunya sendiri, yang kebetulan tinggal bersama-sama dengannya di dalam rumahnya, sebagai anaknya yaitu Ali dan kemudian kepada Zaid

anak angkatnya, yang ada di dalam rumahnya. Kemudian orang yang kelima menerima seruan dan menjadi muslim ialah Ummu Aiman, yaitu perempuan hamba kulit hitam, yang diwarisi oleh Nabi dari ayahnya. Ummu Aiman adalah pengasuh dan teman pengiringnya di masa kanak-kanak. Semuanya ini termasuk di dalam ahli rumah Nabi.

Adapun orang lain dari keluarga dan ahli rumah Nabi, yang mula disampaikan seruan oleh Nabi Muhammad s.a.w. ialah kepada seorang sahabat karibnya yang paling rapat, yaitu Abu Bakar.

Menyeru keluarga yang hampir sekali, adalah satu contoh dakwah Islam yang telah dibuktikan oleh sejarah perjuangan Nabi.

Bagi PAS, siapakah manusia yang paling hampir sekali dengan kita di antara manusia di dalam negara ini, selain dari bangsa Melayu itu sendiri? Bangsa Melayu itu adalah waris keluarga orang-orang yang menubuhkan PAS, dan secara ketbetulan bangsa Melayu itu adalah keturunan manusia beragama Islam.

Gerakan dakwah Islam tidaklah terbatas di sekitar dan di dalam satu lingkungan keluarga yang sempit, dan tidak pula terbatas oleh satu daerah yang sempit. Sejarah telah membuktikan bagaimana Nabi Muhammad s.a.w. telah melaksanakan dakwahnya serentak dengan politik, ekonomi dan sosial, peringkat demi peringkat menuju kejayaan yang luar biasa.

Kepada kita, yang menjadi soalan pokok ialah seruan perjuangan Islam. Adapun yang mengenai satu bangsa atau rupabangsa yang baru di kalangan bangsa manusia ini boleh lahir, dan mesti ada di dalam negara-negara manusia di dunia ini.

Satu rupabangsa adalah satu pengenalan dari satu kelompok manusia yang boleh menjadi satu bangsa baru, kerana sebab-sebab persamaan keturunan, atau bahasa, atau adat resam, atau persamaan nasib

Hal yang demikian boleh terjadi bila-bila sahaja, seperti lahirnya negara Indonesia dan bangsa Indonesia, bekas jajahan Belanda yang dulunya dinamakan Hindia Timur. Satu bangsa baru yang dinamakan bangsa Indonesia telah lahir dari penyatuan (disebabkan penjajahan) berbagai-bagai bangsa dan beribu-ribu pulau, yaitu seperti Aceh, Melayu, Sunda, Jawa, Banjar, Bugis dan lain-lain lagi.

Atau seperti lahirnya negara Pakistan dan bangsa Pakistan dari pembelahan benua kecil India yang dijajah oleh Inggeris.

Perpecahan atau pembelahan benua kecil India itu mempunyai sebab-sebab yang tertentu, yaitu umat Islam di sana mahu kebebasan untuk mereka mengatur cara kehidupan mereka sendiri sebagai muslimin. Peluang bagi manusia Islam di India untuk bebas melaksanakan ajaran Islam tidak ada sama sekali, kerana sejumlah besar dari rakyat India ialah beragama Hindu. Justeru kerana itulah menyebabkan perjuangan melahirkan

negara baru bernama Pakistan telah diperjuangkan dengan gigihnya oleh muslimin di sana, yang berakhir dengan tegaknya sebuah negara baru bernama Pakistan, dan membawa perubahan kepada peta dunia kita, dan satu bangsa barupun ikutlah lahir bagi memulai sejarahnya, sebagai menyambung sejarah manusia yang sebelumnya.

Demikianlah halnya, selama dunia ini bernama dunia, dan manusia ini bernama manusia, perubahan negara dan bangsa boleh berlaku di mana-manapun jua kerana sebab-sebabnya yang tersendiri.

Bagi kita umat Islam soalan yang paling penting ialah akidah Islamiah. Kita hamba Allah, dari Allah kita datang, dan kepada Allah kita akan kembali. Kerana itu hidup sebagai hamba Allah ialah hidup berbakti kepada Allah. Dan itulah matlamat perjuangan kita, semoga Allah redhakan kita, seperti kita redhakanNya.

## **12. Manusia semua hamba Allah, yang paling baik ialah yang taqwa.**

Manusia baik seorang peribadi, atau satu bangsa, semuanya bukanlah terjadi dengan sendirinya, tetapi dijadikan oleh Allah.

'Wahai manusia, sesungguhnya Kami telah menjadikan kamu lelaki dan wanita, dan Kami jadikan kamu berbangsa-bangsa, bersuku-suku, supaya kamu berkenalan, sesungguhnya yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah taq-



wa kamu. Sesungguhnya Allah mengetahui, lagi sadar.'—*Al-Hujurat, 13.*

Dari maksud keterangan Tuhan itu kita ambil dan susun kembali:

1. Wahai manusia,
2. Kami (Allah) yang menjadikan kamu,
3. daripada jenis lelaki (Adam) dan
4. pecahan darinya jenis wanita (Hawa),
5. menjadi pasangan dan berkelamin,
6. menurunkan zuriat berkembang biak,
7. menjadikan berbagai bangsa melalui proses yang lama,
8. ada pula suku bangsa di dalam satu kesatuan bangsa,
9. tujuannya ialah supaya semuanya berhubungan dan berkenalan, melakukan pertukaran barang dan perdagangan,
10. setiap manusia ini, sekalipun bagaimana bijak, maju dan kuat, dan mungkin semuanya menjadi orang Islam, tidaklah ada sebarang kelebihan atau kemuliaan yang istimewa. Allah menjanjikan bahwa yang paling mulia di antara manusia di sisi Allah, ialah siapa sahaja yang dalam hidupnya berbakti kepada Allah.

Allah sangat mengetahui siapa yang berbuat baik dan jujur, dan Allah sangat sedar tentang siapa yang berpura-pura.

Semua manusia berasal dari diri yang satu, yang demikian mereka adalah umat yang satu. Manusia adalah lelaki dan ada pula yang wanita,

mereka dijadikan dan tidaklah mereka menjadikan diri mereka sendiri. Mereka perlu memerlukan, dan mereka berkelamin dan berpasangan.

Kerana itu manusia di antara dua jenis yang berasal dari satu mesti saling hormat, dan mesti berlaku adil dalam pergaulan.

Manusia, oleh kerana berbagai sebab dan melalui proses perkembangan pemindahan, perbedaan iklim dan cuaca, akhirnya menjadi berbeda dalam bentuk rupa dan bahasa dan dikenal dengan berbagai-bagai nama bangsa. Sekalipun begitu, manusia mesti mengenal asal usulnya, dan mereka mesti berhubungan satu sama lain, satu bangsa dengan satu bangsa dari masing-masing negara dengan cara yang baik, kerana keperluan hidup manusia itu sendiri menghendaki berbagai-bagai macam di dalam dunia ini, yang demikian tidaklah layak bagi mereka yang hakikatnya bersaudara dari ibu bapa yang satu, malah dari diri yang satu sebenarnya, tiba-tiba menjadi bermusuhan dan berbunuh-bunuhan.

Di dalam satu bangsa itu pula, ada lagi didapati golongan-golongan manusia yang beraneka ragam menurut suku-suku bangsa itu, atau puak-puak dari berbagai daerah, kota, desa dan perkampungan. Semuanya adalah perlu diberi perhatian dan dihormati, kerana tabiat manusia semula jadi adalah sentiasa condong kepada mencintai dan membela suku, kaum atau golongan sendiri.

Dengan memahami ini, nyatalah bahwa garis

politik umat Islam terlalu luas. Ianya bersifat seluruh dunia. Kerana kita manusia Islam ini adalah anak cucu Nabi Adam yang telah dijadikan Allah supaya menjadi khalifah di bumi ini. Kita adalah mewarisi tugas menjadi khalifah di bumi Allah.

Tanahair bagi muslimin menurut politik Islam ialah seluruh bumi ini. Itu namanya tanahair yang besar. Dan negara tanahair yang diakui oleh batas-batas ilmu alam yang di dalam pengakuan dan perhubungan di antara bangsa pada masa ini, ialah tanahair kecil.

Kewajiban kita yang pertama ialah membentuk negara di dalam tanahair kecil kita di mana sahaja kita berada di bumi Allah ini. Dalam negara itu kita ujud sebagai satu bangsa, dan kemudian berusaha menggabungkan diri dengan negara-negara yang lain dalam bentuk satu persekutuan antara bangsa, atas asas yang tidak merosakkan kedaulatan negara kita masing-masing.

Ini ialah tanahair yang besar kepada kita, di mana dengan hubungan ini akan membawa kepada ujudnya kesatuan pemikiran politik antara bangsa yang tunduk kepada Allah, dan melahirkan kerjasama di bidang ekonomi dan sosial yang akan menjamin keadilan dan keamanan kepada semua manusia di dalam dunia ini.

Ini ialah perjuangan kita yang telah dan sedang dimulai. Setiap perjuangan itu tetap akan menempuh pelbagai halangan dan rintangan. Tetapi akhirnya kebenaran akan menang.

Berdasarkan ini, kita membuat rancangan politik kita, dan kita meletakkan diri kita sebagai hamba Allah. Kita berusaha dan berikhtiar supaya manusia menurut dan mengikuti ajaran agama Islam. Selama kita mengikuti garis yang lurus ini, kita adalah di dalam menjalankan kewajiban kita sebagai hamba Allah.

Kerana itu setiap ahli PAS hendaklah mengenali dan memahami benar-benar mengenai dasar dan cara perjuangan kita. Ingatlah jika kita menolong menegakkan agama Allah, Allah akan menolong kita dalam perjuangan kita ini.

Demikianlah siri pertama dari kursus apa yang saya namakan 'Mengenal Perjuangan' Islam di negara ini. Pada umumnya kursus yang dilancarkan dengan daya utama saya sendiri itu telah diterima oleh orang-orang PAS. Pegawai-pegawainya mengatur dan menyediakan persiapan tempat dan mengumpulkan ahli-ahli PAS untuk mengikuti kursus-kursus itu, tetapi sebahagian pegawai-pegawai dari organisasi PAS itu sendiri tidak begitu ghairah untuk mengikutinya.

Sekiranya tidaklah kerana peristiwa kekacauan 13 Mei 1969 yang melahirkan 'MAGERAN' di mana aktiviti politik telah dilarang, sudah tentu saya dapat meneruskan kursus-kursus ini ke setiap negeri di Semenanjung Malaysia, dan kemudian dibukukannya.

## BAHAGIAN KETUJUH

### SELEPAS 13 MEI 1969

PILIHANRAYA Kebangsaan telah berlangsung pada 10 Mei 1969. Parti Perikatan menerima pukulan yang berat. Pulau Pinang dapat kepada Parti Gerakan. Kelantan masih tetap di tangan PAS. Kegoncangan berlaku kepada Perikatan kerana kemenangan calon-calon parti Gerakan, DAP dan PPP. Kemenangan calon-calon dari parti-parti ini bermakna banyak calon-calon perikatan dari MCA menerima kekalahan.

Parti Buruh memulaukan pilihanraya, dan menghasut supaya pilihanraya gagal. Beberapa keadaan telah timbul sejak bulan April membawa kepada bulan Mei, di mana suasana tegang telah kelihatan di pantai Barat Semenanjung Malaysia.

Kerajaan nampaknya cukup sedar, betapa Parti Komunis Malaya yang bergerak cergas di bawah tanah telah mengambil kesempatan bagi melahirkan suasana tegang bermula dari perarakan-perarakan pada 11 dan 12 Mei 1969, yang mengakibatkan berlanjutan kepada peristiwa 13 Mei yang tidak diingini itu.

Tengku Abdul Rahman di dalam bukunya *Mei 13—Sesudah dan Sebelumnya* telah meletakkan seluruh kesalahan yang menyebabkan timbul peristiwa berdarah itu berpunca dari tindakan tindakan dan ucapan-ucapan parti-parti pembangkang termasuk PAS. Abu Bakar Hamzah telah menulis sebuah buku selepas itu berjudul *Ilham 13 Mei* dengan kata pepatah 'Gayung bersambut—kata menjawab—Terkilat ikan jalapun tiba.'

Apa yang ditulis oleh Abu Bakar Hamzah dalam bukunya adalah memberi gambaran sebagai menolak tuduhan-tuduhan Tengku Abdul Rahman, yang begitu melulu menuduh parti-parti pembangkang, terutama PAS sendiri, yang menyebabkan parti Perikatan sekalipun menang tetapi terasa kalah, kerana menghadapi kesulitan untuk membentuk kerajaan di Selangor dan di Perak.

Sementara itu pihak kerajaan sendiri telah menerbitkan satu laporan dari Majlis Gerakan Negara yang bertindak sebagai badan pemerintah yang menjalankan pemerintahan berjudul 'Trajedi 13 Mei.'

Pada hemat saya seluruh keadaan yang terjadi adalah didalangi oleh komunis tanpa disedari oleh sebahagian orang. Tetapi segala peluang yang mendedahkan kesempatan kepada komunis itu sendiri ialah kerana kelemahan-kelemahan dari sistem pemerintahan dan sistem sosial ekonomi yang dijunjung tinggi oleh Parti Perikatan

dan terus dipertahankan sebagai sebaik-baik sistem yang ada di dunia ini.

Pemerintahan berparlimen telah kembali dijalankan di Malaysia dalam tahun 1971, dengan mengadakan beberapa pindaan kepada perlembagaan. Sebenarnya penyakit yang dihadapi oleh masyarakat negara Malaysia adalah lain dari apa yang difikirkan oleh pemimpin-pemimpin UMNO. Malangnya mereka tidak dapat melihat obatnya dan mereka tidak mau kepada obatnya. Justeru kerana itu mereka balut dengan plaster di beberapa tempat yang disangka punca penyakit dan membiarkan penyakit yang sebenarnya hidup subur dan dipelihara.

Penyakit-penyakit itu ialah perkauman, kemiskinan, rasuah, tidak menyedarkan rakyat tetapi menghiburkan rakyat dengan kata-kata yang enak di samping membiarkan rakyat berdendang dan berdansa yang membawa kepada bertambah-tambah kejatuhan moral dan merebaknya putus asa dan kejadian-kejadian jenayah.

Malaysia kembali ke demokrasi berparlimen. Tengku Abdul Rahman melepaskan jawatan Perdana Menteri, dan kekosongan itu dipenuhi oleh Tun Abdul Razak bin Datuk Hussin. Politik negara masih tetap 'circular', tetap liberal dan pragmatis.

UMNO dan Perikatan seperti yang ternyata dalam kursus-kursus sebelum pilihanraya 1969 telah disebutkan mengambil pragmatisme sebagai ideologinya. Hal ini hanya diketahui oleh se-

bahagian kecil orang dan kebanyakan rakyat ti-  
oak pernah mengerti apa itu pragtisma.

Dasar pragmatik moden dan yang sedang di-  
amalkan itu adalah berasal dari kelicinan politik  
komunis melahirkan taktik yang berslogan  
'Hidup bersama dalam suasana damai' yang di-  
salurkan melalui pemimpin-pemimpin yang  
menggelarkan diri mereka sebagai pemimpin-pe-  
mimpin negara berkecuali.

Satu evolusi baru telah bermula dalam  
UMNO, sejak Abdul Samad Ismail dan orang-  
orangnya berjaya memainkan peranan menguasai  
UMNO. Pemimpin-pemimpin UMNO yang telah  
menerima konsep yang disembunyikan itu, dan  
pemimpin-pemimpin UMNO yang tidak sedar  
mereka telah diperalatkan oleh komunis antara-  
bangsa telah mengadakan hubungan diplomatik  
dengan negara-negara komunis dan saling bertu-  
kar-tukar duta negara masing-masing. Sebenar-  
nya kancil belum pernah dapat mengatur perda-  
maian antara gajah yang berjuang. Tetapi biasa-  
nya kancillah yang tersepit di antara gajah yang  
berjuang.

Ternyata parti Perikatan sesudah tahun 1969  
merupakan sebuah partai yang menang di dalam  
kekalahan, dan akan menemui jalan kehancuran  
jua akhirnya. Perikatan sebagai parti-parti per-  
kauman adalah punca dari segala kekacauan da-  
lam sebuah negara yang berbilang kaum. Pemim-  
pin-pemimpin UMNO, memang ada yang sedar  
tentang keadaan perkauman yang terus dipeli-



hara itu akan menjadi punca kehancuran negara ini. Di antara pemimpin UMNO ada yang merasa selama orang-orang Melayu bersikap Melayu dan orang-orang Cina bersikap Cina dan masing-masing bercakap atas fikiran kemelayuan dan kecinaan, maka selama itulah bangsa Malaysia tidak akan wujud dan bahaya perkauman akan merupakan ancaman yang pada suatu masa akan meletuskan kekacauan. Pemimpin itu ialah Abdul Rahman bin Talib yang pernah menjadi menteri pelajaran dan akhirnya menjadi duta Malaysia di Republik Arab Bersatu Mesir.

UMNO yang ditubuhkan oleh orang-orang yang bersemangat Melayu yang liberal dan terpaksa menerima satu kenyataan yang dipaksakan oleh penjajah Inggeris telah mencoba hendak menyelamatkan Melayu di samping terpaksa menyesuaikan diri dengan kenyataan politik yang tidak dapat dikesampingkan. Apa yang pernah dikatakan oleh Tun Dr. Ismail dalam bulan Julai 1969 kepada *Utusan Melayu* (17.7.69) menunjukkan betapa cara berfikir pada pemimpin-pemimpin UMNO. Kata Tun Dr. Ismail, 'Biarlah secara terus terang saya berkata, jenerasi yang ada sekarang termasuk saya sendiri dan juga mereka yang berada di universiti adalah masih berfikir secara perkauman, masih berfahaman perkauman.'

Pemimpin-pemimpin UMNO untuk sekian lama seolah-olah seperti kehilangan pedoman di dalam hutan belantara dan tidak dapat mencari

jalan keluar yang selamat. Sebenarnya setelah UMNO sanggup menerima dasar-dasar kerakyatan yang longgar seperti yang telah terjadi, maka UMNO patut insaf bahwa untuk mempertahankan kedudukan 'Melayu' adalah satu hal yang tidak boleh dilakukan untuk selama-lamanya, kerana jumlah kerakyatan orang-orang bukan Melayu tetap bertambah di samping jumlah anak-anak mereka yang lahir hidup dan subur di bandar-bandar yang ada kemudahan-kemudahan kesehatan dibanding dengan kelahiran anak-anak orang Melayu yang mati atau hidup kerdil kerana mereka kebanyakannya tinggal di luar bandar dan sukar mendapat rawatan kesehatan yang sempurna.

Berdasarkan ini dalam jangka masa yang panjang jumlah orang-orang bukan Melayu akan terus mengimbangi jumlah orang-orang Melayu, di mana pada masa itu jika rasa cemburu perkauman tetap juga dipandang sebagai satu yang sebaik-baiknya maka negara ini akan terus menjadi medan pertarungan yang mungkin akhirnya akan timbul tuntutan pembahagian tanah dan pemisahan negara yang berdasarkan kepada kaum-kaum. Kemungkinan ini boleh berlaku pada suatu masa, dan masa itu mungkin setelah jenerasi Melayu sekarang telah tiada lagi di dunia ini.

Pemikiran pemimpin-pemimpin politik sepatutnya hendaklah memandang jauh ke hadapan. Berdagang biarlah rugi sekarang jangan rugi se-

guni. Bertindak biarlah titik setitik jangan tumpah sebelanga. Orang-orang Melayu sebagai orang-orang yang mengaku beragama Islam, sepatutnya sentiasa berpandangan jauh, kerana yang dikatakan orang-orang Islam itu ialah mereka yang disuruh memikirkan hari akhirat dan alam akhirat yang bukanlah didunia ini dan jauh sekali waktunya disebabkan tiada ada siapapun yang boleh menduga jangka tempoh akan berada di alam akhirat dan hidup kembali di sana.

Apabila perkara akhirat yang berada di sebalik alam dunia disuruh fikirkan, maka tidak ada sebab perkara keduniaan ini tidak dapat difikirkan untuk beberapa jenerasi akan datang apa yang akan terjadi. Negara Malaysia hanya bisa selamat dengan pemikiran secara Islam yang mengaturkan berbagai peraturan dan yang menegaskan semua manusia dari Adam dan Adam dari tanah. Yang demikian tidak ada kelebihan antara manusia kecuali taqwa. Oleh kerana saya berfikir sebagai muslim maka saya tidak gentarkan soal Malaysian, asal saja dijiwai dengan Islam di mana penyatuan kaum-kaum akan segera berlaku.

Ini tidaklah mustahil akan berlaku selagi Melayu sebagai muslimin merupakan teras politik negara ini. Tetapi andaikata kedudukan Melayu sebagai muslimin telah kehilangan, dan tidak mustahil pula akan hilang, maka segala apa yang difikirkan ini tentulah tidak dapat dilaksanakan lagi.

Ketiadaan pengetahuan tentang Islam adalah

satu sebab mengapa pemimpin-pemimpin yang mengaku beragama Islam, tetapi terdidik secara liberal, tetap tidak dapat melihat Islam sebagai sebaik-baik cara yang boleh merapatkan manusia yang beraneka ragam di Malaysia ini. Menerusi buku ini saya belum mahu menyentuh tentang beberapa pandangan saya dari segi politik, dan sosial ekonomi sebagai cara mengatasi problem Malaysia yang rumit ini. Kerana teori-teori politik dan ekonomi Islam itu hanya boleh dipraktikkan andaikata di kalangan pemimpin-pemimpin sendiri telah bersedia membenamkan rasa 'keakuan' dan 'perkauman'.

Setelah melalui peristiwa 13 Mei, dan MAGERAN diwujudkan dengan diketuai oleh Tun Abdul Razak, orang ramai merasa demokrasi berparlimen tentulah sukar akan kembali semula.

Saya telah diajak bertaruh seratus ringgit oleh seorang doktor, apabila saya mengatakan parlimen akan kembali bersidang selepas tahun 1970.

Setelah parlimen dihidupkan kembali, saya tidak pernah menuntut wang seratus ringgit yang sepatutnya saya dapat, kerana saya bukanlah orang yang suka kepada pertandingan-pertandingan atau musabaqah-musabaqah.

Kabar-kabar yang tersiar mengenai tekanan-tekanan dari angkatan muda yang mengelilingi Tun Abdul Razak, senantiasa menyakitkan hati Tengku Abdul Rahman Perdana Menteri Malaysia pada waktu itu.

Setiap langkah yang mereka lakukan adalah merupakan paksaan halus supaya Tengku Abdul Rahman melepaskan jawatan Perdana Menteri.

Tengku yang begitu merasa hiba dan pilu, telah melaungkan perkara kembali berparlimen, sebagai langkah ke arah beliau mengundurkan diri. Akhirnya Mageran bersetuju dan parlimen dihidupkan kembali. Tidak lama kemudian Tengukupun bersara dari memimpin kerajaan dan UMNO.

Setelah pemerintahan berparlimen dijalankan semula, maka pemimpin-pemimpin UMNO merancangkan satu perubahan politik negara ini ke arah pemerintahan satu parti.

Sebagai langkah awal usaha-usaha ke arah mengadakan kerajaan campuran dilancarkan dan kemudian suara-suara yang memperkatakan ada baiknya tidak ada parti pembangkang mula diperdengarkan. Dalam suasana yang seperti itu, setelah ternyata tidak dapat diterima oleh ramai, malah di kalangan UMNO sendiri ada yang tidak menghendakinya, lalu dilahirkanlah apa yang dikatakan Barisan Nasional.

Barisan Nasional telah ditubuhkan sebagai satu parti Perikatan yang lebih besar, dan sebagai lanjutan dari Perikatan yang diperbesarkan, maka ideologi Barisan Nasional samada terang atau tersembunyi ialah 'Pragmatisma.'

Walau bagaimana sekalipun Barisan Nasional adalah satu percobaan untuk mendekati cita-cita ke arah 'one party system', yang berlingung di

sebalik pragmatisma yang kononnya mencerminkan falsafah politik yang sehabis moden.

Bagi saya sendiri pragmatisma adalah satu approach dari komunis melalui pemimpin-pemimpin negara yang mengaku berkecuali tetapi sebenarnya mereka sedang dipermainkan oleh politik komunis sebagai satu usaha politik komunis yang sehabis moden untuk menaklukkan negara-negara dan bangsa-bangsa di planet bumi ini. Bagaimana PAS ikut melibatkan diri menyertai Bairsan Nasional memanglah menjadi satu hal yang ganjil. Tetapi apa yang mengenai politik PAS dan mengapa sampai ia terseret masuk di dalam kem pragmatik akan saya tulis di dalam sebuah buku yang lain seperti yang telah saya terangkan juga di dalam buku *Mengapa Saya Tinggalkan PAS*.

Kemasukan PAS ke dalam Barisan Nasional, adalah satu penyesuaian antara politik Tun Abdul Razak dengan pemimpin PAS yang memperjuangkan kepentingan Melayu di samping hendak memperjuangkan cita-cita Islam. Ini adalah bermakna PAS diseret masuk dan menyesuaikan diri dengan UMNO yang sejak tahun 1974 pengaruh baru telah menguasai keadaan, yang menyebabkan lahir kegiatan-kegiatan menyingkirkan satu demi satu pemimpin-pemimpin lama UMNO, lalu timbullah kata-kata order baru dan order lama di dalam UMNO.

Dengan terbongkarnya rahasia Abdul Samad Ismail, nyata sekali projek campuran dan Barisan

Nasional adalah merupakan projek golongan kiri Melayu yang menyerapi UMNO sebagai teras politik Parti Perikatan untuk rancangan ke arah 'cara satu parti' yang akan melaksanakan program politik golongan kiri dengan menyamar sebagai nasionalis tulen.

Bagaimanapun oleh kerana projek ini merupakan projek golongan kiri Melayu, maka golongan kiri Cina seperti DAP tidak bersedia untuk menyertainya. Malangnya bagi PAS setelah adanya pengakuan Samad Ismail barulah orang-orang PAS terperanjat, tetapi keadaan mereka telah pun terikat.

Barisan Nasional bagaimanapun adalah tidak lebih dari satu percobaan politik, yang dikatakan sebagai ikhtiar untuk mengurangkan percakaran politik, bukanlah jawapan kepada problem Malaysia yang rumit ini, oleh sebab pemimpin-pemimpinnya masih terus memperjuangkan dan mempertahankan kepentingan kaum masing-masing yang mana dengan kerana itu sentiasa mengancam perpaduan kebangsaan Malaysia yang sepatutnya diperjuangkan dan dilahirkan identitinya dari contoh pemimpin-pemimpin itu sendiri.

Oleh kerana dasar pragmatik yang dianggap satu konsep yang paling baik itu bukanlah sesuatu yang baik, maka untuk keselamatan dan ketenteraman politik Malaysia tiada ada suatu-pun yang boleh menandingi Islam sebagai asas untuk menyatukan manusia.

Islam adalah nama dari satu cara hidup yang

diberi oleh Allah kepada manusia. Manusia yang menerima Islam sebagai keyakinan mereka hendaklah memainkan peranan menyeru manusia kepada cara hidup yang diakui oleh Allah, dan bukan menyesuaikan diri dengan cara-cara hidup yang lain daripada yang bernama Islam.

Ketegasan inilah yang perlu ada kepada PAS sebagai sebuah parti politik yang dulunya telah mencanangkan diri sebagai sebuah parti politik Islam, untuk melaksanakan ajaran Islam di dalam diri seseorang, di dalam masyarakat dan di dalam urusan pemerintahan negara.

PAS yang telah menenggelamkan dirinya ke dalam Barisan Nasional yang mendukung faham pragmatik nyata sekali telah kehilangan identiti dan kepribadiannya sebagai umat yang pertengahan yang dilahirkan untuk menjadi saksi dan bukti dari petunjuk Allah yang logik kepada seluruh manusia.

Apa yang telah terjadi sudahpun terjadi. Tetapi setelah ternyata begitu lama berlaku perpecahan yang merugikan, dan setelah ternyata ancaman komunis sedang menguasai keadaan dan menunggu-nunggu peluang untuk menguasai kerajaan, maka seluruh peristiwa ini hendaknya dijadikan pelajaran yang sebaik-baiknya bagi setiap manusia yang beriman kepada Allah supaya menyedari dan kembali ke jalan Allah. Kembali ke jalan Allah bermakna rela menerima setiap petunjuk Allah dan berjuang melaksanakannya.

Andaikata Islam dipraktikkan sebagai ideologi



negara, dan seluruh mass media dipergunakan untuk menggembelengkan kesedaran rakyat terhadap dasar-dasar negara, dan seluruh pemimpin dan rakyat muslimin menjadi pelopor dalam apa yang diperlukan, yaitu hubungan dengan Allah dan hubungan dengan manusia, maka tidak syak lagi Malaysia akan menjadi sebaik-baik contoh dan sekuat-kuat benteng untuk menghapuskan komunis dan meriahan kebanjiran faham komunis dari mana juapun.

Sekali lagi saya mengulangi bahwa Barisan Nasional dengan pragmatiknya adalah tidak diperlukan, kerana ianya bukanlah jawapan yang tepat kepada problem Malaysia. Satu hal yang patut diakui, baik Perikatan kecil yang dulu atau Barisan Nasional, Perikatan besar yang diadakan sekarang, masing-masing adalah mempunyai problem-problem yang tidak perlu dibutirkan di sini.

Bentuk politik yang seperti ini mengingatkan saya kepada maksud sebuah hadis Nabi Muhammad s.a.w. merupakan satu cerita, yaitu sekumpulan orang sama menaiki sebuah perahu dan masing-masing mengambil tempat mereka di dalam perahu itu. Sementara dalam pelayaran seorang daripadanya mencungkil-cungkil lantai dengan beliung. Apabila seorang yang lain menanya apakah yang dibuatnya, lalu dijawab, 'Ini adalah tempat saya dan saya bebas membuat apa saja di tempat saya.'

Sekiranya setiap orang membiarkan orang itu

yang telah ada di Selangor dan di Pulau Pinang pada masa ini.

Semua kejadian-kejadian yang menjadi sejarah manusia adalah terjadi menurut prosesnya. Tidak ada satu kejadian yang berlaku dengan tiba-tiba, tetapi setiap yang kelihatan terjadi, sebenarnya ialah telah lama dahulu lagi permulaannya.

Semuanya ini adalah perlu diperhatikan dan difikirkan dengan teliti. Kerana memikirkan inilah saya mengharapkan supaya orang-orang Melayu sebagai muslimin yang masih merupakan teras politik negara ini tidak berdegil dan berkeras mempertahankan kepartian masing-masing yang sama sekali tidak menguntungkan.

Penyatuan parti-parti muslimin menjadi satu persatuan adalah sebaik-baik langkah, daripada menggabungkan parti-parti muslimin menjadi satu gabungan. Contoh yang terdekat sekali boleh dijadikan pertimbangan ialah gabungan parti-parti dan pertubuhan-pertubuhan Islam di Indonesia menjadi parti MASYUMI ringkasan dari Majlis Syura Muslimin Indonesia. Walaupun mulanya begitu baik, tetapi akhirnya pecah dan lemah kembali kerana pertentangan kepentingan diri dan golongan hasil dari mainan KHANNAS, yaitu dari jin dan manusia.

Di Malaysia, atau di negara manapun jua di Bumi ini manusia yang menerima Islam sebagai kepercayaan mereka tidak mempunyai hak untuk tidak berada di dalam satu jemaah.

kepada orang-orang yang percaya sahaja. Di dalam surah *Al-Baqarah*, pada ayat 2 hingga 5, jelas sekali diterangkan oleh Allah:

'Kitab itu (Al-Quran) tidak ada sebarang syak padanya, satu petunjuk bagi orang-orang yang (mahu) berbakti.

'Yang percaya kepada perkara ghaib, dan mendirikan sembahyang dan membelanjakan sebahagian daripada apa yang Kami telah kurniakan kepada mereka.

'Dan yang percaya kepada apa yang telah diturunkan kepadamu (Muhammad), dan kepada apa (kitab-kitab) yang telah diturunkan dahulu daripadamu, dan yakin kepada hari akhirat.

'Mereka itulah (senantiasa) atas pimpinan Tuhan mereka, dan mereka itu orang-orang yang dapat kejayaan.'

Demikian Allah yang mempunyai agama Islam memberitahu manusia di Bumi ini. Dan menerusi Al-Quran jua, Tuhan menyuruh Nabi Muhammad s.a.w. mengatakan kepada manusia:

'Katakanlah kepada mereka adakah ibubapa kamu, anak-anak kamu, saudara-saudara kamu, suami-suami dan isteri-isteri kamu dan keluarga kamu, adakah harta-harta kekayaan ayang kamu miliki dan perniagaan yang kamu takut kerugian dan rumah-rumah kediaman yang disayangi itu lebih dicintai oleh kamu dari Allah, dari Rasulullah dan dari perjuangan untuk jalanNya? Jika demikianlah, maka tunggulah hingga Allah memberi keputusan dan sesungguhnya Allah itu

Umat Islam semestinya terkawal dengan disiplin muslimin dan terikat dengan masjid, di mana mesjid sebagai sumber pengikat muslimin di zaman permulaan sejarah Islam mesti dikembalikan untuk memainkan peranannya lagi di Malaysia.

Seberapa banyak persemendaan antara muslimin yang berbilang keturunan harus dilakukan, dan hubungan keluarga samada di pihak suami atau isteri hendaklah dihidupkan dan dipelihara, sebagai langkah asimilasi yang berkesan.

Para pemimpin adalah sebaik-baik manusia yang perlu memperlihatkan contoh-contoh, samada tentang kehidupannya yang sentiasa sederhana di antara anggota masyarakat yang berpunya dan yang tidak berpunya, juga dari perhubungan antara manusia dalam pergaulannya, apatah lagi tentang perhubungan dengan Allah yang memiliki kerajaan-kerajaan di planet-planet lain dan di planet Bumi ini.

Sepanjang yang telah kita lalui dalam sejarah negara kita yang telah diberi kemerdekaan politik oleh Inggeris, telah berlalu dua zaman, yaitu zaman pemerintahan Tengku Abdul Rahman dan kemudian zaman pemerintahan Tun Abdul Razak.

Watak Tengku sebagai pemimpin dari keturunan keluarga diraja dan kelihatan berjiwa rakyat menjadikan Tengku begitu dapat diterima oleh kalangan feodal, dan juga oleh kalangan rakyat yang selama ini diperintah oleh politik

bangsa sebenarnya adalah pergolakan politik antara manusia yang berasal dari satu diri.

Apabila asal manusia ini dari satu diri, maka perpecahan mereka hanyalah kerana keakuan dan kekamian. Perbalahan mereka adalah berpunca setelah mereka mendapat pengetahuan lalu timbul rasa dengki sesama mereka. Demikian yang diterangkan oleh Allah yang tertulis di dalam Al-Quran.

Peri dari golongan kita sendiri terpecah-pecah kerana pelajaran dan pendidikan yang berbeda telah disebutkan di dalam buku ini. Semuanya telah terjadi kerana orang lain telah menguasai kita untuk beberapa lama. Tetapi bagaimana sekalipun sekiranya kita mahu menyedari dan menyesali, sesungguhnya Allah itu Pengampun, Penyayang.

Kembalilah berpegang dengan rahasia Al-Fatihah. Mintalah petunjuk jalan yang lurus dan elaklah dari terus terperangkap oleh mereka yang dimurkai Allah, yaitu Yahudi, dan oleh mereka yang sesat yang disesatkan oleh Yahudi, yaitu Nasrani. Bahwa kekacauan politik dan ekonomi manusia adalah berpunca daripada dua golongan manusia yang telah diajar oleh Allah kepada muslimin supaya mereka sentiasa memohon perlindungan Allah dari tersasul ke jalan kedua golongan itu. Demikianlah peringatan harian dari Allah. Saya katakan peringatan harian ialah kerana sebagai muslimin kita diwajibkan sembahyang di mana surah Al-Fatihah adalah ikut

juga, secara langsung atau tidak secara langsung.

Kefeodalan Tengku itu menyebabkan beliau merasa dirinya adalah seorang Perdana Menteri yang paling gembira di Planet Bumi ini. Tengku sentiasa gembira, justru kerana kerja-kerjanya banyak dilepaskan kepada Tun Abdul Razak dan Tun Dr. Ismail untuk mengerjakannya.

Setelah Tengku terpaksa oleh kerana dipaksa supaya menarik diri dari pimpinan Parti UMNO dan kerajaan, pimpinan diambil alih oleh Tun Abdul Razak.

Tun Abdul Razak semasa di England bukan sahaja seorang penyokong kepada Parti Buruh di sana seperti Tengku Abdul Rahman, malah seperti yang diketahui Tun Abdul Razak adalah ahli Parti Buruh di England. Yang demikian Tun Razak adalah seorang sosialis sejak mudanya.

Oleh kerana Tun Abdul Razak seorang sosialis, maka tidaklah heran bagaimana beliau bekerja dengan rancangan luarbandar dan rancangan-rancangan F.L.D.A. di mana seorang Inggeris, mungkin seorang sosialis, telah bersamanya selama di pembangunan luar bandar.

Adalah satu perkara yang nyata bahwa sistem yang dilakukan oleh Tun Abdul Razak dengan rancangan pembukaan tanah adalah menurut sosialisma. Tetapi ada dua kelemahan di sana, pertama pengurus tidak berjiwa sosialis dan para peneroka tidak mengerti suatu apapun.

Sistem pembukaan tanah itu andaikatan dengan kemudahan kewangan yang ada telah di-

## BAHAGIAN KEDELAPAN

### PENUTUP

SESUNGGUHNYA untuk menilai kembali politik negara Malaysia secara perincian tidaklah begitu mudah. Setiap orang bisa menulis dan membuat analisa menurut pandangan masing-masing. Dan apa yang saya tulis juga adalah berdasarkan pengalaman, pandangan dan perhatian saya sendiri, dan berasaskan itu semua saya memberi penilaian secara sepintas lalu.

Banyak sekali hal-hal yang tidak saya sentuh mengenai pertarungan politik sejak tahun 1946 dahulu. Dalam tempoh selama 30 tahun tentulah telah berlaku berbagai-bagai kejadian yang melibatkan berbagai-bagai parti politik di negara ini. Saya lebih menyentuh tentang UMNO dan PAS kerana kedua-duanya adalah pertubuhan Melayu dan kedua-duanya adalah dari golongan muslimin. Kedua-duanya parti orang-orang Melayu. Ini adalah satu kekuatan yang sebaik-baiknya untuk menjadi pelopor kepada pembentukan bangsa Malaysia yang bersatu, andaikata mereka tidak merupakan dua badan yang berasingan dan berhentaman satu sama lain.

Mengingatkan ini semua, menyebabkan saya menulis surat peribadi kepada beliau pada tanggal 14 Mei 1975, menawarkan kerjasama untuk menentang komunis, seperti yang saya telah masukkan di dalam buku saya berjudul: 'Yakjuj dan Makjuj Bertarong Di Malaysia.'

Setelah Tun Abdul Razak meninggal dunia, Datuk Hussien Onn secara otomatis mengambil alih pimpinan negara, tetapi kerana saya belum mengenali beliau yang sekarang menjadi Pemangku Presiden UMNO dan Perdana Menteri negara saya dengan jelas, maka tidak ada sebarang komen yang dapat diberikan sehingga buku ini disudahkan.

Apa yang sangat diharap, setelah melalui zaman peralihan ini, ialah Datuk Hussein dan para pemimpin lain yang berada di tempat kekuasaan, membuat kajian semula setiap yang telah terlanjur, dan rela kembali ke pangkal jalan untuk memperbaiki kesilapan-kesilapan yang telah berlaku.

Sebagai muslim tidak ada pilihan lain daripada Islam sebagai jalan untuk memperbaiki kesilapan-kesilapan yang telah berlaku.

Sebagai muslim tidak ada pilihan lain daripada Islam sebagai jalan yang paling selamat untuk menyelamatkan negara ini.

Pragmatisme bukanlah suatu teori yang berkesan untuk dijadikan pegangan. Biarlah saya ulangi sekali lagi, yaitu pada hemat saya pragmatisme adalah satu usaha dari Rusia untuk mem-



ada perasaan keMalaysiaan, maka akan terus suburlah rasa perkauman masing-masing yang akibatnya menjadi beberapa bisul yang pada suatu ketika terpaksa pecah jua.

Perkembangan Islam di kalangan rakyat bukan Melayu adalah kian bertambah dari tahun ke tahun. Tetapi perkembangan ini jika tidak dipaut dan dicantumkan dalam satu masyarakat muslimin yang bersatu, maka akan timbul nanti gejala-gejala lain yang akibatnya sama jua, yaitu pertentangan kaum sekalipun sama-sama muslimin.

Saya telah menyatakan betapa sejarah orang-orang Turki yang kebanyakannya dibawa ke tanah Arab untuk menjadi tentera raja-raja Arab di Baghdad, akhirnya orang-orang Turki mendirikan kerajaan mereka sendiri, di mana orang-orang Arab dan bumi Arab diperintah oleh orang-orang Turki, yang mana dari peristiwa itu menimbulkan dendam antara dua bangsa muslimin itu beberapa lama, malah hingga sekarang belum lagi dapat dipulihkan kembali dengan sempurna.

Kita dapat melihat gejala-gejala itu di negara kecil ini. Orang-orang India muslim dengan masyarakatnya, orang-orang Pakistan muslim dengan masyarakatnya dan orang-orang Cina yang telah mulai menerima Islam melalui muballigh-muballigh Islam Cina juga sedang membentuk masyarakatnya sendiri melalui persatuan-persatuan Cina Islam menurut negeri-negeri seperti

Pelopop-pelopop dari sidang Afro-Asia seperti yang telah dijelaskan, yaitu Nehru, Soekarno, Tito adalah jelas mereka itu Marxis. Saya tidak jelas mengenai Jamal Nasir, tetapi mengingatkan perjuangannya dan kezalimannya terhadap mujahid-mujahid Islam dari Ikhwanulmuslimin di Mesir dan perhubungannya dengan Rusia, menjadikan berat sangka saya Jamal Nasir juga adalah seorang Marxis.

Jika benar, maka keempat-empat orang pengasas sidang Afro-Asia di Bandung itu adalah alat-alat Rusia, secara langsung dan tidak langsung.

Secara langsung adalah melalui Tito, seorang komunis dari negara komunis yang telah mengeluarkan dirinya dari kemah Rusia.

Pada hemat saya peristiwa Tito dan Yugoslavia keluar dari blok Rusia dan menyatakan diri sebagai berkecuali adalah satu taktik Rusia melepaskan umpan untuk memancing negara-negara lain kepadanya.

Biasanya Stalin tidak akan membiarkan seorang temannya hidup bebas jika telah menentang pimpinannya. Kalau Trotsky teman karib bersama-sama Lenin sanggup diikuti dan dibunuh oleh agen-agen Stalin, maka tidak ada sebab Stalin membiarkan Tito dari Eropa bebas hidup, sekiranya di sebalik itu tidak ada sesuatu yang tersembunyi. Sementara itu secara tidak langsung pula ialah melalui orang-orang K.G.B. Rusia yang berselerak di Bumi ini.

Berdasarkan ini maka pragmatisma adalah

Satu jemaah atau kumpulan atau perhimpunan itu adalah sama jua maksudnya dengan Partai. Umat Islam di Malaysia mesti sentiasa berada di dalam satu partai yang tunggal, di mana mereka itu hanya berketuakan Allah, dan orang-orang yang beriman yang berilmu yang mereka pilih dari kalangan mereka.

Demokrasi liberal menganjurkan supaya manusia bebas berpartai-partai. Islam bukanlah seperti itu, kerana muslimin itu bersaudara. Pemerintahan Islam bukanlah seperti Teokrasi, atau Otokrasi, atau demokrasi politik, atau demokrasi sosial dan tidak samasekali kediktatoran. Bagaimanapun pemerintahan negara Islam itu berdasarkan kedaulatan rakyat yang percaya-kan Allah dan tunduk menyerah diri kepada Allah, menurut petunjukNya (Al-Quran) dan perbuatan yang dilakukan oleh RasulNya (sunnah).

Kata-kata kepercayaan kepada Tuhan, hendaklah ditegaskan dengan kata-kata kepercayaan kepada Allah yang mana dalam pengertian percaya kepada Allah itu perlu dibuktikan dengan ketegasan dan pimpinan yang adil sebagai langkah menarik dan memikat kasih sayang sesama manusia.

Manusia warganegara yang bukan muslimin berhak mendapat keadilan yang selaras dengan kedudukan mereka sebagai warganegara, dan berhak berbuat atau bertindak sebagai Pembangkang selaras dengan undang-undang yang berlaku di dalam negara Malaysia.



kotor Inggeris dengan berselindung di balik tabir feodal.

Tengku tentu tidak mempunyai pengetahuan Islam yang mendalam. Dan Tengku sebagai putra raja terlalu luas pergaulan dengan masyarakat Inggeris di England, tetapi di sana beliau tidaklah diberi penghormatan sebagai seorang feodal seperti di Malaysia.

Justru kerana sebab-sebab inilah Tengku Abdul Rahman telah menyertai Parti Buruh di England sebagai penyokong yang cergas. Parti Buruh di England adalah parti yang berdasar kepada sosialisma ajaran Marx yang diselaraskan dengan keadaan masyarakat British yang tebal dengan liberalisma dan feodalisma ala Inggeris.

Tetapi Tengku nampaknya tidak menjadi sosialis betul-betul dan tidak juga demokrat betul-betul, kerana ternyata dari peristiwa membakar akhbar-akhbar *Warta* dan majalah-majalah *Qalam* di Johor Baharu dahulu menunjukkan begitulah sifat-sifat Tengku sebagai feodal Melayu yang sementara itu berjiwa rakyat.

Tengku telah memperjuangkan kemerdekaan negara ini, tetapi biarlah saya gunakan istilah lain, yaitu Tengku telah memperjuangkan peralihan pemerintahan dan pertadbiran dari orang-orang Inggeris kepada orang-orang Malaysia, tetapi masih tetap dengan cara perundangan Inggeris dan masih ada penasihat-penasihat dari orang-orang Inggeris melalui pegawai-pegawai yang dipakai terus samada dipinjam atau apapun

selaraskan dengan Islam sudah tentu hasilnya akan lebih baik, sekalipun ada kemungkinan terhalang juga disebabkan para pegawai dan para peneroka tidak memahami Islam sama seperti mereka tidak mengerti sosialisma.

Dan apabila Tun Abdul Razak sememangnya seorang sosialis, maka tidaklah patut diherankan betapa wujud hubungan yang erat antara Tun dengan komrad Abdul Samad Ismail @ Zainal dan talibarut-talibarut komunis yang lain, yang masing-masing yakin komunis akan menang di Asia Tenggara, lantas sebagai Melayu, mereka mendekati Rusia untuk menolong Melayu dari bahaya komunis Cina.

Golongan komunis di sekeliling Tun Abdul Razak sejak zaman Tengku Abdul Rahman lagi telah memainkan peranan persis seperti permainan pemimpin-pemimpin Parti Komunis Indonesia di sekeliling Presiden Soekarno yang marxis itu. Hal ini sangat disedari oleh sebahagian pemimpin-pemimpin UMNO yang pernah bercakap dengan saya.

Saya dapat mengerti bagaimana mainan politik mereka. Tetapi sepanjang yang mengenai Tun Abdul Razak, sebagai seorang yang pernah menjadi pengikut Parti Buruh di England, pada hemat saya beliau tentulah seorang yang berfahaman sosialis sederhana. Sementara itu saya masih menaruh kepercayaan iaitu Tun Abdul Razak adalah seorang Muslim yang menjadi korban pendidikan secara sekular.

cahkan dan melumpuhkan pengaruh Amerika di dalam perebutan pengaruh politik antarabangsa.

Kelahiran sidang Afro-Asia dalam tahun 1950an dahulu adalah anjuran Nehru dari India, Soekarno dari Indonesia, Jamal Nasir dari Mesir dan Tito dari Yugoslavia.

Mereka itu kononnya ialah pelopor dari negara-negara berkecuali dan lahirlah Konfrensi Bandung yang mencetuskan pragmatisma, di mana mereka melaungkan slogan hidup bersama tanpa mengganggu kepercayaan satu sama lain.

Rusia menerima konsep ini dan menyokongnya dengan sekuat-kuatnya. Cina menuntut hak ikut serta dalam kuasa-kuasa besar Afro-Asia, kerana Cina merasa ia lebih berhak sebagai satu kuasa Asia dan menolak Rusia ikut menyertai kerana bagi Cina sekalipun Rusia sebuah negara meliputi Eropa dan Asia, namun Rusia hendaklah disifatkan sebagai negara Eropa.

Permainan Chou En Lai dari Cina adalah permulaan pertarungan antara Cina dengan Rusia di dalam arena politik antarabangsa. Pertarungan ini adalah pertarungan sesama pengikut-pengikut Karl Marx yang semestinya menjadi begitu, yaitu satu di Moskow dan satu di Peking dengan kebangsaan masing-masing yang menggambarkan kejudahan Yakjui dan Makjui.

Kejudahan Yakjui dan Makjui telah disebut sejak dari kitab Allah yang bernama Taurat, bahwa bersama-sama mereka adalah beberapa bangsa lagi akan menyertai mereka.

satu cara mainan Yahudi jua, sebagai jagoan yang melahirkan anekarupa kekacauan di kalangan manusia melalui pelbagai nama yang menarik.

Bagi muslimin, konsep Pragmatisma ini tidaklah bisa diterima kerana konsep ini telahpun di tolak oleh Nabi Muhammad s.a.w. semasa di Mekah 1,400 tahun dahulu.

Seruan orang-orang Quraisy kepada Nabi Muhammad supaya ambil mengambil dan hidup bersama adalah satu anjuran pragmatisma yang sama-sekali tidak diterima oleh Muslimin.

Bahwa cara hidup manusia itu ialah ad-din. Adapun ad-din yang diredhai Allah untuk manusia, dan ad-din yang diterima oleh Allah hanyalah bernama Islam. Yang demikian kepada Muslimin telah diberitahu oleh Allah, yaitu supaya dikatakan kepada siapapun jua: '*Lakum dinukum, waliyadin*—Bagi kamu cara hidup kamu dan bagi kami Muslimin cara hidup kami.'

Sesungguhnya Muslimin di Malaysia telah banyak yang terlanjur, dan telah banyak pula yang silap. Tetapi kiranya Muslimin mahu surut kembali ke pangkal, maka inilah yang sebaiknya. Yang berlaku telahpun berlaku dan berlalu. Menyesal kemudian tidak berguna.

Sebagai manusia yang percayakan Allah, samasekali tidak boleh berputus asa dari mengharapkan keampunan dan rahmat Allah. Marilah kita kembali dengan penuh kesedaran kejalan yang benar dengan menyerah diri kepada Allah. Allah adalah Pengampun dan Penyayang.